

Jilid IV  
Bil. 8



Hari Khamis  
18hb Mac, 1982

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA

*Fifth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT

*Fourth Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1089]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) [Ruangan 1144]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 1 hingga B. 5; B. 7 hingga B. 10; B. 12 hingga B. 14 [Ruangan 1162]

Maksud B. 24 [Ruangan 1167]

Maksud B. 25 [Ruangan 1174]

Maksud B. 26 [Ruangan 1175]

Maksud B. 29 [Ruangan 1176]

Maksud B. 31 [Ruangan 1178]

Maksud B. 32 [Ruangan 1178]

Maksud B. 35 dan B. 36 [Ruangan 1178]

Maksud B. 38 [Ruangan 1185]

Maksud B. 41 hingga B. 45 [Ruangan 1187]

Maksud B. 50 [Ruangan 1188]

Maksud B. 51 dan B. 52 [Ruangan 1189]

Maksud B. 53, B. 54 dan B. 55 [Ruangan 1190]

Maksud B. 60 dan B. 62 [Ruangan 1191]

Maksud B. 64 [Ruangan 1191]

Maksud B. 65 [Ruangan 1197]

Maksud B. 67 [Ruangan 1202]

## KANDUNGANNYA—(samb.)

### Jadual Kedua:

Maksud B. 24 [Ruangan 1174]  
Maksud B. 25 [Ruangan 1175]  
Maksud B. 26 [Ruangan 1176]  
Maksud B. 27 [Ruangan 1176]  
Maksud B. 33 dan B. 34 [Ruangan 1178]  
Maksud B. 37 [Ruangan 1185]  
Maksud B. 39 dan B. 44 [Ruangan 1187]  
Maksud B. 48 [Ruangan 1188]  
Maksud B. 49 [Ruangan 1188]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 1206]

Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan)  
[Ruangan 1208]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 1212]

### USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981 [Ruangan 1144]

#### Jawatankuasa—

Maksud P. 8 [Ruangan 1162]  
Maksud P. 17 [Ruangan 1164]  
Maksud P. 24 [Ruangan 1167]  
Maksud P. 25 [Ruangan 1174]  
Maksud P. 26 [Ruangan 1175]  
Maksud P. 28 [Ruangan 1176]  
Maksud P. 33 [Ruangan 1178]  
Maksud P. 38 [Ruangan 1185]  
Maksud P. 39 [Ruangan 1186]  
Maksud P. 42 [Ruangan 1187]  
Maksud P. 48 [Ruangan 1188]  
Maksud P. 50 [Ruangan 1189]  
Maksud P. 53, P. 54, P. 57 dan P. 58 [Ruangan 1190]  
Maksud P. 64 [Ruangan 1191]  
Maksud P. 65 [Ruangan 1197]

Anggaran Pembangunan, (Tamb.) (Bil. 1) 1982 [Ruangan 1164]

#### Jawatankuasa—

Maksud P. 16 dan P. 19 [Ruangan 1164]  
Maksud P. 25 [Ruangan 1174]  
Maksud P. 27 dan P. 28 [Ruangan 1176]  
Maksud P. 32 [Ruangan 1178]  
Maksud P. 37 [Ruangan 1185]  
Maksud P. 63 [Ruangan 1191]  
Maksud P. 64 [Ruangan 1197]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1164]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEEMPAT

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,  
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ MENTERI KEWANGAN, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI  
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED  
MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN  
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar  
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.  
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K., (Kota  
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESSEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.  
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu  
Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.  
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer  
Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.  
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak  
Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.  
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.  
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).

- Yang Berhormat TUN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.  
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I., (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan,

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Khamis, 18hb Mac, 1982**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PASAR PUSAT PENGELUARAN  
BIJIH—PENUBUHAN**

**1. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandang baru-baru ini pemutusan usaha perantaran di London Metal Exchange (LNE) untuk perubahan peraturan melindungi peniaga-peniaga bijih (short tin dealers) yang mana menjadikan bertambah kacau-bilau dalam pasaran bijih, adakah cadangannya untuk pembentukan perkongsian antara negeri-negeri yang menghasilkan bijih dan untuk menyusun pasar pusat pengeluaran yang telah diatur sudah diterima oleh negeri-negeri yang menghasilkan bijih. Jika telah dipersetujui oleh negeri-negeri itu, beri butir-butir yang lebih lanjut.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan seperti ini semasa menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang pada 9-3-82 dan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 12-3-82.

Saya tidak berhajat hendak membuat apa-apa tambahan.

**KERAJAAN CAMPURAN  
DEMOKRATIK KAMPUCHEA—  
PENDIRIAN MALAYSIA**

**2. Puan Yong Fatimah bte Mohd. Razali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendapat negara kita dan negara-negara ASEAN amnya di atas Kerajaan tiga campuran negara Kampuchea yang disyorkan oleh Singapura;
- (b) adakah Kerajaan campuran seumpama ini dapat menyelesaikan masalah pergolakan mereka sendiri dan tidak mengganggu negara-negara jiran; dan
- (c) apakah harapan negara-negara ASEAN untuk mengekalkan kawasan ini sebagai kawasan ZOPFAN selepas terbentuknya Kerajaan campuran ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan (a), Malaysia dan ASEAN mengalu-alukan usaha ketiga-tiga pemimpin kumpulan Kampuchea untuk mengadakan suatu Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Malaysia menganggap bahawa langkah tersebut sebagai selaras dengan matlamat dan tujuan Deklarasi Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea. Deklarasi ini menyeru supaya tercapai satu penyelesaian politik kepada konflik di Kampuchea melalui pengunduran tentera masing-masing dan seterusnya bagi orang Kampuchea memilih Kerajaan mereka sendiri.

(b) Kita harap dengan wujudnya Kerajaan Campuran ini yang disokong oleh masyarakat antarabangsa akan mendesak Vietnam berunding soal penyelesaian pertikaian Kampuchea.

(c) Kita percaya bahawa Kerajaan Campuran ini akan dapat memberikan sumbangan ke arah penyelesaian masalah Kampuchea secara aman tanpa akibat buruk ke atas negara-negara jiran. Atas apa cara jalan mereka hendak menubuhkan Kerajaan Campuran ini diserahkan kepada kebijaksanaan dan keputusan tiga kelompok yang berkaitan. Kerajaan Campuran ini digalakkan bekerja ke arah mewujudkan satu Kerajaan Kampuchea yang neutral dan berkecuali iaitu non-aligned yang mana ia juga akan membawa kepada tercapainya matlamat kita untuk mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah negara-negara ASEAN tidak mahu membiarkan pihak-pihak yang berkenaan itu terus tidak bersetuju dengan cara-cara menubuhkan Kerajaan Campuran di Kampuchea.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya demikian, adakah pihak Malaysia bercadang hendak memper satu time-table kepada pihak-pihak yang berkenaan dan selepas persetujuan tidak juga dapat dicapai selepas tarikh itu, adakah Malaysia bercadang hendak mengkaji semula sokongannya terhadap cadangan menubuhkan Kerajaan Campuran itu.

**Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa usaha untuk mencari penyelesaian dan dalam hal ini membentuk Kerajaan Campuran adalah usaha yang sepatutnya dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat. ASEAN hanya menyarankan dan memberikan pandangan-pandangan terhadap masalah itu selaras dengan keputusan dan Deklarasi Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea.

Soal untuk kita mengadakan time-table tidak timbul. Walaupun begitu, sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menyuarakan bahawa ada pihak-pihak yang tertentu dalam pertikaian Kampuchea ini yang mengambil sikap sambil lewa dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut dan sekiranya ini berterusan maka

kita mungkin terpaksa mengkaji semula sokongan kita kepada pihak-pihak yang berkenaan.

**Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana campur tangan Vietnam yang menjadi isu, adakah ASEAN akan mengiktiraf Regim Heng Samrin apabila tentera-tentera Vietnam diundurkan.

**Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, usaha yang hendak diwujudkan dalam masalah konflik Kampuchea ialah suatu penyelesaian politik yang berterusan dan berpanjangan yang boleh diterima oleh kesemua pihak dan suatu daripada keputusan dan Deklarasi Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea yang diadakan setahun yang lalu, satu daripada perkara yang penting ialah supaya pihak Vietnam mengundurkan seluruh askarnya daripada bumi Kampuchea sebagai suatu langkah pertama terhadap usaha penyelesaian masalah itu.

Soal sama ada kita mahu mengiktiraf Heng Samrin adalah soal yang kedua kerana selagi tindakan yang pertama itu dan selagi suatu pilihanraya yang neutral diadakan di Kampuchea, maka Kerajaan yang akan dipilih oleh rakyat Kampuchea itulah Kerajaan yang sebenarnya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Luar Negeri oleh kerana masalah ini ada kaitan dengan negara kita, apakah cukup bagi negara kita hanya mengalu-alukan sahaja keputusan atau cadangan yang dibuat oleh negara Singapura ini bagi mewujudkan Kerajaan campuran. Jadi apakah setakat ini langkah-langkah yang negara kita lakukan bagi mencapai tujuan ini dan langkah yang dibuat oleh negara Singapura sendiri?

**Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa langkah yang diambil oleh negara Singapura adalah selaras dan juga dipersetujui oleh anggota-anggota ASEAN yang lain termasuk Malaysia dan di dalam bidang ini kita juga bersama rakan-rakan kita di dalam ASEAN sentiasa berusaha secara yang positif supaya

suatu penyelesaian yang disebut itu dapat dicapai. Hal ini dapat diketahui apabila ASEAN sendiri dan juga Malaysia memainkan peranannya di dalam persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang diadakan baru-baru ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membuat kenyataan bahawa Malaysia akan mengkaji kedudukannya mengenai sokongan terhadap Kerajaan campuran yang dicadangkan itu kalau tidak ada persetujuan terus-menerus. Soalan saya, apakah sikap baru kita ini telah disampaikan secara rasmi oleh ketiga-tiga pihak yang berkenaan, dan kalau sudah, apakah reaksi daripada pihak-pihak yang berkenaan itu?

**Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin:** Saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah dibuat di dalam satu persidangan pembukaan perasmian Persidangan AIPO di dalam Dewan yang mulia ini beberapa minggu yang lalu dan terdapat juga di dalam persidangan itu wakil-wakil daripada negara-negara yang terlibat di dalam masalah ini.

Perkara yang kedua ialah bahawa di dalam negara yang terlibat ini, khasnya di Vietnam kita ada Duta kita yang telahpun menyampaikan secara tidak rasmi tentang apa yang telahpun disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dan ini telahpun diambil berat. Sebenarnya ada reaksi-reaksi yang amat menggalakkan selepas sahaja kenyataan itu dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Umpamanya kita mengetahui laporan di mana kedua-dua pihak, Khiau Samphan dan juga Putra Norodom Sihanouk telahpun pergi ke Beijing di negara China untuk mengadakan perundingan-perundingan lanjut sebagai suatu reaksi yang spontan dari usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dan setakat ini kita menerima laporan yang walaupun agak belum memuaskan sepenuhnya, ciri-ciri yang menunjukkan suatu usaha yang lebih tegas yang dijalankan

oleh pihak-pihak yang terlibat itu untuk mencari suatu jalan penyelesaian.

**Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain sudah sampai kepada kemuncak untuk menakutkan ketiga-tiga kumpulan ini iaitu jika sekiranya mereka tidak menubuhkan Kerajaan Campuran maka Malaysia dan negara-negara ASEAN juga akan tidak menyokong kerusi Khmer Rouge di Bangsa-bangsa Bersatu tetapi dengan penakutan itu juga Kerajaan Campuran ini tidak wujud, bermakna kita telah gagal hampir 100%. Jadi apakah jalan-jalan yang masih terbuka pada ASEAN untuk menyelesaikan masalah Kampuchea ini?

**Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, inginlah dijelaskan bahawa tidaklah menjadi dasar kita dan hasrat kita untuk menakutkan mana-mana pihak ataupun faction yang terlibat di dalam masalah yang berlaku di Kampuchea kerana prinsip kita di dalam dasar luar negeri ialah tidak mahu campurtangan. Kalau kita menakutkan seolah-olah kita adalah pihak yang terlibat secara langsung. Oleh yang demikian usaha yang telahpun dilakukan oleh ASEAN adalah untuk menggalakkan suatu penyelesaian politik mengikut garis-garis yang ditentukan oleh persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea dan ini adalah satu panduan yang harus diterima oleh semua pihak yang terlibat.

Soal bahawa kita tidak akan menyokong kerusi Khmer Rouge ataupun Pol Pot di Bangsa-bangsa Bersatu belum timbul lagi kerana apa yang telahpun kita sarankan ialah sekiranya pihak-pihak yang berkenaan itu tidak berusaha untuk mencari penyelesaian ini, kita akan mengkaji semula dan keputusan untuk menarik balik sokongan kerusi itu masih belum lagi dibuat oleh mana-mana pihak anggota ASEAN.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-3.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini akan dijawab selepas semua soalan telahpun dijawab dalam masa ini.

### PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA—JUMLAH

**4. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa jumlah buruh Malaysia yang bekerja di Singapura, dan nyatakan bilangannya bagi tiap-tiap negeri mereka datang dari negara kita ke sana.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak menjadi dasar Kerajaan untuk mengikat pekerja-pekerja di Malaysia dari keluar bekerja di Singapura atau negara-negara lain. Kerajaan memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat memilih tempat pekerjaan sendiri. Pada masa ini Kerajaan tidak ada menyimpan rekod-rekod yang tepat mengenai jumlah buruh Malaysia yang bekerja di Singapura oleh kerana tiada agensi-agensi tertentu yang bertanggungjawab mengenai perkara itu. Walaupun demikian, mengikut kajian yang dibuat oleh Kementerian saya dalam tahun 1980, bilangan pekerja kita di Singapura dianggarkan di antara 100,000 sehingga 102,000 orang. Kementerian saya tiada menyimpan angka-angka mengikut pecahan tiap-tiap negeri.

### IJAZAH PERAKAUNAN DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar dua badan perakaunan di Malaysia iaitu MIA (Malaysia Institute of Accountants) dan MACRA (Malaysia Association of Certified Accountants) akan bergabung dan dengan bergabung dua badan tersebut adakah bermakna pemegang-pemegang Ijazah Perakaunan dari UKM diiktiraf sama dengan mereka-mereka yang telah lulus dalam peperiksaan MACPA. Jika tidak, apakah peperiksaan yang perlu diambil oleh pemegang-pemegang ijazah Perakaunan dari UKM untuk mempunyai kelayakan yang sama dengan mereka yang lulus di dalam peperiksaan MACPA.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, adalah difahamkan daripada Jabatan Akauntan Negara bahawa Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Malaysian Association of Certified Accountants (MACRA) sedang di dalam usaha untuk menggabungkan diri. Dalam perkhidmatan Kerajaan, ijazah perakaunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai nilai taraf yang sama tarafnya dengan ahli penuh MACPA bagi maksud perlantikan dan gaji.

### JALAN SARIKEI DAN PORT TANJUNG MANI

**6. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang akan membina jalan di antara Sarikei dan Port Tanjung Mani, jika ya, bila.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun meluluskan pelaksanaan projek tersebut dan kerja-kerja perancangan, penyelidikan tanah dan juga rekabentuk akan dilaksanakan dalam tahun ini.

**Tuan Chieng Tiong Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan peruntukan dan tenaga mahir di negeri Sarawak, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Pusat akan memberi lebih lagi peruntukan dan tenaga mahir untuk membina jalan-jalan di negeri?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jalan-jalan negerikah atau jalan di antara Sarikei dan Port Tanjung Mani?

**Tuan Chieng Tiong Kai:** Ya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya mahu bertanya soalan itu adakah berkenaan kemudahan awam iaitu jalan di antara Sarikei dan Port Tanjung Mani sahajakah atau seluruh Negeri Sarawak?

**Tuan Chieng Tiong Kai:** Antara Sarikei dan Port Tanjung Mani.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak \$1 juta bagi perancangan, penyelidikan tanah dan rekabentuk tetapi tambahan peruntukan akan diminta dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat bagi kerja-kerja pembinaan. Projek ini adalah sepanjang 13 batu dan kerja-kerja pembinaan termasuk dua buah jambatan iaitu menyeberangi Sungai Sarikei dan Lobak Palai. Anggaran kos pembinaan ialah \$18.9 juta. Saya harap apabila Kementerian Kewangan akan memberi kelulusan atas projek, kita akan meneruskan projek itu.

### CERMIN GELAP KERETA

7. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah cadangan untuk menguatkuasakan syarat-syarat cermin berwarna bagi kereta-kereta motor. Jika ya, adakah Menteri itu sedar kuatkuasaan syarat-syarat itu hanya menyusahkan tuan-tuan punya kereta-kereta itu dan tidak membawa faedah kepada sesiapa pun.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mengenai cermin gelap iaitu Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan, Kelengkapan dan Penggunaan) (Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu), 1978 memang berkuatkuasa sekarang ini.

Kerajaan menguatkuasakan undang-undang tersebut ialah atas sebab-sebab yang tertentu terutamanya mengenai keselamatan dalam negeri dan atas sebab-sebab keselamatan jalanraya. Undang-undang ini tidak bermaksud untuk menyusahkan orang ramai dan pemilik-pemilik kereta tidak perlu berasa susah jika mereka mematuhi kaedah-kaedah undang-undang tersebut.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar pada masa ini banyak sangat kereta di seluruh Malaysia yang ada menggunakan

tinted glass dan mengikut undang-undang seseorang yang menggunakan tinted glass ini mesti memohon kepada RIMV atau Menteri yang berkenaan. Saya ingin mendapat tahu, ada berapa orang yang memohon, oleh kerana nampaknya di seluruh Malaysia ada orang-orang yang memakai tinted glass ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu oleh kerana meminta bilangan, barangkali mengambil masa. Barangkali Yang Berhormat hendak menjawab.

**Dato' Lee San Choon:** Kereta-kereta yang menggunakan tinted glass ini jikalau kereta yang menggunakan dengan tujuan untuk sunshade iaitu tidak lebih daripada 20% ianya boleh digunakan iaitu untuk sunshade sahaja.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad. Tak ada.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad tidak hadir)*

### BADAN BERKANUN DITUTUP AKIBAT KERUGIAN

9. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bahawa apakah langkah-langkah telahpun diambil untuk mempertimbangkan prestasi badan-badan awam yang didapati selalu mengalami kerugian dan malpraktik, selama ini berapakah badan awam ini telah ditutup dan berapakah kerugian telah dialami.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab secara bertulis pada 12-3-82 iaitu sewaktu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menjawab 5 soalan yang seakan-akan sama tujuannya iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Yang Berhormat dari Bachok, Yang Berhormat dari Ulu Muda, Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri. Tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat berkenaan telahpun dihantar satu jawapan yang penuh dan selengkapnya dan dengan yang demikian, saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi pada hari ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tiada tambahan Yang Berhormat, oleh sebab soalan itu telah dijawab.

**Tuan Chan Teck Chan:** Oleh kerana saya ada terima satu salinan, saya fikir satu aspek yang sangat mustahak mungkin perlu diambil perhatian oleh Setiausaha Parlimen. Bolehkah saya membuat satu soalan tambahan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan yang beliau telahpun menjawab tentang soalan-soalan yang telah dilaporkan yang ditanya hari itu, dan jika ada hal-hal lain daripada hal itu Yang Berhormat hendak bawa, saya minta Yang Berhormat tolong jumpa Yang Berhormat itu di pejabat dan tanya di sana.

#### BAHASA JEPUN/KOREA—KURSUS KEPADA PELAJAR-PELAJAR

**10. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menghantar lebih ramai pelajar-pelajar Malaysia ke Korea Selatan dan Jepun sebagai menyahut saranan yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengaturkan Kursus Intensif Bahasa Jepun untuk sekumpulan pelajar lepasan Sekolah Menengah Vokasional selama enam bulan dengan kerjasama Instituti Teknologi MARA sebelum mereka dihantar untuk latihan kemahiran ke negeri Jepun.

Universiti-universiti tempatan dan Instituti Teknologi MARA telah diminta untuk mengadakan Kursus Bahasa Jepun dan Bahasa Korea dengan lebih giat lagi.

Kementerian Pelajaran sedang membuat rancangan untuk mengajar Bahasa Jepun dari

Tingkatan Empat (IV) ke atas sebagai satu mata pelajaran di enam buah Sekolah Berasrama Penuh.

Kementerian ini juga sedang membuat rancangan untuk mengadakan Kursus Bahasa Jepun bagi 30 orang guru di Maktab Perguruan Bahasa agar mereka akan bertugas sebagai Pengajar Bahasa Jepun.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bidang-bidang pelajaran yang akan dititikberatkan oleh pihak Kementerian dan adakah pihak Kementerian membuat senarai nama-nama universiti ataupun institusi pelajaran tinggi di Jepun dan Korea yang akan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai butir-butir atau penerangan lanjut yang mendalam jadi saya mohon minta notis.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang supaya menghantar pelajar-pelajar ke Taiwan?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini di luar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim. Tak ada.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).*

#### PENEROKA FELDA—PEMASARAN GETAH/KELAPA SAWIT

**12. Dato' His'hamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sesuatu strategi baharu pemasaran bagi memasarkan hasil keluaran getah dan kelapa sawit peneroka FELDA supaya peneroka-peneroka FELDA ini mendapat harga yang lebih baik dan lebih menguntungkan di masa-masa yang akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd.):**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa mengambil berat tentang strategi-strategi jualan hasil keluaran utama Malaysia termasuk pemasaran minyak sawit dan getah supaya hasil keluaran mendapat harga yang baik dan stabil. Bagi tujuan ini beberapa langkah telah diambil untuk menentukan perkembangan pasaran bagi minyak sawit dan getah dan di antaranya ialah:

- (a) mengadakan beberapa tinjauan oleh misi perdagangan ke pasaran-pasaran pengguna seperti Eropah, Timur Tengah, India, Pakistan, Amerika Syarikat, Korea dan Jepun.
- (b) mengadakan kemudahan penjualan terus kepada pasaran-pasaran luar negeri;
- (c) menggalakkan aktiviti-aktiviti perusahaan downstream di dalam negeri bagi industri minyak sawit dan getah;
- (d) meninggikan mutu pengeluaran melalui badan-badan research yang telah ditubuhkan seperti MRRDB dan PORIM.

Sejak Januari, 1974 Perbadanan Pemasaran FELDA yakni FELMA telah ditubuhkan dan strategi FELMA ialah hendak menentukan supaya harga yang lebih baik didapati bagi minyak sawit dan getah dengan mengadakan:

- (a) jualan-jualan terus kepada pengguna-pengguna sama ada di luar negeri atau pun tempatan;
- (b) mengembangkan pasaran bagi bahan keluarannya seperti minyak sawit dan getah untuk mendapat harga yang lebih baik dan menguntungkan.

FELMA mempunyai dua buah pejabat cawangan di seberang laut iaitu di New York dan London. Sejak bulan Ogos, 1981 RISDA telah menyertai sama kegiatan pemasaran FELMA di pejabat London.

Selain daripada itu FELDA telah juga menceburkan diri dalam kegiatan downstream melalui syarikat-syarikat

usahasama. Kegiatan ini adalah bertujuan meninggikan nilai keluaran bahan-bahan mentah daripada rancangan-rancangan dan dengan ini membolehkan peneroka-peneroka mendapat pendapatan yang lebih memuaskan.

**Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah harga-harga minyak kelapa sawit yang dibayar kepada peneroka-peneroka hari ini mengikut harga pasaran semasa ataupun telah ditentukan 3 bulan terlebih dahulu bagaimana dasar Kerajaan pada masa-masa yang lepas.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita membayar mengikut harga 3 bulan terlebih dahulu seperti yang telah dipasarkan.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi di Eropah dan di Amerika bahawa harga minyak mentah akan turun daripada 10-25% dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi, dan hari inipun harga minyak British yang diambil daripada North Sea telahpun turun dengan harga 15%. Memandangkan kepada perkara ini bermakna bahawa harga getah akan turun lagi di masa-masa yang akan datang. Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah strategi yang lebih agresif daripada yang ada sekarang ini yang diambil oleh Kerajaan ataupun Kementerian untuk memasarkan, misalnya bahan-bahan mentah ataupun daripada segi keluaran yang telahpun dikilang dan sebagainya.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini usaha-usaha pemasaran adalah dijalankan oleh Kementerian Perusahaan Utama, di antara lain ialah dengan mengadakan stok penimbal.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan masih menganggap harga bagi kelapa sawit itu adalah rendah oleh kerana

sebenarnya kilang-kilang penapis kelapa sawit menghadapi kekurangan bekalan buah-buah kelapa sawit ini. Jika pihak Kerajaan menganggap harga kelapa sawit ini adalah rendah apakah paras harga yang diharap akan dicapai.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kilang-kilang kelapa sawit menghadapi sedikit kekurangan bahan-bahan untuk diproses kerana musim buah sedang merosot tetapi apakala musim buah meningkat, kilang ini biasanya mendapat bahan-bahan yang diingini untuk diproses dan mencukupi.

**Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembeli minyak sawit FELDA ini membeli in advance jadi macam manakah cara ataupun asas penetapan harga pembeli kepada FELDA dan FELDA kepada peneroka.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini saya perlu notis.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah strategi-strategi yang dijalankan oleh FELDA iaitu daripada segi memproses getah untuk meningkatkan lagi pendapatan para peneroka FELDA.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, di antara lain ialah kita mengadakan satu pemindahan teknologi moden mulai daripada menanam sehinggalah hasil pengeluaran. Dengan yang demikian, apakala mutu getah ini baik tentulah kita akan mendapat pasaran dan harga yang lebih baik.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen oleh kerana harga bahan-bahan ini terlalu rendah, jadi apakah dasar dan tindakan pihak FELDA terhadap menolong peneroka-peneroka apabila harga bahan-bahan ini sampai ke paras yang paling rendah, sama ada peneroka ini akan diberi bantuan, subsidi, pendahuluan atau sebagainya.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Pada masa peneroka-peneroka FELDA ini menghadapi satu paras pendapatan yang lebih rendah daripada kadar minima iaitu \$300 maka usaha-usaha bagi menanggukkan potongan yang dijalankan selama ini akan ditanggukkan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, minyak-minyak sawit yang dijual ini keluar negeri adakah dalam bentuk crude ataupun minyak yang sudah ditapis dan sama ada jualan-jualan itu dibuat secara terus atau secara tidak terus.

**Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kelapa sawit ini kita proses dalam negeri boleh dikatakan 90% begitu juga pemasarannya dan apa yang kita jual dan kita mendapat permintaan daripada India dalam bentuk yang telah diproses iaitu minyak sapi dijual secara terus setelah diproses.

#### SEKOLAH UGAMA MAAHAD AL IRSYAD

**13. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan Sekolah Menengah Ugama Maahad Al Irsyad di sekitar Pokok Sena Seberang Prai Utara belum terlaksana lagi; jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan yang sebenar ialah bahawa langkah-langkah telahpun diambil untuk melaksanakan pembinaan Sekolah Menengah Ugama Maahad Al Irsyad di Pokok Sena, Seberang Perai Utara itu. Langkah-langkah itu ialah menyediakan pelan tapak, membuat kajian kesesuaian tanah, menyediakan pelan-pelan bangunan dan mempelawa tender dan memberikan kontrek. Kontrektor yang berjaya telahpun diberi tapak pembinaan pada 22hb Februari, 1982 dan kerja-kerja seterusnya sedang dijalankan.

**JAMBATAN PULAU PINANG—  
MENJEJAS PEMELIHARAAN KERANG**

**14. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan Jambatan Pulau Pinang peringkat pertama telah menjejaskan penghidupan pembela-pembela kerang di Seberang Prai, dan jika sedar, adakah Kementerianya bercadang untuk membantu mereka yang terlibat dan apakah bantuan yang akan diberikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar bahawa pembinaan Jambatan Pulau Pinang peringkat pertama boleh menjejaskan perusahaan pembela kerang di Seberang Perai sekiranya kegiatan pembinaan jambatan itu dibenarkan tanpa kawalan. Bagi mengelakkan masalah yang tidak diinginkan ini berlaku pihak kontraktor pembinaan jambatan itu telah dilarang membuang tanah korek (tailings) balik ke laut kerana perbuatan demikian boleh menjejaskan pemeliharaan kerang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Arshad. Tidak ada.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Ismail bin Arshad tidak hadir)*

**‘OPERASI BERKAS’—  
PENAGIH DADAH**

**16. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak penagih dadah yang telah ditangkap dalam Wilayah Persekutuan dan lain-lain negeri di seluruh negara semasa ‘Operasi Berkas’ baru-baru ini dan apakah yang terjadi kepada semua mereka yang ditangkap itu dan sama ada terdapat tempat yang cukup dalam pusat Kebajikan dan Hospital untuk menampung bilangan penagih dadah yang ditangkap itu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tarikh pelancaran ‘Operasi Berkas’ pada 28hb Disember, 1981 sehingga 28hb Februari, 1982

seramai 6,916 orang telah diberkas di seluruh negara. Daripada jumlah ini seramai 1,906 orang adalah daripada Wilayah Persekutuan. Di antara jumlah besar seramai 6,916 orang yang diberkas itu 1,224 orang telah didakwa di Mahkamah manakala 4,308 orang telah dihantar ke Hospital untuk dijalankan ujian mengesan kesan-kesan dadah dan yang lainnya telah dibebaskan. Seramai 1,067 orang daripada mereka yang dihantar ke hospital itu telah didapati mempunyai kesan dadah dalam badan mereka sementara 837 mempunyai kesan negatif dan yang lainnya sedang menunggu keputusan ujian tersebut. Daripada jumlah yang mempunyai kesan positif itu pula seramai 259 orang telah dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dadah dan yang lainnya telah diletakkan di bawah seliaan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa terdapat kekurangan tempat di pusat-pusat pemulihan dadah dan hospital-hospital bagi menampung bilangan penagih dadah yang telah ditangkap. Walau bagaimanapun, sebagai mengatasi masalah ini sebilangan besar daripada mereka yang ditangkap itu telah diletakkan di bawah seliaan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat selama 2 tahun. Bagi mengatasi masalah ini di masa akan datang Kerajaan sedang berusaha untuk menubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat pemulihan dadah yang komprehensif yang mana boleh mengambil bilangan yang lebih besar.

**Dato’ Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari jumlah yang begini banyak penagih-penagih dadah yang telah ditangkap di seluruh negara tidakkah Kerajaan dapat mengesan daripada penagih-penagih ini siapakah pembekal atau pengedar dadah ini yang sebenarnya.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memberkas orang-orang yang terlibat dalam soal dadah ini kita juga menjalankan tindakan-tindakan lain bagi memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab

dalam segi pembekalan dadah ini akan diambil tindakan yang sewajarnya. Saya menyatakan tadi iaitu lebih kurang 1,224 didakwa dan ini termasuklah mereka yang didakwa di bawah Ordinan Dadah Berbahaya yang boleh membawa hukuman kepada kematian ataupun penjara seumur hidup.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada 'operasi berkas' ini ialah satu operasi yang dijalankan secara berterusan atau dengan izin dalam bahasa Inggerisnya 'on-going process' ataupun satu operasi yang dijalankan dari masa ke semasa. Dan di samping itu suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana 'operasi berkas' ini telah berjaya menolong mengurangkan masalah penagih dadah di negara kita.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan iaitu "Operasi Berkas" ini ialah satu permulaan bagi kita meneruskan satu proses membenteras soal dadah di negara kita ini secara berterusan. Dalam lain-lain perkataan, Kementerian saya telahpun mengarahkan Jabatan Polis Di Raja Malaysia supaya menjadikan "Operasi Berkas" ini dan tindakan-tindakan selepas daripadanya sebagai tindakan yang berterusan agar ianya merupakan satu tindakan yang akan bukan sahaja menakutkan mereka yang terlibat di dalam gerakan mengedar dan membekal dadah di negara kita tetapi sebagai satu benteng yang berkesan dalam mengesan dan menangkap mereka yang bertanggungjawab itu. Dan sejauh mana "Operasi Berkas" ini telah dapat mengurangkan soal pengedaran dan penagihan dadah di negara kita telahpun saya katakan tadi daripada jumlah yang telah saya sebutkan tadi ialah merupakan refleksi ataupun bayang kepada kejayaan kita untuk memerangi masalah dadah di negara ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, menurut angka tidak rasmi yang selalu diheboh-hebohkan kepada orang ramai jumlah sebenar penagih-penagih dadah di Malaysia ini mungkin lebih daripada 400,000 sama ada angka ini benar atau tidak, saya hendak minta penegasan daripada Yang

Berhormat Timbalan Menteri. Kalau angka itu benar, mengapa bilangan yang ditangkap terlampau kecil sehingga ini? Adakah pihak Kementerian bercadang hendak menubuhkan satu pasukan khas di dalam polis seperti kita membentuk pasukan FRU ataupun Jabatan Traffic Police dan sebagainya? Pasukan Polis yang khas bertanggungjawab untuk memerangi penagih dan pengedaran dadah supaya gerakan membersihkan penagih dadah dan pengedaran dadah ini dapat dijalankan dengan secara yang lebih bersistematik dengan lebih berkesan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju satu masa dahulu kita pernah mengatakan bahawa penagih mungkin 400,000 lebih. Sebenarnya angka itu adalah satu anggaran. Angka yang ada yang kita ketahui secara sah ialah lebih kurang 50,000. Jadi kita menggunakan logik iaitu jika seorang itu menagih dadah dan mempunyai kawan dua atau tiga orang yang lain yang tidak mendaftar ataupun yang tidak diketahui, maka 50,000 lebih ini kalau dikali dengan tiga atau empat angkanya lebih kurang sebagaimana yang telah disebutkan tadi. Jadi, anggaran ini dari segi logiknya ada bagi membolehkan timbulnya kesedaran dan keinsafan bahawa perkara ini adalah menjadi ancaman utama kepada negara dan rakyat.

Mengenai jabatan khas, ini saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan memang telah mengambil tindakan yang sesuai selain daripada tindakan-tindakan yang telah dibuat ialah menubuhkan satu jabatan ataupun seksi khas di Jabatan Polis Di Raja Malaysia yang dinamakan jabatan atau Seksu Anti-Narkotik yang khusus bagi merancang tindakan-tindakan untuk membanteras masalah dadah di seluruh negara. Saya difahamkan bahawa setakat ini kita telahpun bersetuju supaya biro ataupun seksu Anti-Narkotik ini dibesarkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berkaitan dengan masalah dadah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 17.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan ini akan dijawab selepas semua soalan dijawab.

### HAKIM-HAKIM UMUR BERSARA

**18. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa adakah cadangan melanjutkan umur bersara untuk hakim-hakim. Jika tidak, adakah Perdana Menteri ketahui ramai Hakim-hakim bersara apabila mendekati umur 65 tahun masih lagi sihat tubuh badan, waras otak dan layak untuk berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman dan patut diberi peluang untuk melanjutkan lagi Perkhidmatannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada hakim-hakim yang masih sihat tubuh badannya, masih waras fikiran dan masih layak untuk terus berkhidmat walaupun mereka telah meningkat umur 65 tahun, tetapi ada juga hakim-hakim yang terpaksa bersara atas sebab-sebab kesihatan sebelum meningkat umur tersebut. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan umur bersara hakim-hakim. Kerajaan berpendapat bahawa umur bersara hakim-hakim yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan itu adalah wajar dan elok, terutama sekali memandangkan bahawa pegawai-pegawai awam lain bersara pada umur 55 tahun.

**Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hakim ini dia makin tua makin bagus (*Ketawa*), makin bijak, jadi fasal itulah kalau di England misalnya dilanjutkan sampai 70 tahun ataupun lebih kerana hendak menggunakan pengetahuan dan pengalamannya. Jadi kalau kita ada hakim yang sihat 65 tahun bahkan sihat sampai 70 tahun, tidakkah patut Kerajaan hendak mengeksploit kualiti itu dan meminda Perlembagaan, kalau tidakpun kita memang kekurangan hakim.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jawab tadi buat masa ini tidak ada cadangan lagi hendak meminda tentang umur itu.

### INDUSTRI TEMPATAN

**19. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar akan industri-industri tempatan khususnya yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan sedang menghadapi persaingan dari barang-barang luar negeri yang sama, dan sama ada beliau akan membantu industri-industri ini dengan mengadakan lebih baik insentif dan mungkin perlindungan tarif supaya memastikan industri-industri kita dapat terus berusaha.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi polisi pihak Kerajaan untuk menggalakkan industri-industri tempatan supaya menggunakan seberapa banyak bahan-bahan mentah tempatan yang boleh. Dalam hubungan ini pihak Kerajaan adalah sedar bahawa kos setengah-setengah bahan-bahan mentah tempatan mungkin adalah lebih tinggi daripada yang dapat diperolehi di pasaran dunia dan ini mungkin membawa kesan ke atas kebolehan barang-barang siap tempatan untuk bertanding dengan barang-barang serupa yang diimport. Untuk tujuan menggalakkan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan yang lebih lagi, Kerajaan telah membuat peruntukan di bawah skim galakan-galakan untuk mengambil kira kandungan bahan-bahan tempatan yang dapat dicapai oleh industri-industri tempatan.

Berkenaan dengan galakan-galakan cukai, kandungan tempatan digunakan sebagai salah satu daripada kriteria yang menentukan tempoh atau jumlah perlepasan cukai yang boleh dinikmati oleh syarikat-syarikat yang layak. Bagi Galakan Taraf Perintis, Galakan Menggunakan Buruh dan Galakan Tempat Kedudukan, satu tahun tambahan perlepasan cukai diberikan kepada syarikat-syarikat yang dapat mencapai peratusan kandungan tempatan yang ditentukan. Bagi Galakan Kredit Cukai Pelaburan pula, jumlah Kredit Cukai akan ditambah sebanyak 5% lagi

sekiranya peratusan kandungan tempatan yang ditentukan tercapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sesuatu keluaran Malaysia adalah layak mendapat galakan-galakan tambahan di bawah syarat kandungan tempatan seperti tersebut jika keluaran itu mengandungi sekurang-kurangnya 50% nilai bahan mentah tempatan dan/atau bahagian-bahagian dan komponen-komponen tidak termasuk gaji, upah dan lain-lain input tempatan.

Berkenaan dengan perlindungan tarif, pertimbangan yang lebih istimewa akan diberikan kepada industri-industri tempatan yang dapat mencapai kandungan bahan-bahan tempatan yang tinggi. Tambahan pula, kos bahan-bahan mentah tempatan akan juga diambil kira untuk menentukan tingkat perlindungan yang perlu oleh industri-industri tempatan yang patut dilindungi.

Sungguhpun pihak Kerajaan bersedia untuk memberikan galakan-galakan dan perlindungan yang wajar kepada industri-industri tempatan yang layak untuk memastikan mereka dapat terus berusaha, tetapi adalah juga harapan Kerajaan bahawa industri-industri tempatan akan berusaha untuk meninggikan kecekapan mereka supaya keluaran-keluaran mereka setanding dengan impot dengan tujuan supaya dalam masa jangka panjang mereka tidaklah begitu bergantung kepada bantuan pihak Kerajaan untuk menentukan viabiliti mereka yang berterusan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj.

*(Soalan No. 21 Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj tidak hadir)*

#### INSTITUT TEKNOLOGI MARA— KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR

**22. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa Institut Teknologi Mara sedang menghadapi kekurangan tenaga pengajar yang amat serius dikebelakangan ini, jika benar berlaku demikian apakah sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasinya dan jika tidak

benar adakah ini ada sesuatu tujuan untuk menjatuhkan nama pihak Institut Teknologi Mara atau sesuatu tujuan lain.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Institut Teknologi MARA tidak menghadapi kekurangan tenaga pengajar yang amat serius. Kekosongan adalah kekosongan biasa yang dialami oleh Institusi-institusi Pengajian Tinggi. Institut Teknologi MARA sentiasa berusaha untuk memenuhi kekosongan ini dari masa ke semasa dengan menawarkan tenaga pengajar yang layak daripada dalam negeri dan luar negeri.

#### PASPORT SEMENTARA

**23. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan pengeluaran pasport sementara kepada penghuni yang belum mendapat kewarganegaraan mereka dan telah diam di negara ini lebih daripada 10 tahun supaya membolehkan mereka bebas bergerak, jika tidak, apakah sebabnya.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi warganegara asing yang menjadi penduduk tetap negara ini mereka boleh menggunakan dokumen perjalanan negara asal mereka untuk maksud perjalanan keluar negeri. Walau bagaimanapun, bagi penduduk tetap negara ini yang tidak mempunyai kewarganegaraan mana-mana negara (stateless) bolehlah memohon Sijil Aakuan Pengenalan atau Sijil Aakuan Pengenalan Terhad bagi tujuan perjalanan keluar negeri. Oleh yang demikian, masalah mengeluarkan pasport sementara seperti yang dicadangkan oleh Ahli yang Berhormat itu tidaklah timbul.

#### ADUAN PESAKIT TERHADAP HOSPITAL

**24. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan terdapat banyak aduan-aduan mengenai hospital-hospital, misalnya, ibu-ibu yang hamil terpaksa tidur atas lantai dan pesakit-pesakit diberi ubat yang salah (wrong medication), apakah tindakan diambil untuk mengatasi masalah-masalah seumpamanya itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan ke Dewan yang mulia ini, bahawa hospital-hospital Kerajaan adalah hospital perkhidmatan sepenuh masa dan mengendalikan jumlah pesakit-pesakit yang kian meningkat pada tiap-tiap tahun. Pada tahun 1970, seramai 486,757 orang telah dimasukkan ke hospital-hospital di Semenanjung Malaysia, walhal pada tahun 1980 angka ini telah meningkat kepada 729,288. Dalam keadaan ini Kementerian telah menambah sebanyak 3,621 katil di hospital-hospital kami, iaitu dari 16,986 katil pada tahun 1970 kepada 20,607 katil dalam tahun 1980.

Pesakit-pesakit luar (outpatients) telah juga menunjukkan kenaikan yang besar, dari 5,487,130 pada tahun 1970 kepada 8,280,814 pada tahun 1980—iaitu seramai 22,687 pesakit luar pada tiap-tiap hari dalam tahun 1980. Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan. Sebagai satu index, saya dapat mengatakan bahawa pada tahun 1980 terdapat seramai 744 kedatangan pesakit luar dalam tiap-tiap 1,000 orang penduduk Semenanjung Malaysia, dibandingkan dengan 670 kedatangan pesakit luar dalam tahun 1970 kepada hospital-hospital kita.

Mengenai pesakit dalam (atau kemasukan ke hospital-hospital) pula, angka-angka juga menunjukkan kenaikan yang sama. Dari 57.11 kemasukan dalam tiap-tiap 1,000 penduduk pada tahun 1970, kemasukan ini telah meningkat kepada 65.48 pada tahun 1980. Kegunaan katil-katil juga telah naik—seramai 27.54 pesakit telah dirawat dalam sebuah katil pada tahun 1970 dibandingkan dengan 35.39 pesakit, pada tiap-tiap katil, pada tahun 1980.

Ini jelas menunjukkan bahawa kita bukan sahaja telah menambah kemudahan katil-katil di hospital-hospital kita, tetapi juga telah meningkatkan efficiency penggunaan katil-katil itu.

Saya memang dapat menerima aduan bahawa dalam kesesakan seperti ini di hospital-hospital kita mungkin terdapat keadaan kekurangan katil atau pun lain-lain kesilapan. Kejadian seperti ini adalah jarang

berlaku, tetapi kita sentiasa berikhtiar untuk mengelakkan kejadian seperti ini.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedari angka-angka yang dimaklumkan dalam Dewan ini ialah bagi satu gambaran seluruh Malaysia. Oleh kerana ada hospital-hospital daerah lebih teruk berbanding lain-lain tempat ini khasnya seperti Hospital Mersing, Keluang dan lain-lain daerah di mana katil-katil ini tidak ditambah walaupun hospital-hospital itu dibina dalam satu masa 40-50 tahun dahulu. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan beritahu apa rancangan memperbaiki atau membesar atau tambah katil-katil lagi.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa angka-angka yang saya beri tadi adalah bagi Semenanjung Malaysia sahaja, bukan seluruh Malaysia. Di Semenanjung Malaysia memang kita dapat di hospital-hospital tertentu yang bukan seperti keadaan puklura yang saya menggambarkan tadi dan Kementerian sedang meningkatkan usahanya untuk memperbaiki keadaan di hospital-hospital seperti itu dengan dalam Rancangan Malaysia Keempat sahaja mempunyai rancangan untuk 46 hospital daerah yang baru di Malaysia dan juga rancangan untuk memperbaiki beberapa buah hospital am di tiap-tiap negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini rumah-rumah sakit di mana masalah kekurangan katil teruk sekali di mana pesakit termasuk ibu-ibu yang hamil selalu terpaksa untuk tidur atas lantai dan untuk rumah-rumah sedikit tersebut apa tindakan sudah diambil dan bila masalah tersebut akan diatasi?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada hari ini, pada minit ini saya dapat mengatakan bahawa tidak ada seorang pun ibu-ibu yang hamil yang tidur atas lantai di mana-mana hospital di Malaysia kita ini walaupun terdapat kesesakan dalam Hospital-hospital Bersalin di satu-satu tempat. Kita telah mempunyai satu keadaan

di Hospital Besar Kuala Lumpur iaitu di Hospital Bersalin Kuala Lumpur di mana terdapat sangat ramai ibu-ibu yang datang untuk bersalin yang terpaksa diletakkan di atas mattress-mattress yang betul di atas lantai, bukan tidur atas lantai seperti yang dikatakan itu, tetapi di atas mattress-mattress yang diletakkan di atas lantai untuk beberapa minggu tetapi selepas itu Kementerian telah mengambil tindakan untuk membuka dua lagi wad di Hospital Besar Kuala Lumpur di mana lebih kurang 35 orang ibu yang telah bersalin dapat ditempatkan dan keadaan seperti itu kita sentiasa mengawasi dan sentiasa berusaha untuk mengatasi.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Kesihatan bahawa mengikut soalan ini mengatakan pesakit-pesakit didapati diberi ubat yang salah. Pesakit-pesakit diberi ubat yang salah adalah satu perkara yang sangat serius tetapi saya hendak tahu di sini bagaimana pesakit-pesakit itu dapat tahu punca dapat sebabnya pemberian ubat itu salah. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat, sudah cukup!

**Dato' K. Pathmanaban:** Entah macam mana, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadangkala saya rasa doktor sendiri dapat tahu bahawa sudah ada timbul kesilapan dan kesilapan itu dibetulkan dengan serta-merta.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais. Tidak hadir.

*(Soalan No. 25 Y.B. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais tidak hadir)*

## JAWATAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

**26. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan perkembangan terakhir tentang kedudukan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur begitu juga Pelan Induk untuk Bandaraya.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu, kedudukan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah masih dalam pertimbangan Kerajaan. Buat masa ini tugas-tugas dan tanggungjawab Datuk Bandar sedang dijalankan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan mengikut Rang Undang-undang (Pindaan), Akta Ibukota, 1981. Draf pelan induk Kuala Lumpur telahpun disiapkan dan telah dikemukakan kepada Jemaah Kabinet selepas mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri, pelan induk ini akan dipamirkan untuk mendapat pandangan-pandangan orang ramai.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan apabila menyiapkan pelan induk Kuala Lumpur ini, adakah tidak pihak yang bertanggungjawab menyediakan pelan induk Kuala Lumpur ini mengambil kira kedudukan kawasan-kawasan tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu, seperti di Kampung Baru, di Datuk Keramat dan juga di Gombak yang banyak mempunyai tanah Rizab Melayu yang berjumlah lebih daripada 800 ekar. Kalau tidak, adakah pihak Kementerian bercadang akan menangguk masalah pelancaran pelan induk ini dan kalau ada, apakah bentuk kiraan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, pelan induk Kuala Lumpur adalah satu pelan pembangunan yang menyeluruh di Wilayah Persekutuan yang mana juga Kuala Lumpur. Di dalam pelan ini tentulah semua aspek termasuklah tanda-tanda yang dipunyai oleh orang Melayu diambil kira dalam melaksanakan atau dalam merancang pembangunan di Kuala Lumpur ini. Secara detail maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat itu tentu terlalu detail, tetapi seperti saya katakan tadi pelan itu akan dipamirkan kepada orang ramai untuk mendapat pandangan-pandangan orang ramai.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, mengikut jawapan Yang Berhormat tadi bahawa kedudukan Datuk Bandar ini akan dipertimbangkan. Adakah akan dipertimbangkan untuk memenuhi atau dipertimbangkan untuk menghapuskan jawatan ini oleh kerana telahpun wujud Menteri Wilayah, jadi apakah jawatan Datuk Bandar ini dihapuskan supaya tidak ada berlapis kuasa di dalam Wilayah?

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan ini sedia maklum bahawa Datuk Bandar yang telah bersara tidak lagi diganti dan jawatan itu atau kerja-kerja yang dibuat oleh Datuk Bandar itu pada masa ini adalah dijalankan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Ada banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan pemansuhan jawatan Datuk Bandar ini iaitu termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan dan pentadbiran, maka oleh sebab itu Kerajaan harus berhati-hati sebelum mengambil sesuatu keputusan yang lebih tepat.

#### **KAMPUNG-KAMPUNG BARU— KEMUDAHAN ASAS**

**27. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semua kampung-kampung baru di negara kita ini masih ketinggalan dengan tidak ada kemudahan-kemudahan asas yang sempurna, misalnya, keadaan longkang-longkang dan jalan-jalan tidak diperbaiki dan sistem saluran najis kurang memuaskan jika ya, apakah Kementerianya bersedia memberi peruntukan yang besar untuk memodenkan kampung-kampung di negara ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar semua kampung-kampung baru di negara kita ini masih tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebilangan besar kampung-kampung baru

mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang lengkap dan baik. Kementerian saya sentiasa mengawasi kedudukan dan keadaan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung baru dan segala tindakan yang perlu untuk melengkapkan kampung-kampung baru dari segi kemudahan-kemudahan asas sama ada pemberian projek baru ataupun memperbaiki serta menyempurnakan kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada telahpun diambil. Peruntukan yang diberi untuk projek-projek pembangunan di kampung-kampung baru telahpun diperbesarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, menjelang akhir tahun 1980 sebanyak 9.9% rumah di kampung-kampung baru telah dibekalkan elektrik. 83.4% bekalan air paip dan 45.6% kemudahan tandas moden. Kementerian ini juga telah membina 241 kilometer jalan baru dan menyempurnakan 1,000 kilometer jalan di kampung-kampung baru dan di kawasan luar bandar yang lain.

Dalam bidang kesihatan awam pula, bilangan Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik Bidan telah bertambah daripada 522 buah dalam tahun 1970 kepada 594 buah menjelang tahun 1980 di Semenanjung Malaysia. Pembinaan ini termasuklah juga di kawasan kampung-kampung baru.

Selain dari projek-projek yang tersebut, Kerajaan juga telah menitikberatkan projek-projek seperti Balairaya, kemudahan sukan dan rekreasi, Taman Kanak-kanak dan juga sekolah-sekolah yang mana peruntukan telah diberi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pembangunan di kampung-kampung baru adalah dilaksanakan oleh berbagai-bagai Jabatan Kerajaan. Program pembangunan kampung-kampung baru Kementerian saya adalah semata-mata sebagai tambahan kepada usaha Jabatan-jabatan Kerajaan lain.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebanyak lebih kurang \$25 juta telahpun diperuntukkan kepada Kementerian saya untuk pelaksanaan projek-projek di kampung-kampung baru. Peruntukan ini telah ditambahkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada \$30 juta.

Dalam tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat (yakni tahun 1981), sebanyak 1,005 projek termasuk projek-projek membaiki jalan dan peparitan telahpun dilaksanakan dengan jayanya di sebahagian besar kampung-kampung baru. Dalam tahun yang sama juga saya telah melancarkan projek tandas curah untuk mengantikan sistem tandas lubang, tandas tong dan sebagainya yang kini tidak sempurna lagi di zaman moden ini.

Bagi tahun 1982, Kementerian saya akan mempergiatkan lagi tindakan-tindakan untuk memaju dan menyempurnakan kemudahan asas di kampung-kampung baru. Dengan perancangan yang lebih sistematik dan berkesan yang dijalankan oleh Kementerian saya, mudah-mudahan lebih banyak kampung-kampung baru akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik dan selesa tahun ini dan dalam tahun-tahun yang akan datang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 8, 11, 15, 17, 20, 21, 25 dan 28 hingga 49 adalah diberi di bawah ini).*

### BEKALAN AIR DI MUAR

**3. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar penduduk-penduduk di Muar telah menghadapi kekurangan bekalan air selama hampir sepuluh bulan; jika ya, apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukalah dimaklumkan bahawa Kementerian saya menyedari kekurangan air dan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Muar. Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah itu.

Bekalan air yang dikehendaki di daerah Muar sekarang dianggarkan sebanyak 11 juta gelen sehari. Sedangkan loji cuma berkemampuan membekalkan air sebanyak 7 juta gelen sehari sahaja. Oleh yang demikian, masalah kekurangan ialah 4 juta gelen sehari. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah melancarkan 3 rancangan kilat jangka pendek:

- (i) Pembaikan ke atas loji air di Pancor akan menghasilkan air tambahan sebanyak 0.5 juta gelen sehari.
- (ii) Penjalanan sebahagian daripada loji air baru di Pancor akan memberi air sebanyak 4 juta gelen sehari.
- (iii) Loji air baru di Parit Kasim akan memberikan 0.5 juta gelen sehari.

Rancangan-rancangan kilat (i) dan (ii) akan memberikan sejumlah 45 juta gelen air tambahan sehari menjelang penghujung bulan April 1982. Rancangan kilat (iii) akan memberi air tambahan sebanyak ½ juta gelen sehari menjelang bulan Julai 1982. Dengan air tambahan sejumlah 4.5 juta gelen sehari dalam bulan April nanti masalah bekalan air di Muar akan sampai di tahap mengimbangi kehendak air. Kehendak air ialah 11 juta gelen dan pembekalan ialah 11.5 juta gelen sehari.

Kerajaan juga sedang membina sebuah loji air baru di Pancor yang akan mula berjalan menjelang bulan Oktober 1983. Ini akan memberi air tambahan sebanyak 4 juta gelen sehari lagi. Rancangan berikutnya yang kini sedang dilaksanakan ialah pembinaan sebuah loji air baru di Kesang yang dijangka siap pada hujung tahun 1984. Loji air Kesang ini akan memberi air tambahan sebanyak 2 juta gelen sehari. Dengan tambahan daripada 2 loji ini akan terdapat lebih air sebanyak 6 juta gelen sehari di daerah Muar dalam tahun 1984. Masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk sekarang ini akan dapat diselesaikan menjelang bulan April 1982. Saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Kerjaraya adalah mengambil segenap usaha untuk membasmi masalah ini dengan membekalkan air dengan menggunakan 33 buah lori ke beberapa buah kampung yang terlibat.

### SURAT-SURAT HILANG— SIASATAN

8. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada siasatan yang menyeluruh akan dibuat tentang bagaimana surat-surat yang dihantar dalam Kuala Lumpur sendiri lambat sampai dan ada yang hilang, begitu juga surat-surat yang dihantar dari Kuala Lumpur ke Negeri-negeri dalam Malaysia dan sebaliknya, sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu bahawa akhbar yang telah membuat laporan tersebut telah diminta memberikan butir-butir mengenai tinjauan yang telah dijalankan oleh mereka supaya Jabatan Perkhidmatan Pos dapat menyiasat kesilapan sebenarnya berhubung dengan barang-barang yang telah diposkan oleh mereka. Hingga sekarang pihak Jabatan Pos belumlah lagi menerima sebarang jawapan.

Mengenai hal ini juga, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu tinjauan secara saintifik telah dijalankan oleh Syarikat Frank Small & Associates, iaitu merupakan pakar perunding profesyenal yang dilantik oleh pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada tinjauan tersebut, didapati bahawa 85% daripada orang awam yang dihubungi adalah berpuas hati bahawa surat yang diposkan adalah diterima dalam tempoh yang dijangkakan dan 82% daripada orang awam menyatakan bahawa surat-surat mereka tidak hilang. Secara keseluruhan, 89% daripada orang awam yang dihubungi adalah berpuashati dengan perkhidmatan pos dan hanya 5% dari baki 11% ini tidak berpuashati dan yang lain-lain pula tiada mempunyai apa-apa komen.

Dengan butir-butir hasil tinjauan yang disebutkan tadi, mengesahkan tinjauan “in-house” yang diusahakan oleh Jabatan Pos dari masa ke semasa untuk mengawasi mutu perkhidmatannya, dan memperbaiki selanjutnya mutu perkhidmatannya kepada orang awam di seluruh negara.

### PASARAN BUAH-BUAH TEMPATAN— PERANAN FAMA

11. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan peranan yang dimainkan oleh FAMA di dalam memasarkan buah-buah tempatan. Adakah beliau sedar bahawa sungguhpun harga buah-buah tempatan adalah tinggi di pasaran runcit, petani-petani yang menghasilkan buah-buahan ini tidak menikmati harga tinggi ini kerana orang-orang tengah membelinya dengan harga rendah dan dijual runcit dengan harga yang tinggi. Jika ya, apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Saya suka memaklumkan bahawa FAMA sentiasa bersedia membeli dan memasarkan buah-buahan tempatan sekiranya petani-petani menghadapi masalah pemasaran, seperti kekurangan pembeli, pengangkutan atau tidak mendapat harga yang berpatutan. Buah-buahan yang telah dikendalikan oleh FAMA di masa-masa yang lalu termasuklah pisang, betik, nenas, tembikai, rambutan, cempedak, durian, duku, langsung dan mempelam. Dalam tahun 1981 nilai belian buah-buahan yang dikendalikan oleh FAMA adalah sebanyak \$350,000.

Mengenai harga buah-buahan yang diperolehi oleh petani-petani di peringkat ladang, sukalah saya memaklumkan bahawa pada keseluruhannya apabila harga buah-buahan di peringkat runcit naik, maka harga di peringkat ladang didapati telah turut naik bersama. Sebagai contoh apabila harga runcit pisang embun di Johor Bharu naik 46 sen sekilogram dalam tahun 1979 kepada 68 sen sekilogram dalam tahun 1981, harga di peringkat ladang turut naik dari 14 sen sekilogram dalam tahun 1979 kepada 19 sen sekilogram dalam tahun 1981. Keadaan yang sama berlaku di Kota Bharu, di mana harga runcit betik naik dari 50 sen sekilogram dalam tahun 1979 kepada 74 sen dalam tahun 1981, purata harga ladang turut naik dari 22 sen sekilogram kepada 33 sen bagi jangkamasa yang sama. Di Ipoh, purata harga tembikai telah naik dari 39 sen

sekilogram kepada 59 sen sekilogram bagi jangkamasa yang sama iaitu 1979 dan 1981 dan kenaikan harga di peringkat ladang adalah dari 10 sen sekilogram kepada 29 sen.

Oleh itu, petani-petani didapati telah pun turut mendapat nikmat dari kenaikan harga buah-buahan di peringkat runcit.

### **KERJASAMA JEPUN DALAM PELBAGAI BIDANG**

**15. Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi dan sambutan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Jepun terhadap dasar Malaysia yang sedang mengambil contoh dan mengharapakan kerjasama dalam bidang kemahiran, teknologi dan sebagainya dari Negeri Jepun sekarang.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum soalan ini telah dijawab di Dewan ini pada 9hb Mac. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Jepun adalah mudah menerima dasar kita terhadap kerjasama dengan Jepun dalam pelbagai bidang. Jepun menyatakan yang ianya sanggup memberi teknologi, pengalaman dan kemahiran teknikal untuk pembangunan negara ini. Jepun juga menunjukkan kesanggupan untuk menawarkan tempat kepada pelajar-pelajar kita di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga latihan sambil kerja dengan berbagai firma Jepun. Untuk masa ini Malaysia bercadang untuk menghantar 140 penuntut ke Jepun untuk mengikut latihan sambil kerja di berbagai firma di sana. Kita bercadang untuk menghantar lebih ramai penuntut dan pelatih untuk latihan di Jepun di masa hadapan. Sebahagian daripada mereka akan dihantar untuk mempelajari sistem penubuhan industri kecil dan industri sederhana.

Kerajaan Jepun telah pun menghantar satu kumpulan pegawai-pegawai ke Kuala Lumpur minggu lepas untuk mengkaji sistem pelajaran dan keperluan supaya satu rancangan dan garis panduan untuk keperluan latihan dapat dibuat.

Selain daripada itu satu kumpulan pakar mengenai industri kecil dan sederhana telah tiba di Kuala Lumpur awal minggu ini untuk membincangkan cara-cara bantuan bagi menubuhkan industri kecil dan sederhana di Malaysia. Kemungkinan satu usahasama pelaburan dalam bidang ini mungkin diadakan. Kita juga akan menghantar satu rombongan ke Jepun untuk mengkaji jenis industri ini secara lebih mendalam.

Dalam bulan Mei ini satu lagi kumpulan dari Jepun akan datang ke Kuala Lumpur untuk melihat lebih terperinci lagi mengenai kemungkinan pelaburan di Malaysia. Rombongan ini adalah terdiri dari berbagai sektor ekonomi Jepun dan sekembalinya mereka ke Jepun kita berharap lebih banyak lagi pelaburan usahasama dengan Jepun wujud yang mana akan menyebabkan pemindahan teknologi akan berlaku.

### **LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL**

**17. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa Kementerian telah hentikan pengumpulan (compiling) dan penerbitan laporan jabatan-jabatan dan hospital-hospital kerana laporan-laporan tersebut adalah perlu untuk mencatat dan mengawasi taraf rawatan perubatan dalam negara.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua jabatan dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan ada mengumpul laporan-laporan tahunan bagi tujuan pengawasan dan penilaian. Kementerian juga sedang menyediakan satu sistem maklumat Kesihatan yang baru. Satu projek pengujian untuk sistem ini sedang dijalankan di Pulau Pinang. Dengan sistem seperti ini adalah diharapkan bahawa satu set "health performance indicators" dapat diwujudkan bagi negara kita dari masa ke semasa. Mengenai penyiaran laporan-laporan, ingin saya memaklumkan bahawa pada ketika ini Kementerian sedang dalam proses menyediakan Laporan Tahunan 1980 untuk penerbitan.

## DADAH—MEMERANGI PENYALAHGUNAAN

**20. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian telah berjaya memerangi penyalahgunaan dadah dan jika tidak, beri sebab-sebab mengapa penyalahgunaan dadah masih belum dikurangkan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Saya suka menyatakan walaupun kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah belum lagi dapat dibenters sepenuhnya di negara kita, namun demikian saya berpuashati dengan kejayaan yang dicapai setakat ini oleh Kerajaan dalam usaha memerangi masalah dadah. Kejayaan ini jelas terbukti jika dilihat dari hasil tangkapan pengedar dan penjual dadah dan juga rampasan dadah dalam tahun 1981 berbanding dengan tahun 1980.

Polis Di Raja Malaysia telah menangkap dan mendakwa pengedar dadah seramai 82 orang dalam tahun 1980 dan 134 orang dalam tahun 1981 di bawah Ordinan Dadah Merbahaya 1952. Jika sabit kesalahannya, hukuman yang dikenakan ke atas pengedar-pengedar dadah di bawah Seksyen 39B Ordinan ini adalah hukum gantung atau penjara seumur hidup. Di bawah Seksyen 39A Ordinan yang sama bagi kesalahan yang lebih kecil dari Seksyen 38B, Polis telah menangkap dan mendakwa penjual-penjual dadah seramai 159 orang pada tahun 1980 dan 254 orang dalam tahun 1981. Untuk lain-lain kesalahan bersabit dengan dadah pihak Polis telah menangkap seramai 5,369 orang pada tahun 1980 dan 7,881 orang dalam tahun 1981.

Dari segi rampasan pula, pihak Polis dan Kastam Di Raja Malaysia telah berjaya merampas sebanyak 227.37 kg dadah dalam tahun 1980 dan sebanyak 980.28 kg dalam tahun 1981. Dadah-dadah yang dirampas ini terdiri dari candu masak dan mentah, heroin, morfin dan ganja, dan setiap dari penjenisan ini mempunyai nilai yang berbeza-beza. Adalah dijangkakan pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang keupayaan pihak berkuasa dalam mengesan dan merampas dadah akan meningkat lagi.

Oleh sebab memerangi masalah dadah di negara ini merupakan satu proses yang berterusan, adalah diharapkan bukanlah sahaja pihak Kerajaan yang akan memainkan dari segi penguatkuasaan undang-undang, rawatan, pemulihan dan seliaan tetapi juga kerjasama dari semua pihak terutama masyarakat umum sendiri termasuklah peranan ibubapa sendiri adalah perlu dan mustahak dalam usaha mengatasi masalah dadah di negara ini secara berkesan dan bermakna.

## DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN HOSPITAL

**21. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang berkesan hendak dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk mencukupkan bilangan doktor di dalam Perkhidmatan Kesihatan dan Hospital, adakah Kementerian ini bercadang hendak mengambil doktor daripada negara-negara jiran berkhidmat di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan doktor dalam perkhidmatan Kerajaan. Langkah yang paling berkesan ialah dengan menambahkan bilangan penuntut-penuntut kita dalam bidang perubatan di Universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Fakulti Perubatan yang Ketiga iaitu di Universiti Sains, di samping menambah bilangan penuntut di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Selain dari itu Kerajaan juga menghantar lebih ramai penuntut ke Institut-institut di luar negeri. Untuk menambah bilangan pakar, Kementerian akan menambahkan biasiswa dan latihan untuk ijazah lanjutan dalam bidang-bidang kepakaran yang tertentu. Hanya dengan cara ini sahaja, maka kemungkinan Kerajaan dapat menambah bilangan doktor, tetapi tidaklah boleh dijamin bahawa bilangan itu mencukupi, memandangkan kepada perkembangan pesat perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan

peningkatan permintaan rakyat dari tahun ke setahun sebagai langkah sementara, Kerajaan akan terus mengambil doktor-doktor dan pakar-pakar dari negara-negara lain, melalui perjanjian antara Kerajaan dengan Kerajaan dan juga secara langsung.

## PELACURAN DI BANDAR-BANDAR

**25. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelacuran berleluasa di Bandar-bandar Besar di Malaysia dan jika ia, apakah langkah yang akan diambil untuk menghapuskan gejala ini.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Sukacita saya menerangkan bahawa pelacuran sebagai masalah sosial memang sentiasa ada semenjak dari zaman dahulu dan biasanya bertambah ramai apabila ada pembangunan dan bandar-bandar besar. Masalah ini amat sukar untuk dihapuskan sama sekali oleh kerana adanya golongan atau orang-orang yang masih mahu menjadi pelanggan kepada perkhidmatan seperti ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menggubal undang-undang untuk mengatasi masalah ini. Penentuan dan tangkapan mereka yang mengexploit orang perempuan melalui pelacuran adalah tanggungan pihak Polis yang menguatkuasakan beberapa undang-undang tertentu. Kementerian saya dipertanggungjawab di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 untuk menyelamatkan wanita dan gadis yang menjadi mangsa pelacuran atau terdedah kepada bahaya moral, khasnya bagi mereka yang di bawah umur 21 tahun dan tidak berkahwin. Ini termasuk mereka yang:

- (a) sedang dilatih atau digunakan bagi maksud pelacuran atau sesuatu maksud lucah;
- (b) tinggal di rumah sundal atau kerap kali mengunjungi sesuatu rumah sundal;
- (c) pada lazimnya berada bersama-sama atau di bawah kawalan penyelenggara rumah sundal atau yang mempunyai kepentingan dalam urusan yang dijalankan di rumah sundal;

- (d) telah dianiayai atau dicuaikan dan didedahkan kepada bahaya akhlak dan dianggap sebagai memerlukan perlindungan;
- (e) di bawah 18 tahun di mana penjaganya yang sah tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atasnya dan oleh itu perempuan itu adalah terdedah kepada bahaya akhlak.

Sebagai tambahan, Kementerian saya juga memberi perlindungan kepada orang perempuan yang:

- (a) memohon sendiri, dengan bertulis, untuk dapat perlindungan oleh kerana ia akan terlibat dalam pelacuran;
- (b) telah dibeli atau diperolehi dengan cara palsu sama ada bagi maksud pelacuran ataupun tidak; dan
- (c) sedang ditahan bertentangan dengan kemahuannya bagi maksud pelacuran.

Kementerian saya telah melantik Pelindung-pelindung di bawah Akta tersebut di semua daerah dalam negeri ini untuk melayan kes wanita. Kementerian juga telah mewujudkan empat buah Pusat Perlindungan Wanita iaitu di Rembau, Negeri Sembilan; Cheras, Selangor, Kuala Trengganu, Trengganu dan Batu Gajah, Perak. Sebuah lagi di Kota Kinabalu akan memulakan perkhidmatannya dalam sebulan dua lagi manakala sebuah lagi sedang dibina di Miri untuk keperluan di Sarawak.

Sesiapa saja yang memerlukan perkhidmatan ini boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat atau Pusat Perlindungan Wanita.

Daripada apa yang disebutkan tadi, adalah jelas bahawa Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan masalah dan kesan pelacuran di negara kita.

## LAWATAN SETIAUSAHA LUAR BRITISH—HASIL PERBINCANGAN

**28. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir lanjut mengenai perbincangan yang diadakan oleh beliau dengan Setiausaha Luar British

(Lord Carrington) semasa melawat negara kita baru-baru ini; apakah hasil yang telah dicapai di segi kepentingan ekonomi, perdagangan dan perhubungan antarabangsa kedua buah negara.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Soalan mengenai perkara yang sama telah pun dijawab terdahulu dari ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Dato' Seri di dalam perbincangannya dengan Setiausaha Luar British bahawa hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Britain akan berjalan terus seperti biasa.

Berkaitan dengan perdagangan, Britain akan terus menjadi rakan perdagangan Malaysia yang utama di kalangan negara-negara di dalam Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Imbangan perdagangan antara kedua-dua negara adalah menguntungkan pihak British semenjak lapan tahun lalu. Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Britain bagi tahun 1980 bernilai M\$2,053.1 juta. Walaupun demikian semenjak kebelakangan ini jumlah perdagangan antara kedua-dua negara telah menurun. Pada tahun 1973 perdagangan antara Malaysia dan Britain merupakan 9 peratus dari jumlah perdagangan Malaysia keseluruhannya tetapi angka ini telah turun kepada 5 peratus bagi tahun 1979 dan 3.0 peratus bagi tahun 1980.

Di dalam hubungan ekonomi, Kerajaan British telah menawarkan bantuan kredit bagi projek pembangunan dalam bidang pengangkutan, perlombongan jana kuasa elektrik, telekomunikasi dan industri pertanian dan sumber tenaga. Malaysia juga menerima bantuan sebanyak £820,000 bagi tahun 1981/82 bagi program latihan dan kerjasama teknikal.

Berkenaan dengan hubungan antarabangsa pula, kedua-dua negara mempunyai persepsi yang sama mengenai masalah keamanan dan kestabilan antarabangsa. Pandangan kita adalah serupa terhadap masalah Kampuchea dan Afghanistan. Britain menyokong usaha-usaha ASEAN di Bangsa-bangsa Bersatu mencari penyelesaian politik terhadap masalah tersebut.

## **KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI— MEMENDEKKAN TEMPOH**

**29. Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang untuk memendekkan masa tempoh kenaikan pangkat pegawai-pegawai Pelajaran di dalam kategori D2 ke kategori D1. Amalan yang dibuat sekarang ini tempoh masa kenaikan pangkat pegawai-pegawai itu menunggu masa 5 tahun, dan kadang-kadang hingga sampai 6, 7 tahun baru dinaikkan. Ini akan merugikan pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran kategori D2 yang berkuatkuasa sekarang tiada ada perbekalan kenaikan pangkat dari kategori D2 ke kategori D1 Tingkatan Biasa. Peluang ke kategori D1 dari kategori D2 adalah secara perlantikan biasa oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran setelah memenuhi syarat-syarat, iaitu telah disahkan dalam jawatan dan berkhidmat tidak kurang lima tahun dalam kategori D2 tersebut. Setakat ini, Kementerian tidak bercadang memendekkan tempoh 5 tahun bagi maksud lantikan tersebut.

## **UDA MEMBANTU BUMIPUTRA**

**30. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa agensi Kerajaan seperti UDA dalam usaha untuk menolong kaum Bumiputra ke arah mencapai Dasar Ekonomi Baru tidak dapat mencapai matlamatnya. Jika sedar sejauh manakah Kerajaan dapat mengesan berhubung dengan perkara yang tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat iaitu agensi Kerajaan tidak berjaya mencapai matlamatnya untuk menolong kaum Bumiputra ke arah pencapaian DEB. Izinkan saya memberi secara ringkas kejayaan yang telah dicapai oleh UDA untuk menambah hakmilik harta Bumiputra dari segi stok dan nilai serta juga untuk menambah dan

mempelbagaikan penyertaan perniagaan Bumiputera di kawasan strategik di bandar-bandar.

Dalam bidang pembangunan harta, misalnya, bantuan kewangan berjumlah \$30.9 juta telah diberi kepada 110 pemilik-pemilik tanah bagi membangunkan berbagai jenis pembangunan seperti rumah, kompleks pejabat, hotel dan sebagainya. Dalam bidang perniagaan pula, sebanyak 1,333 unit ruangniaga disewa oleh peniaga-peniaga Bumiputera dan 440 unit lagi telah pun dijual kepada mereka yang mampu membelinya.

Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan, sebanyak 145 kerja-kerja kontrak bernilai \$86.5 juta telah diberikan kepada pemborong-pemborong bumiputera manakala pemborong-pemborong usahasama telah mendapat 63 kerja bernilai \$129.1 juta. Hasil dari kegiatan pembangunan harta UDA, sebanyak 38 buah Juruperunding Bumiputera telah diberikan kerja bernilai \$31.4 juta.

Kementerian saya sentiasa mengawasi prestasi pelaksanaan program-program atau projek-projek yang ditentukan bagi sesuatu agensi. Pencapaian dikaji tiap-tiap tahun apabila belanjawan diperiksa dan strategi-strategi dikaji semula apabila perlu untuk menambahkan kekesanannya. Kajian sentiasa dibuat bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan program-programnya.

Bagi RME, 'target' yang spesifik dan jelas telah ditentukan untuk menjadi ukuran kepada prestasi pelaksanaan program-program.

### **PERTUBUHAN BELIA**

**31. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah positif yang akan diambil untuk menyatukan pergerakan berbagai-bagai pertubuhan belia di negara ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun mengambil langkah yang positif untuk menyatukan pergerakan berbagai-bagai pertubuhan belia di negara ini dengan

penubuhan Majlis Belia Malaysia, Majlis-majlis Belia Negeri dan Majlis-majlis Belia Daerah yang menggabungkan pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di peringkat masing-masing. Majlis-majlis ini adalah menjadi badan kordinasi untuk kesemua pertubuhan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dan mengadakan penyelarasan dari segi perancangan dan pelaksanaan projek-projek belia di peringkat masing-masing serta melibatkan penyertaan belia pelbagai kaum.

Pada peringkat yang lebih tinggi, Kementerian saya juga, sejak tahun 1971, telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara, iaitu sebuah badan penasihat yang berfungsi sebagai forum perundingan antara wakil-wakil belia dengan Kerajaan bagi membincangkan segala perkara yang berhubung dengan masalah dan kepentingan belia di negara ini.

### **PELARIAN VIETNAM DAN PENDATANG HARAM INDONESIA— BILANGAN**

**32. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa hingga hari ini:

- (a) berapakah orang pelarian Vietnam masih ditempatkan di Malaysia, dan berapakah yang baru datang dalam tempoh setahun ini; dan
- (b) berapakah pendatang haram Indonesia telah ditahan dan dihantar balik, bagaimanakah begitu ramainya mereka dapat memasuki negara kita, berapakah diantaranya telah ditangkap kerana kes jenayah.

**Dato' Musa Hitam:**

- (a) Bilangan pendatang haram Vietnam yang masih berada di Malaysia sehingga 15hb Mac, 1982 ialah seramai 10,635 orang. Sementara itu sejak 1-1-1982 sehingga 13hb Mac, 1982 seramai 4,597 orang pendatang haram Vietnam telah memasuki negara ini.
- (b) Bagi tahun-tahun 1976 hingga Februari, 1982, sejumlah 12,112 orang pendatang haram Indonesia telah

ditangkap dan dihukum di Mahkamah di atas kesalahan memasuki negeri ini secara haram. Angka itu termasuk juga mereka yang terlibat dalam kes-kes jenayah. Mereka itu seterusnya diusir keluar dari Malaysia.

### PROJEK ASEAN

**33. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah projek-projek yang telah dibuat oleh ASEAN dan sejauh manakah kejayaannya.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Pada masa ini terdapat lebih daripada 270 projek-projek yang sedang dikendalikan oleh ASEAN meliputi kesemua bidang aktiviti ASEAN iaitu ekonomi, sains dan teknologi, sosial dan kebudayaan.

Projek-projek dalam bidang ekonomi termasuklah projek-projek perindustrian ASEAN, Projek Pengendalian Makanan (Food Handling Project) dan "ASEAN Food Security Reserve"; dan dalam bidang sosial dan kebudayaan, projek-projek seperti Projek Rancangan Kependudukan ASEAN (ASEAN Population Programme Heads) dan Perubatan Tropika Gunaan dan Rancangan Biasiswa Kesihatan Umum (Applied Tropical Medicine and Public Health Scholarship Programme). Terdapat juga beberapa projek ASEAN yang mendapat bantuan daripada negara Ketiga seperti "ASEAN Food Handling Project" yang mana bantuan diterima daripada Australia dan ASEAN Plant Quarantine Training Centre yang dibantu oleh Amerika Syarikat. Projek-projek Kilang Baja Urea ASEAN di Bintulu, Sarawak dan di Aceh, Indonesia, telahpun dilancarkan, manakala projek "Rock Salt Soda Ash" di Thailand dan "Copper Fabrication" di Filipina telahpun diterima sebagai projek perindustrian ASEAN tetapi masih belum lagi dilancarkan.

ASEAN juga bekerjasama di dalam mengadakan Peraturan Keutamaan Perdagangan (Preferential Trading Arrangement) yang mana sebanyak 8,529

barang dagangan diniagakan di bawah peraturan ini. ASEAN telah menandatangani Perjanjian "ASEAN Industrial Complementation Scheme" dan sedang mengkaji akan kemungkinan untuk mengadakan kerja-sama di bawah ASEAN Industrial Joint Venture (Projek Usaha Sama Perindustrian ASEAN).

Kejayaan Projek-projek ASEAN boleh dilihat melalui sokongan yang diberikan oleh rakyat ASEAN sendiri, termasuklah sektor swasta, dan dari pelaburan asing. Dalam hubungan ini, adalah nyata bahawa persefahaman di antara rakyat ASEAN semakin bertambah. Perdagangan di kalangan negara-negara anggota juga telah meningkat. Selain daripada itu ASEAN telahpun mempunyai satu sistem peraturan kawalan mengenai makanan, peraturan mengenai petroleum, dan peraturan kuarantina penyakit bagi binatang-binatang ternakan. Dalam sektor ekonomi, ASEAN juga bekerjasama dalam menyelesaikan masalah-masalah ekonomi dengan menggunakan pendekatan bersama. Satu kajian untuk mengadakan kerjasama di bawah Projek Usaha Sama Perindustrian ASEAN sedang dikaji dengan mendalam oleh negara-negara ASEAN.

### KAD PENGENALAN MERAH BAGI PENDATANG INDONESIA

**34. Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang-pendatang (haram dan bukan haram) Indonesia yang telah dikeluarkan Kad Pengenalan berwarna merah sejak tahun 1978 dan apakah kriteria yang digunakan dalam mengeluarkan Kad Pengenalan ini.

**Dato' Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak tahun 1978 hingga 28 Februari, 1982 sejumlah 37,358 Kad Pengenalan merah telah dikeluarkan dan Jabatan Pendaftaran Negara tidak ada menyimpan rekod mengenai pengeluaran tersebut mengikut pecahan kaum dan negeri asal. Kriteria yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan mengeluarkan kad pengenalan ialah berdasarkan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada seorang pun pendatang haram dari Indonesia yang dikeluarkan kad pengenalan merah.

### KGB DI MALAYSIA—AWASI KEGIATAN

35. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerianya telah meningkatkan kegiatan pengawasan terhadap aktiviti-aktiviti KGB di Malaysia memandangkan pendedahan baru-baru ini tentang kegiatan KGB dan GRU di Indonesia termasuk penggunaan pejabat Aeroflot untuk saluran espionajenya dan sama ada terdapat apa-apa kebenaran dalam tuduhan yang Ketua Pembangkang Parlimen adalah seorang agen KGB dan Singapura.

**Dato' Musa Hitam:** Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap segala kegiatan-kegiatan anasir-anasir perisikan asing di negara ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap anasir-anasir perisikan asing atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan kegiatan perisikan yang mengancam keselamatan negara.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada Ketua Pembangkang Parlimen seorang agen KGB dan Singapura, sukalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Dewan Negeri Melaka yang menjalankan siasatan terhadap tuduhan tersebut belum membuat apa-apa keputusan mengenai perkara itu.

### DASAR EKONOMI BARU— PERATURAN

36. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi satu ruling di bawah Dasar Ekonomi Baru bahawa institusi-institusi atau peniaga-peniaga bumiputera diberi keutamaan pertama apabila mana-mana syarikat atau ladang-ladang asing dijual dan juga dalam apa-apa usahasama yang melibatkan penyertaan asing.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Untuk makluman Yang Berhormat, tidak menjadi satu peraturan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memerlukan bahawa institusi-institusi atau peniaga-peniaga Bumiputra diberi keutamaan dalam sebarang penjualan mana-mana syarikat atau ladang-ladang asing atau apabila sesuatu usahasama dengan kepentingan asing dibuat.

Pelaksanaan DEB, khususnya objektif penyusunan semula hakmilik, adalah berpandukan kepada matlamat bahawa menjelang 1990 rakyat Malaysia akan memiliki kira-kira 70% hakmilik modal saham dalam sektor syarikat dengan kaum Bumiputera memegang sekurang-kurangnya 30%. Bakinya akan dimiliki oleh kepentingan asing. Oleh yang demikian, ia tidak semestinya dikenakan di peringkat sesebuah syarikat.

### KASINO DI GENTING HIGHLAND— MENUTUP

37. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah Negara ASEAN telah menutup semua kasinonya, jika ya, adakah Malaysia akan berbuat demikian bagi kepentingan orang ramai keseluruhannya.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Adalah dimaklumkan bahawa buat masa sekarang Kerajaan belumlah mempunyai cadangan untuk memberhentikan aktiviti Kasino di Genting Highland.

### PENGISYTIHARAN HARTA

38. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan Menteri-menteri Persekutuan, Timbalan-timbalan Menteri. Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ketua-ketua Menteri, Menteri-menteri Besar, Menteri-menteri Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Exco Negeri yang kena mengisytiharkan harta mereka;

- (b) berapa orang daripada mereka yang tersebut di atas didapati harta mereka tidak seimbang dengan punca pendapatan mereka yang diketahui; dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang didapati harta mereka tidak seimbang dengan punca pendapatan yang diketahui; dan
- (c) sebab melanjutkan tarikh akhir menghantar Borang Pengisytiharan Harta mereka, dan sama ada perkara ini disebabkan Kerajaan ingin memberi mereka peluang untuk menyelesaikan harta mereka yang berlebihan yang tidak seimbang dengan punca pendapatan mereka yang diketahui.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Soalan ini telahpun dijawab oleh YAB Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 5 daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 9-3-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

#### MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN—LANTIKAN AHLI

**39. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan mengemukakan pindaan-pindaan yang perlu kepada Akta Kerajaan Tempatan untuk mencegah Kerajaan-Kerajaan Negeri dari melantik ahli-ahli politik dari parti pemerintah yang ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil menjadi ahli-ahli berkuasa tempatan seperti diamalkan sekarang.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa terdapat beberapa seksyen di dalam Akta Kerajaan Tempatan yang menerangkan dengan jelas tentang perlantikan ahli Majlis Pihak berkuasa Tempatan. Berhubung dengan perkara ini, semua ahli Majlis Pihakberkuasa Tempatan adalah dilantik oleh Pihakberkuasa Negeri. Mereka yang dilantik biasanya terdiri dari anak tempatan dan yang difikirkan oleh Pihakberkuasa

Negeri sebagai mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan, mencapai kejayaan terpuji dalam sesuatu profesyen, perdagangan atau perindustrian atau boleh mewakili kepentingan kaum mereka dalam kawasan Pihakberkuasa Tempatan berkenaan. Dengan itu ternyata bahawa perlantikan ahli Majlis Pihakberkuasa Tempatan berada dalam bidang kuasa Pihakberkuasa Negeri. Memandangkan keadaan ini maka Kementerian saya tidak bercadang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan.

#### CUTI HAJI

**40. Tuan Awang bin jabar** meminta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menimbangkan cuti bergaji penuh bagi pegawai Kerajaan yang hendak menunaikan Fardhu Haji, walaupun pekhidmatan mereka belum genap 10 tahun.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Kerajaan tidak bercadang untuk meminda tempoh perkhidmatan yang melayakkan seseorang kakitangan Kerajaan mendapat kemudahan cuti haji dari 10 tahun kepada tempoh yang lebih pendek lagi.

#### PEGAWAI KERAJAAN MENENTANG DASAR KERAJAAN—TINDAKAN

**41. Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar dasar-dasar Kerajaan Malaysia adalah berasaskan kepada Dasar Parti UMNO/Barisan Nasional. Jika benar, apakah orang-orang/pegawai Kerajaan menentang UMNO/Barisan Nasional adalah boleh disifatkan sebagai penentang dasar Kerajaan dan boleh diambil tindakan tatatertib.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Dasar-dasar Kerajaan adalah dibuat oleh Kerajaan yang memerintah, Mengenai tindakan tatatertib terhadap pegawai Kerajaan yang menentang dasar Kerajaan, Perintah Am Bab 'D' ada memperuntukkan bahawa seseorang pegawai itu tidak boleh menentang dasar-dasar Kerajaan.

### KURIKULUM 3M—MASALAH PERLAKSANAAN

**42. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi sejak kurikulum 3M diperkenalkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Di antara masalah-masalah yang telah dapat dikesan setakat ini berkaitan dengan pelaksanaan Kurikulum 3M ialah setengah-setengah ibubapa mendapat gambaran yang tidak betul mengenai kurikulum ini. Bagi mengatasinya Kementerian Pelajaran telah menyediakan risalah-risalah soal-jawab yang disebarkan kepada orang ramai melalui Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Penerangan.

Selain daripada itu masalah yang timbul adalah masalah-masalah pentadbiran biasa; misalnya kesesakan bilik darjah di setengah-setengah sekolah terutamanya di bandar-bandar. Untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini satu Jawatankuasa Pelaksanaan peringkat Kementerian telah ditubuhkan bagi meneliti dan mengambil langkah-langkah yang perlu dengan sewajarnya.

### DEFISIT PERDAGANGAN

**43. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang yang dihutang oleh Malaysia kepada negara-negara asing, masa yang akan diambil untuk membayar balik hutang-hutang tersebut dan bagaimanakah Kerajaan bercadang mengatasi defisit perdagangan yang berlaku sekarang.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Pada masa ini jumlah hutang yang telah ditawarkan dan diterima oleh Malaysia daripada negara-negara asing ialah sebanyak M\$2,928,297,507 (dua ribu sembilan ratus dua puluh lapan juta, dua ratus sembilan puluh tujuh ribu dan lima ratus tujuh ringgit). Sebenarnya sebahagian besar daripada tawaran-tawaran ini adalah di dalam bentuk kemudahan kredit (lines of credit) dan hanya digunakan untuk membiayai pembelian barang-barang daripada negeri-negeri yang menawarkan kredit yang berkenaan. Daripada jumlah ini sebanyak

M\$1,984,671,530 (satu ribu sembilan ratus lapan puluh empat juta, enam ratus tujuh puluh satu ribu dan lima ratus tiga puluh ringgit) telah dikeluarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pinjaman yang berkenaan telah ditawarkan oleh beberapa negara-negara seperti Jepun, Saudi Arabia, Austria, Germany dan United Kingdom. Syarat-syarat pinjaman yang telah ditawarkan itu adalah berpatutan dan lebih baik daripada tawaran-tawaran pinjaman yang boleh didapati daripada pasaran wang luar negeri. Tempoh masa bayaran balik pinjaman ini adalah di antara 12 hingga 25 tahun.

Berhubung dengan soalan tentang cara untuk mengatasi defisit perdagangan yang berlaku sekarang, sukalah saya meminta Ahli Yang Berhormat membuat rujukan kepada jawapan yang telah diberi di dalam Dewan ini pada 15-3-82 yang lalu iaitu berhubung dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

### SISTEM 3M—BANTAHAN

**44. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar semua Menteri Kabinet dari MCA telah menentang dengan sekeras-kerasnya konsep dan pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah Cina sebelum sistem itu dilaksanakan tahun ini dan jika benar, mengapakah Kerajaan melaksanakan sistem tersebut walaupun terdapat bantahan keras dari semua Menteri Kabinet dari MCA.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Soalan ini telahpun dijawab oleh YAB Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 4 daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 9-3-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

### MAHKAMAH RAYUAN TERTINGGI—PENUBUHAN

**45. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk menubuhkan sebuah mahkamah rayuan tertinggi (higher appellate court) yang lebih tinggi dari Mahkamah Persekutuan untuk menggantikan Majlis

Privy untuk mendengar rayuan kes-kes perlembagaan dan jenayah kerana kes-kes berkenaan tidak boleh dirayu lagi kepada Majlis Privy, bukan seperti kes-kes sivil.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Setakat ini Kerajaan belum ada lagi rancangan untuk menubuhkan sebuah mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Persekutuan untuk menggantikan Majlis Privy bagi mendengar rayuan kes-kes Perlembagaan dan jenayah.

#### TAHANAN POLITIK—PENGAMBILAN NEGARA ASING

**46. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat 28-2-82, adakah mana-mana negara atau organisasi-organisasi antarabangsa yang menunjukkan minat mereka untuk menerima orang-orang tahanan politik dan adakah Kerajaan berniat menarik balik kerakyatan mereka apabila mereka itu diterima oleh negara asing.

**Dato' Musa Hitam:** Semenjak pengumuman dibuat, Kerajaan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mengambil orang-orang tahanan itu baik dari individu maupun dari badan-badan antarabangsa.

Berhubung dengan soal kerakyatan orang-orang tahanan, sukalah dijelaskan di sini bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah timbul memandangkan bahawa penghijrahan orang-orang tahanan yang ditawarkan ini adalah bergantung kepada permintaan atau persetujuan bersama antara kedua-dua pihak iaitu pihak penganjur dan orang-orang tahanan berkenaan. Sesudah persetujuan dicapai adalah wajar bagi orang tahanan yang telah mengambil keputusan memilih negara lain sebagai negara baru mereka itu menyerahkan kerakyatan mereka.

#### BILANGAN KERUSI PARLIMEN/ NEGERI

**47. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dari sudut bilangan pengundi sebuah kawasan pilihanraya di bandar mempunyai

kelebihan pengundi dua hingga tiga kaliganda jika dibandingkan dengan sebuah kawasan Pilihanraya di luar bandar. Jika sedar, sama ada beliau akan mengambil langkah yang konkrit untuk menambahkan bilangan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di kawasan bandar supaya demokrasi tidak menjadi ejekan di dalam Negeri ini.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Kerajaan memang sedar bahawa ada bahagian-bahagian pilihanraya tertentu di dalam lengkungan kawasan bandar yang mempunyai bilangan pengundi lebih ramai dari bilangan pengundi bahagian-bahagian pilihanraya lain di sekitar kawasan luar bandar. Ada terdapat kira-kira 25 buah bahagian pilihanraya atau 16% dari jumlah bahagian pilihanraya yang ada di negara ini yang mempunyai jumlah bilangan pengundi lebih dari 50,000 orang. Bilangan ini adalah kecil dan kelebihan bilangan pengundi tidak dapat dielakkan kerana Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh melakukan kajian semula di dalam masa 8-10 tahun selepas kajian semula yang terakhir. Perlembagaan tidak membenarkan bahagian pilihanraya ditambah sewenang-sewenang atau bahagian pilihanraya dipecahbelah setelah didapati ada sedikit pertambahan bilangan pengundi.

Ahli Yang Berhormat hendaklah juga maklum bahawa terdapat beberapa prinsip kajian semula bahagian pilihanraya yang perlu dipatuhi oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Jumlah bilangan pemilih hanya berupa salah satu daripada beberapa prinsip atau kriteria yang harus dipertimbangkan apabila menentukan kawasan sesebuah bahagian pilihanraya. Prinsip-prinsip lain seperti luas kawasan, keadaan pentadbiran, kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pengundi, sempadan-sempadan pentadbiran daerah dan soal-soal komunikasi dan perhubungan adalah juga perlu diambilkira.

#### PISTOL—SALAH GUNA

**48. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seorang Datuk yang tertentu di Sandakan selalu mendedahkan pistolnya di khalayak ramai seperti di kelab-kelab malam dan pada menjelang Hari Natal

tahun lalu, Datuk itu menghalakan pistolnya ke arah kerongkong seorang lelaki di sebuah kelab malam; jika sedar adakah beliau akan menarik balik lesen senjatapi yang dikeluarkan kepada orang yang berkenaan kerana menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepadanya untuk memiliki pistol.

**Dato' Musa Hitam:** Kerajaan sedar bahawa seorang Datuk telah terpaksa mengeluarkan pistolnya untuk mententeramkan satu pergaduhan yang berlaku di sebuah kelab malam di Sandakan, Sabah pada malam 24hb Disember, 1981 (menjelang Hari Krismas). Tindakan yang dilakukan oleh Datuk itu didapati wajar oleh kerana dengan daya usahanya itu pergaduhan yang berlaku di kelab malam tersebut telah dapat diselesaikan dan ditenteramkan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik lesen senjatapi yang telah diberikan kepada Datuk itu.

#### PENDATANG HARAM INDONESIA

**49. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat pendatang-pendatang haram Indonesia yang bekerja di negeri Johor yang tidak mempunyai apa-apa dokumen perjalanan kecuali sepucuk surat yang dikeluarkan oleh UMNO Bahagian Semerah yang mengatakan mereka telah memohon untuk mendapatkan visa; bagaimanakah pendatang-pendatang haram ini dapat masuk ke negara kita dan sama ada siasatan akan dijalankan ke dalam perkara ini dan hasilnya diumumkan di Dewan ini.

**Dato' Musa Hitam:** Kementerian ini tidak sedar adanya pihak-pihak tertentu yang mengeluarkan surat mengenai permohonan visa. Walau bagaimanapun sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai bukti-bukti sila kemukakan kepada Kementerian saya supaya siasatan mengenainya dapat dijalankan. Pada kebiasaannya permohonan visa hendaklah mempunyai dokumen perjalanan yang sah sebelum pertimbangan dapat dibuat.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982)

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Mac, 1982)

#### DAN

#### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1981

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih dari \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua nyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh;

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

Satu jumlah wang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-

projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1982 yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh." (17hb Mac. 1982).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Yang Berhormat dari Sandakan untuk menyambung ucapan beliau semalam, saya hendak membuat satu pengumuman iaitu sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Ahli-ahli Yang Berhormat hanya mendapat lebihkurang 1½ jam sahaja petang semalam untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) dan Usul Pembangunan (Tambahan), 1982 pada peringkat dasar. Untuk memenuhi satu hari maksima perbahasan pada peringkat dasar atas Rang Undang-undang tersebut, saya telah membuat keputusan membenarkan perbahasan dilanjutkan petang ini untuk beberapa waktu.

Saya telah juga berjanji memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan untuk menyambung ucapannya hari ini dan selepas itu Yang Berhormat dari Keningau akan berucap sebelum Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menyambung ucapannya.

3.40 ptg.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** (*Dengan izin*) Mr Speaker Sir, as the issuing of blue identity cards to Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants is now rampant, the DAP calls on the Government to set up a Parliamentary Committee composed of members of all political parties to investigate into this matter and submit its report to Parliament.

The announcement by the Municipalities of Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau and Labuan as well as the District Council of Lahad Datu to increase assessment rates and licencing fees has shocked Sabahans. The

assessment rates have increases from 7% for private properties, i.e. residential homes, and 15% for commercial buildings in the suburban areas to 57%. The assessment rates of properties in urban areas have increased from 20% to 40%.

This marked increase in assessment rates has created an outcry throughout the State of Sabah and the people are incensed by the announcement which is grossly unfair and manifestly steep. The proposed increases show the utter unreasonableness of the Berjaya Government which, to make up for its extravagance and colossal waste of public funds, has now resorted to milk the people dry. The Berjaya Government with its depleting funds has decided to impose a further burden on the people just to fill its empty coffers. Not only assessment rates have been increased but also licencing fees. It is now proposed that the licencing fees for a vegetable stall be increased from the usual \$120 per annum to \$1220 per month, an increase of 1,100%. Licence fees for beef and pork stalls have now increased from \$30 per month to \$180, an increase of 500%. Licences for hawkers have now been increased from \$30 per year to \$120 per month, an increase of 4,70%.

The health licence fee for a non-airconditioned coffee shop has increased from \$12 per annum to \$1220 per month, an astronomical increase of 11,900% and, worse of all, air-conditioned restaurants and canteens increased from \$12 per annum to \$500 per month, an increase of 49,900%.

Licences for hair-dressing saloons are to increase from \$25 per annum to \$12 per seat a month and those with massage facilities from \$20 per annum to \$60 per seat a month. Such increases are manifestly unjust and exorbitant and the people are justified in expressing their shock and anger. The proposed increases are in complete variance with a Government that professes to be people-orientated.

The Sabah Chief Minister was reputed in the local papers on 4th March, 1982 to have said that any proposal and collective decision of the State Cabinet should receive the full

backing of Berjaya members serving on the various Local Authorities, and added that Councillors who opposed the decision should either resign or be prepared to be dismissed from their posts.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan Kerajaan Negeri dan sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu tahu untuk mengemukakan kepada Kerajaan Negeri. Adalah tidak adil kerana Kerajaan Negeri tidak dapat memberi jawapan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Fung Ket Wing:** Well, this affects the whole lives of the people in Sabah. The Sabah Chief Minister made these remarks when a member of the Kota Kinabalu Municipality suggested that those who opposed the new rates be shot. After bitter protest from the people, the State Government set up a three-man special panel to look into the matter and the panel recommended that the proposed increases be reduced by half. Be that as it may, the Berjaya Government has reneged on its election pledge to reduce the high cost of living in Sabah as the new rates would inevitably lead to an increase in the cost of living.

The following figures obtained from the statistical reports reveal the ever-increasing cost of living in Sabah.

1967	..	..	..	100% (Base Year)
1975	..	..	..	141.5%
1976	..	..	..	144.5%
1981	..	..	..	185.5%
				(up to August)

The above figures show that from 1968 to April, 1976, i.e. a period of 100 months, the rise in the C.P.I. is around 141.5%. Since Berjaya came into power in April 1976, the Consumer Price Index for Sabah has

increased to 185.5% within a matter of 64 months (i.e. from April 1976 to August 1981). In real terms, the C.P.I. has increased by 65.66% ever since Berjaya came into power in Sabah.

The proposed increase in assessment rates and licences would undoubtedly increase the cost of living and the victims would be the poor. In this connection, I call on the Federal Government to intervene in the matter and instruct the Sabah State Government to reduce its proposed assessment rates and licensing fees. It is also pertinent to point out at this juncture the Mr Jelak, Mr Hyde role played by the Sabah Minister of Local Government. When the new increases were announced, the State Minister of Local Government, who had just returned from overseas leave, claimed that he was not aware of the proposed increases.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, perkara yang lebih mendalam berkenaan dengan Sabah itu bukanlah tidak ada kaitan dengan Federal tetapi kalau ditumpukan terlampau banyak soal itu sudah menyebut soal kedaerahan. Dalam soal ini kita hendak merundingkan ialah soal policy, dasar perbelanjaan. Kalau boleh Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada bahasan itu. Adakah Ahli Yang Berhormat faham bahasa saya itu atau hendak saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Fung Ket Wing:** Yes, this is a policy matter.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** I know it is a policy matter but do not go into details that would detract from policy.

**Tuan Fung Ket Wing:** Well, this one involves another policy which I will introduce . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** No, you are talking about details of the policy. Right? I am not interested in the details of the policy. You talk on policy and principles, yes, you can go into details later in the Jawatankuasa, if you want.

**Tuan Fung Ket Wing:** Mr. Speaker, Sir, the police in Sabah have revealed that many of the barter traders from the Philippines carry

firearms and dadah. On 7th February, 1982, the police intercepted a bum boat carrying Filipino barter traders and discovered a rifle and a 16M machine gun together with . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat pun boleh bawa soal itu dalam soal Jawatankuasa. You can bring that matter later in the Committee-level discussion. Now at this juncture, we can discuss only policy.

**Tuan Fung Ket Wing:** Mr. Speaker, Sir, I have to give cases to substantiate my statement, otherwise you see . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, I hope you won't argue when I tell you that you are talking about details and not policy. If you have got nothing more to say, you can stop talking and use all those items later on in the Committee level.

**Tuan Fung Ket Wing:** Mr. Speaker, many members of this House have talked of the communist threat to our country. However, they have overlooked another threat posed to the nation generally and in particular to Sabah. This is the threat from the Filipino refugees.

The never-ending influx of Filipino refugees into Sabah poses a security risk to Sabah and we are fast reaching a crisis level. If steps are not taken to halt and repatriate these refugees, Sabah would, in time to come, be taken over by these Filipino refugees. The Number of Filipino refugees in Sabah according to the Sabah State Government is approximately slightly more than 100,000 and this constitutes 10% of the population. Most of these refugees have firearms and the spate of armed robberies and murder in the state is ample testimony to the danger of the presence of Filipino refugees in the State.

In this connection, I also call on the Government to seek an early settlement to the Filipino claim to Sabah. This is because Southern Filipinos still consider Sabah to be part of the Philippines and hence the exodus of Filipino to Sabah. So long as the Sabah claim remains unsettled, so long would the refugees problem remain.

As I have said earlier, the presence of Filipino refugees poses a danger to Sabah. This is particularly alarming because as early as March, 1968, Manila newspapers exposed the presence of a secret training camp in Corrigidor Island where irregulars were trained by the Philippines Army officers in sabotage and subversion with the aim of sending these saboteurs and infiltrators to Sabah.

The question that arises as a consequence of this exposure is whether the Filipino refugees in Sabah are indeed fifth columnists who are bidding their time before seizing power in the State. I call on the Government to give serious thought to the problem of Filipino refugees in Sabah with a view of repatriating them to their country of origin.

Also, an early settlement of the Filipino claim to Sabah should be reached in the spirit of ASEAN and, in this connection, the attitude of the Marcos regime in refusing to recognise the findings of the United Nations Mission which found that the majority of the people of Sabah wished to join the Federation of Malaysia, must be condemned in no uncertain terms.

In the winding up on the debate on the Royal Address on Tuesday, the Deputy Defence Minister, purportedly giving the official version of the Mengkarak affair, where rubber tappers alleged that they were assaulted and humiliated by soldiers on February, 26 launched into a most uncalled for attack on my colleague, Ketua Pembangkang and M.P. for Petaling, even accusing him of being made use of by the communists.

What is most deplorable is the attempt by the Deputy Defence Minister to turn the whole Mengkarak incident, which is strictly a matter of military discipline and respect for the ordinary rakyat, into an election issue. This is best seen by the concluding paragraph of the Deputy Defence Minister's speech on the Mengkarak incident where he hoped that the DAP would be rejected in the coming General Elections.

It is my Party's view that the election fever has clouded and so politicised the reactions, thinking and public speeches of Barisan

Nasional leaders, that all they could think of is to extract maximum political capital against the Opposition, rather than to discharge their duties as Ministers and Deputy Ministers fairly and responsibly.

The Deputy Defence Minister's version of the Mengkarak affair, which is, of course, the one-sided account of the soldiers involved, is presented as the unchallengeable truth and even as the acid test of one's stand on the MCP armed struggle. In a most irresponsible statement, the Deputy Defence Minister has virtually accused the tappers who had been assaulted as communist sympathisers and even the entire Mengkarak neighbourhood is not spared of such accusation.

On behalf of the DAP and the Leader of the Opposition, I am authorised to state that the DAP rejects the Deputy Defence Minister's version of the Mengkarak affair so far as the rubber tappers are concerned and demand a full open public inquiry to get into the true facts of the matter.

While claiming that the Government would not "cover up" the Mengkarak affair, the Deputy Defence Minister has done precisely that. Any discerning citizen, reading the Deputy Defence Minister's account, will find it full of holes as it raises more questions than answering them.

My colleague, the M.P. for Petaling, has said in this House that the DAP is opposed to and condemns the MCP armed violence, but we cannot condone violence committed by indisciplined soldiers against the innocent public.

If the Deputy Defence Minister chooses to classify those who stand up and speak out against military violence against innocent citizens as pro-communists, then I am afraid he has virtually classified the majority of Malaysian as pro-communists, for we in the DAP believe that the majority of Malaysians are equally opposed to those "black sheep" in the Armed Forces who have no military disciplines and commit violence, assault or humiliations on innocent citizens.

The Deputy Defence Minister in this speech made various unfounded imputations

and insinuations which we in the DAP think it beneath our dignity even to pay notice, like why the Press conference of the Leader of the Opposition was held in Petaling Jaya. People who have no case will clutch at any straw to make a mountain out of nothing.

I will only conclude by warning the Deputy Defence Minister that the people who are falling into the trap of communists and serving their cause best are those who are not prepared to admit mistakes of military indiscipline, accuse those who are unhappy about military indiscipline as communist sympathisers, for the communists have no better recruiting agent than the Deputy Defence Minister in his speech in the House two days ago.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Keningau.

*3.56 ptg.*

**Datuk Stephen Robert Evans (Keningau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 17hb Mac, 1982.

Saya ingin menyentuh bahawa perkara utama yang membimbangkan Kerajaan Negeri iaitu Sabah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan ke atas permohonannya untuk memperolehi peruntukan yang memuaskan bagi Rancangan Malaysia Keempat untuk mengekalkan 'tempo' pembangunannya sama seperti yang telah dialami di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dahulu. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Sabah memohon peruntukan pembangunan berjumlah \$8,000 juta, tetapi hanya diberi sebanyak \$3,172 juta atau hanya 13.3% sahaja lebih tinggi dari jumlah peruntukan yang disemak semula di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu sebanyak \$2,798 juta. Perkara yang saya bangkitkan tadi adalah mendukacitakan bahawa banyak projek-projek yang dicadangkan di Sabah untuk dilaksanakan, di awal tempoh Rancangan Malaysia Keempat terpaksa dibatal atau ditangguhkan. Oleh yang demikian perkara ini benar-benar mengecewakan rakyat negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dipandang secara sepintas lalu ke atas peruntukan negeri-negeri dalam Rancangan Malaysia Keempat, Sabah ditunjukkan sebagai nombor 2 selepas negeri Selangor, dari segi jumlah pembahagian perbelanjaan pembangunan untuk seluruh negara. Tetapi jika dilihat dengan teliti terhadap perangkaannya adalah ternyata sekali bahawa Sabah menyumbangkan hampir 39% daripada wangnya sendiri dalam jumlah peruntukan tersebut.

Menurut Buku Laporan Rancangan Malaysia Keempat hanya sebuah negeri lain sahaja dalam Persekutuan yang memberi sumbangan terhadap pembangunan dari tabung kewangannya sendiri, negeri tersebut ialah Trengganu yang menyumbangkan kira-kira \$150 juta untuk pembangunannya. Daripada pembahagian perbelanjaan Persekutuan Sabah sebenarnya berada di tempat ke 9 dari segi perbelanjaan Persekutuan mengikut bilangan penduduk. Oleh itu kedudukannya lebih rendah lagi iaitu di nombor 11.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah masih jauh ketinggalan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dalam semua bidang pembangunan sosio ekonomi. Saya merayu kepada Kerajaan persekutuan supaya memperuntukkan pembahagian yang adil dari Tabung Persekutuan untuk projek-projek Persekutuan bagi mempercepatkan 'tempo' pembangunan.

Rayuan saya untuk mendapat pertambahan peruntukan kewangan untuk Sabah dalam Rancangan Malaysia Keempat juga bergantung kepada kesedaran tentang keperluan-keperluan yang mendesak, misalnya selepas 18 tahun berada dalam Malaysia, Sabah masih lagi kekurangan jalan-jalanraya yang boleh menghubungkan penduduk-penduduk di Pantai Barat, Pantai Timur dan Residensi pendalaman dalam semua keadaan cuaca. Jalan-jalanraya utama di Sabah tidak diberikan sebarang peruntukan untuk menaikkan tarafnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini

bahawa sistem pengangkutan kami di Sabah masih lagi tidak memuaskan. Begitu juga dengan lain-lain kemudahan infrastruktur seperti pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain. Lebih daripada 80% penduduk-penduduk luar bandar Negeri Sabah terdiri daripada keluarga miskin. Oleh yang demikian, banyak yang perlu dilakukan bagi pembangunan untuk meninggikan taraf hidup rakyat supaya ianya setanding dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan Ahli Yang berhormat dari Sandakan mengenai dengan sindiket-sindiket di Negeri Sabah yang menjual kad pengenalan kepada pendatang-pendatang haram daripada Phillippines dan Indonesia, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa soalan yang ditimbulkan itu telahpun saya tarik balik dengan cara bertulis kepada Setiausaha Dewan Rakyat pada tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, menurut siaran suratkhbar tempatan, *Daily Express*, baru-baru ini Biro Siasatan Negara (BSN) telah berjaya menangkap 2 orang penjual kad-kad pengenalan di Kota Kinabalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai BSN yang terlibat dalam penangkapan kes tersebut kerana mereka benar-benar menjalankan tugas-tugas mereka demi untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang haram daripada Philippines dan Indonesia masih ramai lagi memasuki Negeri Sabah tanpa mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang ramai. Saya khuatir bahawa jika perkara ini tidak dikawal dengan segera isu orang-orang pendatang haram di Sabah akan menjadi, dengan izin, national problem, di masa akan datang. Disebabkan apabila mereka gagal mencari sebarang pekerjaan, mereka sentiasa melakukan perbuatan-perbuatan haram yang bertentangan dengan undang-undang Kerajaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak Polis yang berkenaan di Balai Polis Keningau kerana berjaya menangkap 5 orang perompak bukan warganegara Malaysia yang cuba melakukan rompakan di khemah-khemah balak di Keningau pada bulan

Disember, 1981. Polis juga berjaya menangkap 5 pucuk pistol moden yang diisikan dengan peluru M16. Saya merayu kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan keras terhadap orang-orang pendatang haram yang masuk ke Negeri Sabah tanpa mempunyai sebarang dokumen perjalanan kerana sudah banyak kes-kes jenayah yang serius dilakukan oleh pendatang-pendatang haram di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab kedua-dua masalah.

*4.04 ptg.*

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi pandangan-pandangan serta ulasan-ulasan mereka dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tambahan (1981 dan 1982) dan juga usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1981 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1982.

Saya tidak bertujuan untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu satu persatu. Saya rasa memadai bagi saya memberi jawapan kepada beberapa perkara yang tertentu sahaja. Perkara-perkara lain yang dibangkitkan diambil perhatian untuk dirujuk kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan bagi tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh tentang kelewatan Jabatan tersebut memproses tuntutan-tuntutan pulang balik cukai-cukai Kastam. Sukalah saya menjelaskan bahawa rasanya tempoh yang diambil untuk memproses dan membayar tuntutan-tuntutan

pulang balik (refund) iaitu di antara sebulan hingga 2 bulan dengan syarat semua dokumen penting dikemukakan pada masa tuntutan itu dibuat. Kelewatan memproses tuntutan-tuntutan pulang balik cukai-cukai Kastam kerap kali berlaku disebabkan kerana perkara-perkara berikut:

- (1) Permohonan-permohonan tidak lengkap, yakni dokumen-dokumen yang perlu tidak dikemukakan oleh yang membuat tuntutan.
- (2) Apabila diminta mengemukakan butir-butir itu pihak yang memohon lewat mengemukakan jawapan-jawapannya dan beberapa peringatan perlu pula dihantar.
- (3) Syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan untuk mendapat pengecualian cukai-cukai tidak dipatuhi oleh si pemohon dan deskripsi dagangan yang diberi pengecualian kadang-kadang berbeza dari deskripsi dagangan yang diimport dan dibayar cukai.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta ialah berkenaan dengan kelewatan memproses permohonan daripada Syarikat-syarikat untuk mendapat pengecualian cukai. Saya sedar kelewatan ini kadangkala berlaku. Tetapi ianya tidak dapat dielakkan apabila maklumat-maklumat yang diperlukan tidak dikemukakan dengan sempurna.

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap masalah-masalah seperti ini dan mengambil tindakan sewajarnya. Misalnya dalam Belanjawan 1982 tindakan telah diambil untuk memansuhkan cukai tokok dan cukai jualan yang dikenakan ke atas alat-alat kelengkapan dan Mesin yang diimport kerana tidak dikeluarkan dalam negeri untuk kegunaan pengilang-pengilang. Begitu juga dengan sistem pulang balik duti bagi industri-industri eksport yang telah dipermudahkan di mana pulang balik duti akan diberikan secara automatik asalkan pengeluaran dapat membuktikan prestasi eksportnya dan dapat mengemukakan perakuan juruaudit bebas tentang banyak mana bahan-bahan mentah itu digunakan dalam pengeluaran barang-barang yang dieksport.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta juga telah membangkitkan mengenai kedudukan bangunan-bangunan pejabat dan rumah-rumah kediaman kakitangan Kastam yang tidak memuaskan. Sukalah saya menyatakan bahawa untuk tujuan mendirikan bangunan-bangunan pejabat dan rumah-rumah kediaman di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah diberi peruntukan sebanyak \$60 juta. Peruntukan ini termasuklah juga untuk tujuan menyiapkan projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek yang sedang dilaksanakan dan juga projek-projek yang telah diluluskan berjumlah 120 buah semuanya.

Kerajaan bersedia memberi tambahan kepada peruntukan yang telah disediakan itu jika didapati ianya tidak mencukupi kelak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini saya telah melakukan satu lawatan ke Malaysia Timur untuk meninjau keadaan dan telahpun mengarahkan beberapa langkah untuk diambil supaya meningkatkan mutu kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan di Malaysia Timur. Antaranya, pihak Jabatan Kastam dan Eksais di Raja dan juga Kementerian saya sedang mengkaji cara-cara untuk mendirikan satu Kompleks Kastam yang baru di Bintulu bagi menggantikan Pejabat Kastam yang sedia ada tambahan pula Bahagian Pencegah Jabatan Kastam dan Eksais di Raja di Negeri Sarawak akan dilengkapi dengan sistem radio VHF seperti dengan sistem yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Dengan kegunaan sistem ini semua unit-unit pencegah di seluruh negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia akan dapat melaksanakan perhubungan dengan serta-merta supaya mempergiatkan lagi kerjasama dalam bidang mencegah penyeludupan. Dua bot laju akan digunakan untuk meronda perairan Sarikei, Limbang dan Tanjung Mani bagi mengawal kegiatan penyeludupan.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh tentang pembayaran pampasan kepada kontraktor-kontraktor yang telah menjalankan kerja-kerja kontrak di antara tahun 1977-1979. Teguran Yang

Berhormat akan diambil perhatian. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan membayar pampasan mengikut satu kadar yang adil. Tentang penyelenggaraan tapak kerja kawasan-kawasan jalan yang dibina atau diperbaiki, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa keadaan di tapak-tapak kerja pada masa ini adalah lebih baik daripada masa dahulu.

Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha-usahnya untuk memperbaiki lagi keadaan ini. Di sini saya berharap pihak kontraktor-kontraktor akan memberi kerjasama sepenuh-penuhnya dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh berkenaan dengan sistem pengangkutan awam dan juga penyelenggaraan tandas-tandas awam dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Sukalah saya memaklumkan bahawa beberapa langkah sedang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan untuk meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Umpamanya, di bawah projek kedua pengangkutan bandar Kuala Lumpur yang dilaksanakan bersama oleh pihak JKR dan Dewan Bandaraya, berbagai-bagai skim seperti memperbaiki simpang-simpang, meluaskan jalan, membina jalan, memperbaiki, membina jambatan, sistem mengawal lampu isyarat dan komputer sedang dijalankan.

Dengan terlaksananya projek-projek ini Kerajaan percaya kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur akan berkurangan, terutama di waktu kemuncak (peak hours). Kerajaan juga sedang memperbaiki sistem pengangkutan awam yang ada dengan cara mengkhaskan jalan-jalan atau lorong-lorong yang tertentu untuk bas-bas dan teksi sahaja. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk mengubahkan jalan-jalan bas yang ada selaras dengan sistem pbaikan yang sedang dilaksanakan. Dengan bertambahnya bilangan kenderaan awam adalah diharapkan bilangan kereta-kereta persendirian di jalanraya dapat dikurangkan. Sebagai langkah jangka panjang pula Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk

mengadakan satu sistem pengangkutan yang baru. Kajian-kajian telah dijalankan ke atas berbagai-bagai jenis sistem pengangkutan awam (rapid transit) seperti light rail, monorail, aerobus dan lain-lain lagi.

Kerajaan belum lagi memutuskan jenis sistem yang akan digunakan. Kerajaan berpendapat cadangan untuk mengadakan satu sistem pengangkutan yang baru tidak perlu dikemukakan kepada orang ramai untuk pandangan mereka memandangkan satu kajian yang mendalam telah dilakukan oleh pakar-pakar perunding untuk mengkaji keperluan-keperluan pengangkutan awam di bandaraya Kuala Lumpur pada masa hadapan.

Dalam kajian ini pakar-pakar perunding telah mendapati bahawa satu sistem pengangkutan yang baru sangat perlu diadakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan bandaraya di Kuala Lumpur. Kerajaan berpendapat bahawa pandangan pakar-pakar perunding itu adalah authoritative.

Berhubung dengan perkara penyelenggaraan dan kebersihan tandas awam pihak Dewan Bandaraya adalah sedang dalam proses untuk meningkatkan lagi penyelenggaraan dan kebersihan tandas-tandas tersebut. Dalam hal ini pihak Dewan Bandaraya juga sedang mengkaji untuk meletakkan pengawal-pengawal di tandas-tandas tersebut untuk menentukan tandas-tandas itu sentiasa dalam keadaan bersih. Dewan Bandaraya juga sedang di dalam proses untuk menambahkan bilangan tandas-tandas awam di Kuala Lumpur.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai peristiwa nelayan di Pulau Ketam, pihak polis sedang menjalankan penyiasatan dengan teliti, di samping itu pihak polis sedang mengambil tindakan untuk menambah rondaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis Marin sedang dalam proses pembesaran baik dari segi keanggotaan mahupun kelengkapan. Polis Marin akan dilengkapkan dengan 326 bot semua jenis menjelang tahun 1985. Pada masa ini telah ada kerjasama dengan Kerajaan Indonesia bagi keselamatan

bersama dari ancaman lanun di perairan kedua-dua negara dan perairan antarabangsa.

Sekianlah sahaja ulasan daripada saya dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran yang amat berguna kepada Kementerian saya dan juga Kementerian yang berkenaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih dari \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh:

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

Satu jumlah wang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1982 yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.20 *ptg.*

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$416,779,838 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.5, B.7 hingga B.10, B.12 hingga B.14, B.24 hingga B.26, B.29, B.31, B.32, B.35, B.36, B.38, B.41 hingga B.45, B.50 hingga B.55, B.60, B.62, B.64, B.65 dan B.67: dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$250,820,326 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1982 bagi maksud-maksud Bekalan B.24 hingga B.27, B.33, B.34, B.37, B.39, B.44, B.48 dan B.49 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$797,880,410 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1981 bagi maksud-maksud Pembangunan P.8, P.17, P.24 hingga P.26, P.28, P.33, P.38, P.39, P.42, P.48, P.50, P.53, P.54, P.57, P.58, P.64 dan P.65 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 9 Tahun 1982. Dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$414,321,306 yang diperuntukkan dalam anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1982 bagi

Maksud-maksud Pembangunan P.16, P.19, P.25, P.27, P.28, P.32, P.37, P.63 dan P.64 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 11 Tahun 1982 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus tahun 1981 dan 1982 dan juga Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 dan 1982. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 6 Tahun 1982 dan No. 8 Tahun 1982 bagi Anggaran Belanja Mengurus tambahan Kedua 1981 dan Tambahan Pertama 1982 dan Kertas Perintah No. 10 Tahun 1982 dan No. 12 Tahun 1982 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981 dan (Tamb.) (Bil. 1) 1982. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.7, B.8, B.9, B.10, B.12, B.13 dan B.14 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P.8 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.1 hingga B.14 dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 dan Kepala Pembangunan P. 8 Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 berjumlah kesemuanya \$86,690,173 di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.25 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara sahaja iaitu di bawah Maksud B.24 di mana satu anggaran . . . . .

**Tuan Pengerusi:** B.24 kah atau B.14? Sekarang ini Jabatan Perdana Menteri sahaja dulu iaitu B.1 sampai B.14.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya minta maaf.

**Tuan Pengerusi:** Lagi siapa yang hendak berucap? Tidak ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa oleh kerana tidak ada bahasan maka wang sejumlah \$2,441,600 untuk Maksud B.1; \$365,410 untuk Maksud B.2; \$113,000 untuk Maksud B.3; \$1,357,300 untuk Maksud B.4; \$705,663 untuk Maksud B.5; \$214,100 untuk Maksud B.7; \$69,160,800 untuk Maksud B.8; \$6,000,000 untuk Maksud B.9; \$2,587,000 untuk Maksud B.10; \$388,000 untuk Maksud B.12; \$2,857,900 untuk Maksud B.13 dan \$499,400 untuk Maksud B.14 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,441,600 untuk Maksud B.1; \$365,410 untuk Maksud B.2; \$113,000 untuk Maksud B.3; \$1,357,300 untuk Maksud B.4; \$705,663 untuk Maksud B.5; \$214,100 untuk Maksud B.7; \$69,160,800 untuk Maksud B.8; \$6,000 untuk Maksud B.9; \$2,587,000 untuk Maksud B.10; \$388,000 untuk Maksud B.12; \$2,857,900 untuk Maksud B.13 dan \$499,400 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,980,010 yang disebutkan dalam Maksud P.8 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,980,010 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita masuk ke dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya hendak membuat satu pengumuman yang pertama; mesyuarat ini bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

### **Majlis Mesyuarat bersidang semula**

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang kedua, saya akan tempohkan mesyuarat ini selama dalam 20 minit untuk saya berihit sedikit dan selepas itu kita akan balik bermesyuarat pada pukul 4.50 petang.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.53 petang*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Mesyuarat*)

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.00 malam.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.00 malam.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982)**

##### **DAN**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1982**

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981—*

*Maksud P.16 dan P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1982—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala P.17 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 sebanyak \$6 juta dan Kepala P.16 dan P.19 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

4.54 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam Butiran 15, di bawah P. 16 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) Tahun 1982 di bawah tajuk Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah iaitu Kumpulan Wang Amanah Perumahan Negeri-negeri yang berjumlah sebanyak \$11 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan peruntukan sebanyak \$11 juta yang dipohon di bawah peruntukan tambahan bagi tahun 1982 ini kerana memandangkan bahawa peruntukan \$11 juta kalau diberikan kepada negeri-negeri yang ada di Semenanjung Malaysia ini menunjukkan bahawa peruntukan negeri ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan Butiran 21 dan 26, pertambahan bagi Sabah dan Sarawak yang berjumlah sebanyak \$15 juta dan \$10 juta bagi Sabah iaitu khas bagi negeri-negeri yang tertentu iaitu negeri Sabah dan Sarawak.

Hal ini, Tuan Pengerusi, adalah memandangkan bahawa keperluan perumahan begitu mendesak sekarang ini, terutama kepada negeri-negeri yang ada di Semenanjung Malaysia ini kerana di negeri Semenanjung Malaysia Barat adalah pertumbuhan penduduk begitu meningkat dan keperluan tempat perumahan ataupun tempat perumahan terutama sekali bagi projek-projek rumah murah ini adalah amat dikehendaki jika dibandingkan dengan penduduk ataupun ramainya penduduk yang ada di negeri-negeri ini. Dalam hal ini saya rasa sepatutnyalah pihak Kementerian ini ditambahkan lagi peruntukannya jika menghendaki supaya perancangan rumah awam kos rendah ini dapat diadakan dengan lebih jaya dan lebih mencukupi bagi keperluan yang dikehendaki. Sekiranya

peruntukan yang kecil ini diberi sudah pastilah bahawa projek-projek perumahan kos rendah di negeri-negeri di Semenanjung tidak mungkin dapat mencapai matlamat sepenuhnya jika dibandingkan dengan keperluan yang ada.

Dengan ini saya berharap mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga jika dapat peruntukan ini akan dapat ditambahkan lagi untuk masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.57 ptg.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat itu yang menyentuh perkara wang pusingan perumahan awam kos rendah kepada negeri-negeri.

Di sini saya fikir Ahli Yang Berhormat ada salah faham sedikit. Seperti yang saya selalu umumkan, wang pusingan kepada tiap-tiap negeri di Malaysia adalah bagi wang pusingan sebanyak \$20 juta tiap-tiap negeri, kecuali negeri Perlis yang telah menerima wang pusingan sebanyak \$10 juta. Tiap-tiap negeri yang lain seperti Johor, Selangor dan semua negeri mendapat wang pusingan sebanyak \$20 juta. Itupun satu peruntukan pendahuluan yang kalau tidak mencukupi untuk dibelanjakan bagi membina rumah awam kos rendah akan ditambahkan dari masa ke semasa. Dengan penjelasan ini saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,000,010 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981; dan perbelanjaan sebanyak \$36,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.16 dan \$1,899,990 untuk Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,000,010 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981; dan wang sebanyak \$36,000,000 untuk Maksud P.16 dan \$1,899,900 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1982.

*Maksud B.24 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.24 sebanyak \$5,818,200 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 dan P.24 di bawah Kepala Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 sebanyak \$10 sebagai peruntukan tanda, sekarang terbuka untuk di bahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.01 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1981, dimana tambahan sebanyak \$5,818,200 adalah dikehendaki dan di sini saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada Kertas Perintah No.6, 1982 di muka 7 di mana ada memberi penjelasan bahawa wang itu adalah digunakan untuk tujuan-tujuan yang telah dinyatakan di dalam Kertas Perintah No. 6 itu dan mengikut Kertas Perintah No. 6 dari jumlah itu sebanyak \$5,755,900 adalah untuk menjelaskan tunggakan bil-bil air paip umum di kawasan-kawasan setinggan dalam Wilayah Persekutuan bagi tempoh tahun 1974-1981.

Tuan Pengerusi, saya suka menyokong permintaan untuk mendapat tambahan ini oleh kerana saya merasa bahawa ini ialah satu perkhidmatan yang mustahak untuk memenuhi satu kemudahan asas untuk penduduk-penduduk dalam kawasan setinggan. Saya suka mengambil kesempatan

ini untuk menimbulkan satu perkara demi kepentingan penduduk-penduduk di rumah-rumah setinggan.

Mengenai soal paip air awam ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya menimbangkan kelulusan lebih banyak paip air awam supaya ini dapat dipasang di kawasan-kawasan setinggan yang ada sekarang yang belum ditanda untuk perobohan atas tujuan pembangunan akan tetapi kawasan-kawasan setinggan ini adalah kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk-penduduk.

Kementerian Wilayah Persekutuan patutlah mengambil berat seberapa boleh untuk meluluskan pemasangan paip-paip air awam di dalam kawasan-kawasan setinggan berasaskan konsep sesebuah paip air awam untuk kegunaan 20 buah rumah setinggan.

Dengan pertumbuhan pesat bilangan penduduk dalam kawasan-kawasan setinggan adalah penting supaya kemudahan-kemudahan asas ini diadakan seperti lebih banyak lagi paip-paip air awam untuk kegunaan orang-orang yang tinggal dalam kawasan setinggan. Oleh sebab itu saya suka mencadangkan supaya satu kajian dijalankan dengan segera oleh Dewan Bandaraya untuk mengenal pasti kawasan-kawasan setinggan dalam Wilayah yang hendak dipasang dengan paip-paip air awam.

Di atas perkara bekalan air untuk kawasan-kawasan setinggan, saya juga suka menggesa Kementerian supaya menimbangkan untuk melaksanakan satu skim untuk menyediakan bekalan air kepada tiap-tiap rumah setinggan secara perseorangan, apabila sesuatu permohonan ada dibuat kepada pihak berkuasa tempatan. Saya rasa bahawa dengan menyediakan bekalan air untuk rumah-rumah setinggan secara individu, ini akan juga membantu pihak Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan untuk menyelesaikan bayaran bil-bil paip air awam itu. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat mengulas sedikit dan menimbangkan cadangan yang telah dikemukakan oleh saya.

Perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan

Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 di bawah Maksud P. 24 di mana telah dijelaskan dalam Kertas Perintah No. 9, 1982 bahawa sejumlah token vote \$10 dikehendaki untuk tujuan perparitan.

Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa Kementerian Wilayah telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menyediakan satu laporan mengenai keadaan banjir di dalam Bandaraya untuk dikemukakan kepada Kabinet. Jawatankuasa itu akan mengkaji sebab berlakunya banjir kilat di dalam Bandaraya dan memberikan syor-syor bagi langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini.

Sementara penubuhan Jawatankuasa itu adalah disambut dengan baik, walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan di sini bahawa sementara menunggu langkah-langkah jangka panjang diluluskan dan dilaksanakan adalah penting bahawa beberapa langkah jangka pendek yang segera hendaklah diambil bagi menyelesaikan masalah banjir di Bandaraya. Satu langkah segera yang patut diambil oleh Bandaraya ialah untuk membersihkan longkang-longkang dan parit-parit yang tersumbat di dalam kawasan Bandaraya. Langkah-langkah segera hendaklah diambil untuk memperbaiki dan mendalamkan saluran longkang dan parit supaya ini dapat mengatasi banjir kilat.

Dewan Bandaraya mestilah menguatkuasakan Undang-undang Kecil Kerja-kerja Tanah dengan tegas dan ketat sebagai langkah jangka pendek yang memerlukan pemaju-pemaju yang terlibat dalam pembangunan tanah menyediakan perangkap-perangkap lumpur untuk menghalang tanah daripada melimpah keluar semasa hujan lebat. Banjir berlaku kerana disebabkan sebahagiannya berpunca dari tanah yang menghalang longkang-longkang dan parit-parit yang menyebabkannya tersumbat.

Di samping itu saya juga suka mencadangkan bahawa untuk masa hadapan kelak supaya semua kerja-kerja memperdalamkan ataupun meluaskan sungai-sungai di dalam Wilayah Persekutuan

dapat dijalankan oleh Dewan Bandaraya sahaja tetapi bukanlah dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair Wilayah.

Saya hendak menegaskan hal ini oleh kerana pada masa yang lepas nampaknya ada banyak berlaku keadaan kelam-kabut yang telah berlaku apabila satu perkara dirujukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair Wilayah, jawapan yang diberikan ialah mereka tidak ada peruntukan yang cukup untuk memperluaskan ataupun memperdalamkan sungai-sungai dan untuk mengatasi ataupun mengelakkan masalah seperti ini, saya suka mengesyorkan kepada Kementerian Wilayah supaya untuk masa hadapan semua kerja-kerja yang terlibat ataupun yang melibatkan tugas untuk meluaskan sungai-sungai dan parit-parit hanya dijalankan oleh pihak Dewan Bandaraya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*5.10 ptg.*

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu inginalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah mengambil bahagian dan menyuarakan pendapat beliau bersangkutan dengan peruntukan yang diminta oleh Kementerian saya iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang pertamanya tadi ialah berkaitan dengan masalah setinggan di mana di sini Kementerian telah meminta peruntukan sebanyak \$5,818,200 yang nyatanya sebanyak \$5,755,900 untuk menjelaskan tunggakan bil-bil air paip umum di kawasan setinggan dalam Wilayah Persekutuan bagi tempoh tahun 1974 hingga 1981.

Sepertimana yang telah saya terangkan di masa menggulung perbahasan Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa ini membelanjakan kira-kira \$1 juta bagi tiap-tiap tahun untuk membayar bil air yang dibekalkan kepada setinggan-setinggan di dalam Wilayah Persekutuan ini. Pada masa ini kita telah pun membahagikan satu stand

paip bagi kira-kira 50 orang keluarga dan pada masa ini terdapat 638 stand paip dan yang melibatkan 167 kampung dan keluarga yang terlibat di dalam pemberian kemudahan ini ialah antara: 20,000 hingga 30,000 keluarga. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya paip awam diberi kepada kira-kira 20 keluarga untuk satu stand paip, ini saya rasa memanglah salah satu daripada perkara yang masih dalam kajian Kementerian kerana apabila kita bercakap berkaitan dengan memberi paip air ataupun stand paip di tempat-tempat setinggian kita terpaksa menimbangkan beberapa perkara, yang pertama kerana setinggian-setinggian ini bukannya akan tinggal di tempat yang berkenaan secara menetap, kebanyakannya daripada mereka ini akan dipindahkan atau akan berpindah ke lain tempat sebaik-baik sahaja mereka mempunyai tempat yang lain untuk tinggal. Oleh itu masalah untuk menentukan berapa stand paip bagi keluarga ini banyak bergantung kepada keadaan yang ada di tempat yang berkenaan.

Mengenai dengan memberi paip air ke rumah perseorangan, ini adalah satu perkara yang pada masa ini tidak dapat diberikan kerana sepertimana yang kita ketahui rumah-rumah setinggian adalah rumah sementara, dan jikalau paip-paip dibenarkan dibawa masuk ke rumah-rumah perseorangan ini mungkin akan menyulitkan usaha-usaha Kerajaan apabila memindahkan mereka ini ke tempat-tempat yang tetap. Ini adalah satu perkara yang harus diambil perhatian oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu di dalam Kuala Lumpur ini kebanyakan daripada kawasan-kawasan yang didiami oleh setinggian adalah tanah ataupun kawasan-kawasan di mana pembangunan akan berjalan iaitu di mana tempat-tempat itu akan digunakan untuk jalanraya dan sebagainya. Memandangkan kepada pembangunan yang begitu cepat di Kuala Lumpur ini, maka saya kira setinggian-setinggian tidaklah akan tinggal begitu lama di tempat mereka yang pada masa ini memandang kepada beberapa faktor yang saya sebutkan tadi, maka itu tidaklah dapat dipertimbangkan untuk membenarkan mereka ini membawa paip di rumah masing-masing.

Perkara lain yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai dengan masalah banjir iaitu masalah perparitan yang biasanya disentuh beberapa kali oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam Dewan yang mulia ini. Seperti yang saya pernah terangkan, Kerajaan pada masa ini memang memandang serius mengenai masalah ini, tetapi masalah ini juga berkaitan dengan beberapa masalah yang lain, misalnya, masalah perparitan ini ada kaitannya dengan masalah setinggian di mana setinggian-setinggian ini mendirikan rumah mereka di tebing-tebing sungai yang rendah dan mereka ini menetap di situ, maka kerana adanya mereka ini menetap di kawasan-kawasan berkenaan, maka kerja-kerja untuk membesarkan sungai berkenaan adalah tergendala, dan ini adalah satu daripada masalah yang kita hadapi. Walau demikian, usaha-usaha telah kita buat untuk mencari jalan memindah setinggian-setinggian ini sebagaimana yang pernah saya terangkan Kementerian sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan lebih banyak kemudahan perumahan supaya mereka ini dapat dipindahkan dan kerja-kerja memarit sungai, membesarkan sungai akan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar lagi.

Menyentuh mengenai pelaksanaan undang-undang seperti yang telah saya terangkan juga dalam masa menggulung perbahasan mengenai dengan Kementerian saya tidak berapa hari yang lalu bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian untuk mengambil perhatian berat mengenai perkara ini dan akan bertindak tegas terhadap pemaju-pemaju yang tidak mengindah dan membiarkan bahawa tanah-tanah yang runtuh disebabkan kerja-kerja pembangunan terutama sekali perusahaan rumah masuk ke sungai-sungai dan menyebabkan banjir. Ini akan kita laksanakan seberapa cepat yang boleh dan ini harus juga kita memikirkan di masa kita melaksanakan undang-undang ini, mungkin beberapa perkara akan timbul. Kalau kita melaksanakan undang-undang ini secara begitu ketat mungkin kita juga boleh menyebabkan kelambatan beberapa projek pembangunan di Kuala Lumpur ini. Jadi ini juga patut ditimbangkan; di dalam kita melaksanakan undang-undang ini, kita juga

akan mengambil perhatian tentang implikasinya kerana kalau kita tahan semua pembangunan di Kuala Lumpur ini saya rasa akibatnya mungkin lebih buruk lagi. Jadi saya harap Yang Berhormat itu tidak perlu bimbang, usaha-usaha akan kita buat bagi melaksanakan undang-undang itu mengikut seberapa yang boleh.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya perkara berkaitan dengan perparitan dijalankan oleh Dewan Bandaraya sahaja dan tidak lagi oleh Jabatan Parit dan Taliair. Perkara ini sebenarnya memang sudah di dalam perhatian Kementerian dan sebenarnya memang sudah kita mempunyai satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan tidak berapa lama dahulu, untuk mengkaji masalah ini kalau boleh, kalau ada kemungkinan bahawa kerja-kerja perparitan di Kuala Lumpur ini boleh dijalankan oleh Dewan Bandaraya sahaja dengan tidak melibatkan lagi Jabatan Parit dan Taliair. Dalam perkara ini kita harus sedar bahawa sungai yang mengalir melalui Kuala Lumpur ini ialah melalui satu kawasan yang besar, yang bukan sahaja dalam Wilayah Persekutuan, bukan sahaja dalam Kuala Lumpur ini, tetapi juga ia bermula dari negeri Johor dan berakhir di negeri Johor dan dengan keadaan demikian kita harus juga memikirkan dari segi penyelarasan kerana kalau kita besarkan sungai di Kuala Lumpur sahaja sedangkan sungai di downstream, di bawah Kuala Lumpur kita tidak besarkan, saya rasa mungkin juga apa yang kita buat itu tidak mendatangkan kesan. Dari segi itu, seperti saya katakan tadi cadangan itu memang sudah kita ada dan memangpun sudah diadakan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah ini dan keputusan masalah inipun memang sudah kami bincangkan dalam Jawatankuasa Tindakan Wilayah Persekutuan dan saya kira tidak lama lagi Jawatankuasa ini akan membuatkan perakuan-perakuan mengenai dengan perkara ini untuk dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya rasa sekian sahaja yang dapat saya jelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,818,200 untuk Kepala B. 24 di

bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,818,200 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981.

*Maksud B. 25 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 24 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 25 sebanyak \$10,076,661 hingga kepada Kepala B. 24 berjumlah sebanyak \$186,487,400 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982, dan Kepala P. 25 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Perusahaan Utama sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$10,076,661 untuk Kepala B. 25 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$186,487,400 untuk Kepala B. 24 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,076,661 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak

\$186,487,400 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981.

*Maksud B. 26 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 25 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), (1981)—*

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), (1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 26 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 sebanyak \$8,875,000 dan juga Kepala B. 25 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 sebanyak \$15,684,100; Kepala P. 26 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 sebanyak \$603,000 dan juga Kepala P. 25 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 sebanyak \$30; kesemuanya berjumlah \$25,162,130 di bawah Kementerian Pertanian sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, maka soalnya ialah bahawa sejumlah \$8,875,000 untuk Kepala B. 26 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$15,684,100 untuk Kepala B. 25 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,875,000 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak

\$15,684,100 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$603,000 yang disebutkan dalam Kepala P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981; dan perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Kepala P. 25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$603,000 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981; dan wang sebanyak \$30 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1982.

*Maksud B. 26 (Jadual Kedua)*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 26 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan, 1982 sebanyak \$250,000 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$250,000 untuk Kepala B. 26 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$250,000 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B. 29 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 27 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981—*

*Maksud P. 27 dan P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 29 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1981 sebanyak \$161,250, juga Kepala B. 27 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 sebanyak \$7,744 dan Kepala P. 28 di bawah Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981 sebanyak \$10 dan Kepala P. 27 sebanyak \$10 dan kepala P. 28 di bawah Anggaran Pembangunan (Tamb.) (bil. 1), 1982 berjumlah \$940,000 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$161,250 untuk Kepala B. 29 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$7,744 untuk Kepala B. 27 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$161,250 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$7,744 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981; dan Perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 27 dan \$940,000 untuk Kepala P. 28 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981; dan wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 27 dan \$940,000 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1982.

*Maksud B. 31 (Jadual Pertama)*—

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 31 berjumlah \$10,780,000 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbincangan, masalahnya ialah bahawa wang berjumlah \$10,780,000 untuk Kepala B. 31 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,780,000 untuk Maksud B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B. 32 (Jadual Pertama)*—

**Tuan Pengerusi:** Kepala B.32 berjumlah \$1,770,400 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan 1981 di bawah Kementerian Luar Negeri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,770,400 untuk Kepala B. 32 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,770,400 untuk Maksud B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B. 35 dan B. 36 (Jadual Pertama)*—

*Maksud B. 33 dan B. 34 (Jadual Kedua)*—

*Maksud P. 33 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil.3), 1981)*—

*Maksud P. 32 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1982)*—

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 35 dan B. 36 sebanyak \$231,050,000 dan B. 33 dan B. 34 berjumlah \$38,750,000 di bawah Kepala Anggaran Belanja Mengurus Tambahan 1981 dan juga Anggaran Tambahan Pertama 1982 di bawah Kementerian Kewangan termasuk juga Kepala Pembangunan P. 33 sebanyak

\$707,717,260 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 dan juga P.32 sebanyak \$349,999,980 di bawah Anggaran Tambahan Pertama 1982 di bawah Kementerian Kewangan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.35 *ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di atas Anggaran Pembangunan Tambahan Bilangan 1 tahun 1982 muka surat 6 di bawah tajuk 13, Maksud P. 32 iaitu Pembayaran Khas Kepada Kontraktor-kontraktor Kerana Kenaikan Harga.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian berhubung dengan pembayaran khas yang dicadangkan bagi pertambahan 1982 ini kerana jumlahnya ialah agak besar iaitu sebanyak \$50 juta. Apa yang saya ingin mendapat penjelasan lanjut ialah tentang apakah kriteria-kriteria yang diberikan kepada nilai pembayaran khas kepada kontraktor-kontraktor kerana kenaikan harga ini. Saya sukacita mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana membuat peruntukan ini bagi membantu terhadap kontraktor-kontraktor. Tetapi adalah amat mendukacita kalau sekiranya di dalam menjalankan tugas-tugasnya atau pun menjalankan kerja pemborongan ini pihak kontraktor kadangkala begitu cuai dan kadangkala melewat-lewatkan pelaksanaan kerja-kerja buatannya yang mana dengan ini boleh menjadikan bahawa nilai-nilai peruntukan yang diberikan itu sudah tidak mencukupi ataupun kadangkala ianya terpaksa mengalami kerugian oleh kerana kecuaiannya sendiri di atas kelewatan pelaksanaan projek dan apabila kelewatan maka nilai-nilai barang juga dalam masa yang lewat itu telah meningkat harga yang menjadikan bebanan terhadap kontraktor-kontraktor ini. Apa yang menjadi harapan saya ialah supaya di masa-masa yang akan datang pihak yang bertanggungjawab dalam pengawasan menjalankan tugas-tugas menyelia kerja-kerja pemborongan ataupun pihak kontraktor-kontraktor ini dapat berhati-hati supaya dalam jangka masa yang

akan datang, pihak Kerajaan tidak banyak terpaksa mengadakan peruntukan-peruntukan bagi membantu itu dan ini sedangkan apa yang terpaksa kita laksanakan setelah kecuaiannya dilaksanakan oleh pihak pemborong-pemborong itu sendiri kecualilah kalau sekiranya pihak pemborong itu sendiri menjalankan tugasnya dengan sempurna dan di dalam jangka masa yang tertentu. Itulah harapan saya di harap mendapat penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.39 *ptg.*

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1981/1982 ini. Saya hanya ingin menyentuh tentang Maksud B. 36 Jabatan Kastam dan Eksais di Raja, Butiran 1200, 1300, 2100, 2200 yang berkaitan dengan Bahagian Pencegahan. Kita telah meneliti . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Kertas Perintah yang mana itu?

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Lampiran 'A' Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan 1981 dan 1982.

**Tuan Pengerusi:** Baik, teruskan.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa di bawah Maksud 36(1) peruntukan sebanyak \$3,800,000 adalah dikehendaki, yang sebahagian adalah untuk Elaun Penyiasatan dan Elaun Pencegah yang telah dinaikkan kadarnya. Saya tidak hendak menambah tentang dasar kenaikan elaun-elaun kerana ini adalah satu unsur yang diperlukan bagi memberi galakan kepada Pegawai-pegawai Penyiasatan dan Pegawai-pegawai Pencegah untuk meningkatkan lagi daya usaha pengeluaran mereka. Namun demikian, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh beberapa aspek kerja-kerja penyiasatan dan pencegahan.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan ke atas usahanya setakat ini untuk meningkatkan usaha-usaha penyiasatan dan pencegahan penyeludupan dan kegiatan yang kurang bagi maksud pembayaran cukai. Saya sedar bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah memperolehi bot-bot tambahan bagi melaksanakan kerja-kerja meronda perairan di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur dan juga telah melaksanakan beberapa sistem yang baru seperti kemudahan sistem radio untuk menjadikan kerja-kerja pencegahan penyeludupan dengan lebih berkesan lagi. Kerana pada masa dulu begitu banyak bot-bot tidak dapat digunakan bahkan tersadai di pinggir laut kerana kerosakan.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin membuat aduan di dalam bidang ini tetapi yang saya ingin membangkitkan di sini ialah berkenaan dengan kerja-kerja penyiasatan yang dijalankan oleh Bahagian Siasatan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Mengikut maklumat yang saya terima, Jabatan Siasatan ini telah menimbulkan beberapa keraguan dan perasaan tidak puas hati di antara kalangan pengimport-pengimport. Sebagaimana kita mengetahui Bahagian Siasatan adalah ditubuhkan semata-mata untuk mencegah pengimport-pengimport dan pengeksport-pengeksport menyeleweng daripada peruntukan-peruntukan Akta Kastam. Akan tetapi baru-baru ini mereka telah menyebabkan beberapa kesusahan kepada pengimport dan pengeksport sehingga menyebabkan kerosakan berkaitan dengan kerja mereka masing-masing.

Di sini saya ingin menggesa Kementerian Kewangan untuk mengkaji dengan lebih teliti lagi dasar yang berkaitan dengan kerjasama Bahagian Siasatan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja supaya menentukan bahawa kerja-kerja siasatan yang dilakukan oleh mereka tidak akan menimbulkan kesusahan kepada penguasa-penguasa kita. Sebagai contoh saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pengimport-pengimport dari sentiasa menjadi mangsa dasar-dasar takrif dan penjenisan. Dalam industri auto-air-conditioners seumpama

pengusaha-pengusaha tempatan yang telah diberi manufacturing licence pada satu ketika telah diberi kelonggaran untuk mengimport komponen-komponen dengan kadar cukai mengikut takrif Completely-Knocked Down (CKD). Lebih kurang dua tahun dulu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah meminta tarif CKD dengan menyatakan bahawa komponen-komponen yang boleh dipasang untuk dijadikan satu unit auto-air-conditioners dan yang diimport melalui satu consignment hendaklah ditakrifkan sebagai Completely-Built-up (CBU<sup>4</sup>) dan digunakan kadar duti mengikut takrif CBU iaitu \$250 satu unit.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh pengimport ialah bahawa perubahan-perubahan takrif CBU dan CKD tidak diterangkan kepada mereka sepenuhnya dan telah dilakukan dengan serta merta. Oleh yang demikian, mereka yang telah mengimport komponen-komponen mengikut peraturan-peraturan yang lama telah diberitahu oleh pihak Kastam bahawa mereka dikenakan duti sebanyak \$250 dan tidak sebanyak \$45.

Seperti mengikut takrif CKD dengan perkembangan ini pengimport-pengimport telah membuat bantahan terhadap peraturan-peraturan yang baru itu. Oleh yang demikian, mereka yang membawa komponen-komponen semasa perubahan ini dilakukan tidak dapat menjelaskan duti yang dikenakan dan mengeluarkan pengimportan-pengimportan mereka daripada kawalan Kastam. Perkara ini telah pun dua tahun berlanjutan dan komponen-komponen yang diimport oleh mereka yang terlibat masih lagi dalam kawalan Kastam.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu peraturan yang telah dilaksanakan dan telah mengakibatkan kesusahan kepada pengimport-pengimport. Pengimport-pengimport tidak mungkin dapat menjual bahan-bahan tersebut dengan harga yang setanding dengan apa yang boleh didapati dalam pasaran sekarang.

Di sini saya ingin menggesa pihak Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula masalah ini sebagai satu usaha ikhlas untuk membantu pengusaha-pengusaha tempatan.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah pengimportan ini bertambah buruk memandangkan hakikat bahawa pengimport-pengimport ini tidak dapat mengeluarkan komponen-komponen mereka daripada kawalan Kastam yang mereka juga dikeluarkan supaya mengenakan duti kebelakangan selama tiga tahun. Ini adalah satu langkah yang tidak adil sekali memandangkan bahawa segala pengimportan yang telah mereka membawa masuk tiga tahun sebelum peraturan baru dilaksanakan telah pun dijual berdasarkan duti mengikut kadar lama. Ada beberapa di antara mereka yang telah dikenakan Duti Kastam beratus-ratus ribu ringgit. Saya berpendapat jika pihak Kementerian Kewangan tidak mengambil langkah yang serta-merta untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin pengusaha-pengusaha auto-air-conditioners akan terpaksa untuk memberhentikan perniagaan mereka. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

5.46 ptg.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jerai yang telah menunjukkan minat terhadap Kementerian Kewangan semasa perbahasan dalam Jawatankuasa.

Saya sangat-sangat menghargai teguran-teguran dan pandangan-pandangannya yang telah dibangkitkan. Sebelum saya memberi ulasan-ulasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa proses membangunkan sebuah Kerajaan yang kukuh, licin dan berkesan memerlukan kerjasama dan peranan setiap rakyat apatah lagi ahli-ahli dan wakil-wakil rakyat. Oleh yang demikian, jika didapati bahawa sesuatu peraturan Kerajaan telah menimbulkan kesusahan kepada rakyat adalah menjadi tanggungjawab sebagai warganegara untuk membawa masalah yang dihadapi kepada pengetahuan pihak-pihak yang berkenaan.

Sebagaimana kita sedia maklum Kementerian Kewangan mengamalkan satu praktik berdialog dengan sebilangan besar masyarakat. Sebelum sesuatu Ucapan Belanjawan ataupun dasar terhadap negara diubah, saya percaya Majlis ini adalah majlis yang sesuai sekali untuk menyalurkan sebarang masalah supaya tindakan serta-merta dapat diambil.

Berkenaan dengan masaalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha air-conditioners seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, ingin saya menerangkan perkara tarif Completely-Built-Up (CBU) dan Completely-Knocked-Down (CKD) dan juga perkara-perkara perjenisan, seperti yang diamalkan oleh negara kita adalah tertakluk kepada BTN atau Brussels Tariff Nomenclature. Oleh yang demikian, segala perubahan-perubahan yang dilakukan terhadap tarif atau perjenisan adalah dibuat selaras dengan perubahan kepada peraturan BTN, ini mungkin mengakibatkan kekeliruan.

Di sini saya menasihatkan pengusaha-pengusaha tersebut untuk mendapat nasihat dan pandangan Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja sebelum mereka mengimport sesuatu bahan mentah. Walau bagaimanapun, saya akan mengkaji masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerai berkenaan dengan pampasan kepada kontraktor-kontraktor yang telah menjalankan kontrak-kontrak di antara tahun 1977 hingga 1979. Saya telah pun memberi ulasan semasa mengulung perbahasan dasar. Tambahan pula butir-butir lanjut boleh didapati di surat Perkeliling Perbendaharaan Bil. 12/81.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan sokongan atas perbahasan ini. Saya akan berusaha mengkaji dan meneliti semua pandangan-pandangan dan sebagainya untuk dilaksanakan mana yang sesuai.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$223,000,000 untuk Kepala B. 35 dan \$8,050,000 untuk Kepala B. 36 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$37,750,000 untuk Kepala B. 33 dan \$1,000,000 untuk Kepala B. 34 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$223,000,000 untuk Maksud B. 35 dan \$8,050,000 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$37,750,000 untuk Maksud B. 33 dan \$1,000,000 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$707,717,260 yang disebutkan dalam Kepala P. 33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981; dan perbelanjaan sebanyak \$349,999,980 yang disebutkan dalam Kepala P. 32 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$707,717,260 untuk Maksud P. 33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981; dan wang sebanyak \$349,999,980 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1982.

*Maksud B. 38 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 37 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1981)—*

*Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 38 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 sebanyak \$433,300 hingga ke B. 37 di bawah Anggaran Tambahan Pertama 1982 sebanyak

\$1,000,000 dan Kepala P. 38 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981 sebanyak \$10 dan juga P. 37 di bawah Anggaran Tambahan Pertama, 1982 Pembangunan berjumlah \$1,973,800 di bawah Kementerian Perusahaan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka masalahnya bahawa wang sejumlah \$433,300 untuk Kepala B. 38 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$1,000,000 untuk Kepala B. 37 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$433,300 untuk Maksud B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$1,000,000 untuk Maksud B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 38 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981; dan perbelanjaan sebanyak \$1,973,800 yang disebutkan dalam Kepala P. 37 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981; dan wang sebanyak \$1,973,800 untuk Maksud P. 37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1982.

*Maksud P. 39 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala P. 39 sebanyak \$10 di bawah Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil: 3), 1981 di bawah Kementerian Kesihatan sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan maka masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 39 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981.

*Maksud B. 41, B. 42, B. 43, B. 44, dan B. 45 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 39 dan B. 44 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 41, B. 42, B. 43, B. 44 dan B. 45 berjumlah \$17,569,556 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 hingga B. 39 dan B. 44 sebanyak \$2,844,616 dan juga Kepala Pembangunan P. 42 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,000,000 untuk Kepala B. 41; \$7,868,690 untuk Maksud B. 42; \$264,585 untuk Kepala B. 43; \$944,481 untuk Kepala B. 44 dan \$2,491,800 untuk Kepala B. 45 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$2,605,000 untuk Kepala B. 39 dan \$239,616 untuk Kepala B. 44 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$6,000,000 untuk Maksud B. 41; \$7,868,690 untuk Maksud B. 42; \$264,585 untuk Maksud B. 43; \$944,481 untuk Maksud B. 44 dan \$2,491,800 untuk Maksud B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$2,605,000 untuk Maksud B. 39 dan \$239,616 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981.

*Maksud B. 48 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 48 di bawah Anggaran Tambahan Pertama 1982 sebanyak \$5,030,220 dan Kepala Pembangunan P. 48 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Penerangan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,030,220 untuk Kepala B. 48 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,030,220 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3), 1981.

*Maksud B. 50 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 49 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 50 sebanyak \$2,660,162 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 dan juga B. 49 sebanyak \$766,246 di bawah Anggaran Tambahan Pertama 1982 dan juga Kepala Pembangunan P. 50 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,660,162 untuk Kepala B. 50 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$766,246 untuk Kepala B. 49 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,660,162 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$766,246 untuk Maksud B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Kepala P. 50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981.

*Maksud B. 51 dan B. 52 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 51 dan B. 52 berjumlah \$1,194,225 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,033,225 untuk Kepala B. 51 dan \$161,000

untuk Maksud B. 52 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,033,225 untuk Maksud B. 51 dan \$161,000 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B. 53, B. 54 dan B. 55 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 53, P. 54, P. 57 dan P. 58 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 53 hingga B. 55 berjumlah \$1,655,266 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 dan juga Kepala Pembangunan P. 53, P. 54, P. 57 dan P. 58 berjumlah \$55,600,040 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 di bawah Kementerian Pengangkutan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,387,630 untuk Kepala B. 53; \$177,138 untuk Kepala B. 54 dan \$90,498 untuk Kepala B. 55 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,387,630 untuk Maksud B. 53; \$177,138 untuk Maksud B. 54 dan \$90,498 untuk Maksud B. 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$55,600,010 yang disebutkan dalam Kepala P. 53; \$10 untuk Kepala P. 54; \$10 untuk Kepala P. 57 dan \$10 untuk Kepala P. 58 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$55,600,010 untuk Maksud P. 53; \$10 untuk Maksud P. 54; \$10 untuk Maksud P. 57 dan \$10 untuk Maksud P. 58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981.

*Maksud B. 60 dan B. 62 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 60 dan B. 62 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1981 berjumlah \$11,180,898 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada bahasan, maka soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,969,898 untuk Kepala B. 60 dan \$6,211,000 untuk Kepala B. 62 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,969,898 untuk Maksud B. 60 dan \$6,211,000 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B. 64 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981)—*

*Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 64 sebanyak \$5,717,150; Kepala Pembangunan P. 64 berjumlah \$8,000,010 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1981; dan Kepala Pembangunan P. 63 berjumlah \$21,700,000 di bawah Anggaran Pembangunan Pertama, 1982 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.11 ptg.

**Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1981 dan Anggaran

Tambahan Pertama, 1982 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, B. 64 dan P. 63. Di samping menyokong ini, ingin saya memberi pandangan sedikit untuk diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Tuan Pengerusi, semasa soal-jawab pada 17hb Mac, 1982, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjawab soalan Yang Berhormat Ahli dari Julau. Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan bahawa Kementeriannya telah menyediakan peruntukan sebanyak \$7 juta untuk membaiki jalan raya dari Simanggang ke Sibu dan \$25 juta untuk disediakan kepada seluruh bahagian di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya di sini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa menitikberatkan di atas rayuan rakyat dan telah menyalurkan peruntukan wang yang agak mencukupi untuk jalan raya di negeri Sarawak. Tetapi apa yang saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini ialah berhubung dengan pembangunan rancangan jalan kecil di luar bandar kerana saya dapati bahawa masih banyak lagi jalan-jalan kecil yang telah dimasuki dalam program Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga sehingga hari ini masih banyak lagi jalan kecil di negeri Sarawak belum dapat dilaksanakan dengan sempurna. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula program rancangan luar bandar dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, kerana ada contohnya di kawasan saya jalan kecil Batu Lintang/Unduh, jauhnya kira-kira 10 batu iaitu menyambung jalan dari Simanggang ke Batu Lintang dan sambungan itu dari Batu Lintang ke Ulu Unduh.

Anggaran perancangan yang disediakan oleh pihak berkenaan kurang lebih \$1 juta dan di antara kawasan tersebut ada dua buah sekolah rendah Kerajaan yang tidak melalui jalan-jalan. Jalan kecil ini telah hampir 10 tahun dimasuki ke dalam program pembangunan jalan luar bandar. Saya fikir kalaulah tidak salah ingatan saya, Rancangan jalan kecil ini diminta oleh rakyat di kawasan

tersebut yang mengandungi lebih 20 buah rumah panjang semenjak tahun 1966 kerana dalam tahun 1974 jalan raya dari Simanggang sepanjang 18 batu telah siap dan jalan dari Batu Lintang ke Ulu Unduh dibiarkan dan rakyat di kawasan tersebut berulang kali merayu Kerajaan Negeri dan jawapan Kerajaan Negeri, oleh sebab jalan-jalan kecil ini adalah di bawah Kerajaan Persekutuan dan oleh sebab itu Kerajaan Negeri terpaksa menunggu waran dari Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, menyambung jalan wakil itu amat penting kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Jalan 10 batu dari Batu Lintang itu telah lama dari program rancangan pembangunan jalan raya luar bandar tetapi telah dibiarkan dan oleh kerana peruntukan pembangunan rancangan jalan kecil adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, maka saya di sini sekali lagi merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya jalan kecil yang saya sebutkan di sini akan dapat disediakan peruntukan dengan segera kerana jalan tersebut sangat penting kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Saya di sini berharap bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat menimbang dan menyalurkan peruntukan lebih banyak lagi dalam tahun 1982 ini.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya juga menyentuh sedikit mengenai laporan kertas perintah tahunan iaitu di peringkat negeri khususnya di negeri Sarawak. Saya dapati bahawa banyak jalan-jalan kecil yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri memang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini mungkin menyebabkan peruntukan tidak mencukupi atau kekurangan pegawai-pegawai di Jabatan berkenaan. Namun demikian, saya fikir Kerajaan Pusat perlulah menambahkan peruntukan dengan pentadbiran awam dari masa ke semasa supaya rancangan pembangunan jalan kecil di luar bandar akan dapat dipercepatkan dengan teratur.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya fikir pihak Kementerian juga perlu mengambil banyak lagi kontraktor-kontraktor bumiputera dan pihak Kementerian berkenaan haruslah mengambil atau memilih kontraktor bumiputera supaya dapat

mengambil bahagian di bidang-bidang kontrak di seluruh negara untuk menyertai kontraktor bukan bumiputera dan pada hari ini Kerajaan haruslah menimbang dan memberi peluang kepada bumiputera yang ada mendapat lesen kontraktor dari Kerajaan dan di dalam hal ini saya berharap bahawa pihak yang berkenaan di dalam hal ini agar dapat mengambil perhatian kerana kita semua maklum bahawa banyak Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini bercakap berulang kali dan merayu kepada pihak Kementerian berkenaan supaya kontraktor kaum bumiputera di seluruh negara akan dapat diberi peluang mengambil bahagian di bidang kontraktor dan lain-lain supaya kontraktor bumiputera di negeri ini akan mendapat 30% di bidang ekonomi baru Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Saya berharap bahawa pihak Kementerian ini akan dapat menitikberatkan atas perkara ini supaya kontraktor kaum bumiputera yang mendapat lesen di seluruh negara khususnya kepada kontraktor bumiputera di Sarawak supaya mereka dapat menyertai bukan bumiputera dibidang kontraktor ataupun lain-lain yang tidak memuaskan.

Akhir sekali, saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerai.

*6.17 ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) tahun 1982, muka surat 6 di bawah Butiran (Projek) 197, Pemulihan Pelabuhan Kuantan yang berjumlah sebanyak \$21,700,000.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan projek Pemulihan Pelabuhan Kuantan ini. Dahulu pernah pun menjadi heboh-heboh berhubung dengan projek Pelabuhan Kuantan dan apa yang saya ingin mendapat penjelasan ialah siapakah kontraktor yang akan melaksanakan semula projek pemulihan semula Pelabuhan Kuantan dan siapakah

pula juruperunding yang telahpun diluluskan oleh pihak Kementerian bagi dapat membuat kajian semula dan pelaksanaan projek ini. Apa yang menjadi harapan kita ialah supaya tindakan tegas dan perhatian yang secara langsung oleh pihak Kementerian ini agar sebarang pelaksanaan, sebarang projek pembangunan yang seumpama ini tidaklah menjadi suatu yang akan menjadikan seperti kata pepatah Melayu, jangan jadi pisang berbuah dua kali kerana projek Pelabuhan Kuantan ini telah pun banyak memberi kerugian di atas kecuai-an-kecuai-an dan kurang ambil kira oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab yang selama ini melaksanakan projek Pelabuhan Kuantan ini yang sehingga sekarang terpaksa ditambahkan jumlah sebanyak \$21 juta bagi membiayai semula pemulihan pelabuhan ini. Itulah, Tuan Pengerusi, dimana saya berharap mendapat penjelasan dan saya sokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Jemput Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri menjawab.

6.19 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya memohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli yang telah memberi pandangan dalam perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh jalanraya-jalanraya kecil di Sarawak di mana beliau memohonkan peruntukan yang lebih banyak.

Dalam pendapat saya, Tuan Pengerusi, negeri Sarawak adalah satu negeri yang agak besar dan tentu sekali mempunyai masalah yang agak banyak dan besar juga. Berkenaan dengan jalanraya kecil, dalam pelaksanaan projek-projek itu Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kerjaraya Persekutuan dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah masing-masing mengambil bahagian bagi membaiki ataupun

memperkembangkan projek-projek yang dikemukakan oleh rakyat dari semasa ke semasa.

Memang kita sedar bahawa peruntukan yang ada sekarang tidaklah mencukupi kerana banyaknya jalanraya kecil yang perlu diperkembangkan, tetapi walau bagaimanapun saya akan cuba mengemukakan rayuan Ahli Yang Berhormat itu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana Kementerian ini dewasa ini adalah Kementerian yang mengendalikan jalanraya-jalanraya kecil yang masuk ke kampung-kampung.

Berkenaan dengan jalanraya yang lain daripada jalanraya masuk ke kampung, Kementerian Kerjaraya Persekutuan telah memberikan peruntukan kepada projek-projek ini tetapi Kerajaan negeri juga telah memainkan peranan bagi mempercepatkan projek-projek seperti itu. Jadi walau bagaimanapun, saya juga akan mengambil perhatian dan seterusnya mengambil ingatan dan menyeru Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Kerjaraya bagi mengemukakan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai kontraktor bumiputra yang pada ketika ini kata Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar itu yang mana mereka perlu diberi panduan dan seterusnya, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telahpun baru-baru ini menubuhkan satu unit penyertaan bumiputra bagi menolong kontraktor-kontraktor dan juga peniaga-peniaga bumiputra bagi mengambil bahagian dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerjaraya Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kerjaraya Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Negeri Sarawak dalam bidang memandu dan juga melatih peniaga dan pemborong bumiputra dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai, saya tidak dapat pasti pada ketika ini kontraktor yang memulihkan pelabuhan Kuantan itu, tetapi saya akan kemukakan segala persoalan yang telah ditimbulkan oleh

Ahli Yang Berhormat itu kepada pihak berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,717,150 untuk Kepala B. 64 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,717,150 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$8,000,010 yang disebutkan dalam Kepala P. 64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan ketiga bagi tahun 1981 dan perbelanjaan sebanyak \$21,700,000 yang disebutkan dalam kepala P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,000,010 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981; dan wang sebanyak \$21,700,000 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1982.

*Maksud B. 65 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1981)—*

*Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 65 berjumlah \$18,923,320 dan Kepala P. 65 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 berjumlah \$12,980,000 dan juga P. 64 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Grik.

6.25 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Haji Mohamed Ghazali (Grik):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Maksud B. 65 yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah iaitu berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$18,819,320 yang telah diperuntukkan kepada pihak RISDA untuk membeli dan memasarkan 10,000 tan metrik getah keping tidak berasap daripada pekebun-pekebun kecil getah.

Tuan Pengerusi, menyentuh perkara ini sukalah saya mencadangkan kepada pihak RISDA supaya di masa akan datang dalam masa mereka membeli getah keping daripada pekebun kecil supaya pihak RISDA dapat menggunakan tenaga Gabungan Pekebun Kecil yang ada di kawasan pendalaman. Saya juga ingin mencadangkan supaya dalam menggunakan tenaga Gabungan Pekebun Kecil itu supaya pihak RISDA juga dapat memberikan bantuan sama ada dalam bentuk menyediakan tapak kedai dan kedai dan juga memberikan peruntukan kepada Gabungan Pekebun Kecil untuk membeli lori-lori dan alat-alat pengangkutan supaya menyenangkan mereka membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak RISDA dalam membeli getah daripada pekebun kecil itu mengambil kira bahawa pekebun kecil terdiri daripada mereka yang miskin supaya pihak RISDA dapat membayar harga getah kepada pekebun-pekebun kecil itu dengan lebih cepat lagi. Pada masa ini pihak RISDA cuma membayar lebih kurang satu minggu sekali. Saya mencadangkan supaya pihak RISDA dapat membayar harga getah itu, misalnya, 3 hari sekali ataupun kalau boleh lebih cepat lagi untuk membolehkan mereka yang tidak mampu, mereka yang tidak mempunyai keupayaan menjual getah kepada pihak RISDA itu dan dapat wang dengan serta-merta. Jadi, dengan cara ini saya yakin dan percaya penduduk luar bandar akan memberi kerjasama yang begitu erat kepada pihak RISDA dan saya juga yakin bahawa pihak RISDA akan dapat mencapai kejayaan dalam usaha mereka hendak membeli getah daripada pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud B. 65 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berkenaan dengan jalan-jalan FELDA dan juga bekalan air ke kawasan FELDA. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak FELDA yang telahpun membuka satu kawasan lebih kurang 23,000 ekar dalam kawasan Parlimen Grik untuk dimajukan sebagai kawasan getah, tetapi dalam memajukan kawasan itu, saya dimaklumkan bahawa tidak ada perancangan oleh pihak FELDA untuk memasukkan bekalan api, bekalan air, ataupun jalan-jalan tar ke dalam kawasan FELDA.

Setakat hari inipun kawasan FELDA yang ada di Bersia (FELDA Bersia) masih tidak mempunyai bekalan api dan jalan-jalan yang baik. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak FELDA di masa akan datang dalam masa membangunkan kawasan FELDA di kawasan pendalaman, sekurang-kurangnya pihak FELDA akan dapat memberikan keutamaan kepada kawasan itu untuk mendapat jalanraya yang baik dan juga untuk mendapat bekalan air kerana bekalan air dan jalan yang baik dan juga bekalan api elektrik merupakan kemudahan asas yang diperlukan oleh kawasan-kawasan FELDA. Kebanyakan peneroka FELDA ini datangnya daripada luar bandar, datangnya daripada kawasan-kawasan pendalaman yang tidak pernah merasai nikmat bekalan air, api ataupun jalan yang baik. Jadi saya berharap dengan adanya pembangunan tanah oleh FELDA ini sekurang-kurangnya mereka yang hari ini tidak pernah mendapat nikmat bekalan air, bekalan api dan juga jalan yang baik, FELDA dapat memberikan mereka nikmat untuk merasai bekalan air dan juga jalan yang baik di dalam kawasan-kawasan FELDA.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jalan-jalan FELDA juga saya inginlah mencadangkan supaya dalam masa membangunkan FELDA pihak Kementerian bukan sahaja membina jalan pada permulaan kawasan FELDA ini dibangunkan tetapi juga jalan-jalan ini mestilah diberi maintenance ataupun diberi pengawasan yang begitu baik kerana hari ini di kawasan FELDA Bersia, kalau dahulunya jalan-jalan tanah merah

telah disediakan oleh pihak FELDA, tetapi hari ini pihak FELDA mengatakan bahawa jalan-jalan tanah merah ini tidak akan dibaiki lagi kerana FELDA hari ini mempunyai dasar untuk memberi jalan tar kepada kawasan-kawasan FELDA.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian kalau misalnya FELDA tidak mempunyai cukup kewangan untuk mengadakan jalan-jalan tar kepada kawasan-kawasan FELDA, sekurang-kurangnya FELDA boleh memperbaiki jalan-jalan tanah merah yang sedia ada di kawasan FELDA hari ini kerana kebanyakan jalan-jalan yang ada di kawasan FELDA hari ini tidak boleh digunakan langsung apabila musin tengkujuh dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian berkenaan dengan perkara-perkara ini dan saya menyokong penuh permohonan tambahan peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.34 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd.):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gerik yang sudi turut membahaskan peruntukan tambahan perbekalan yang dipohon oleh Kementerian ini.

Yang pertama, cadangan yang positif daripada Yang Berhormat supaya RISDA membeli getah keping dan ini pihak Kementerian mengambil perhatian dan di setengah-setengah tempat pihak kami telahpun menjalankan pembelian secara getah keping ini dan di mana satu-satu kawasan FELDA yang mengeluarkan hasil getah sebanyak 70 pikul sebulan kami membekalkan jentera yang menggunakan elektrik.

Yang kedua, RISDA juga ada menyediakan kredit supaya Pertubuhan-pertubuhan Koperasi RISDA atau pekebun-pekebun kecil bagi membuka kedai dan

bolehlah mereka melalui koperasi-koperasi ini berusaha menubuhkan koperasi pengangkutan dan juga baja dan lain-lain hak yang boleh memberi keuntungan kepada pekebun kecil sendiri melalui koperasi.

Yang ketiga, RISDA adalah membayar harga getah kepada pekebun kecil dengan cepat dan tunai di mana pekebun-pekebun kecil itu menjalani sistem penjualan getah secara berkelompok. Pada masa itu RISDA adalah membayar harga getah itu dengan cara tunai.

Yang Berhormat juga ada menyentuh berkenaan dengan rancangan FELDA di Gerik berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas iaitu bekalan api, jalan dan juga air. Untuk makluman Yang Berhormat iaitu segala rancangan FELDA yang dimulakan bagi tahun 1968 adalah diberi keutamaan untuk mendapatkan bekalan elektrik, oleh sebab FELDA mempunyai lebih 300 rancangan dengan sebab itu keutamaan adalah diberi kepada rancangan-rancangan yang telah diwujudkan tahun 1968 ke bawah. Yang lain-lain juga adalah sentiasa diberikan perhatian dari semasa ke semasa andainya pihak Lembaga Letrik Negara mendapat peruntukan daripada Perbendaharaan. Pihak FELDA juga sedar bahawa jalan-jalan di kawasan FELDA kebanyakannya begitu berhabuk dan berdebu dan ini adalah mencemarkan kesihatan dan pihak FELDA cuma dapat mengadakan peruntukan satu tahun hanya satu batu sahaja jalan yang dapat ditarkan, tetapi insya Allah dengan adanya suara yang telah disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa kemudahan asas ini akan dikaji dalam Rancangan Malaysia Keempat ini kita berharap akan dapat peruntukan yang lebih, maka pada masa itu dapatlah kita memperbaiki taraf-taraf jalan di luar bandar. Sebenarnya segala peruntukan jalan di luar bandar ini bukanlah dikelolakan oleh FELDA, tetapi tetap juga di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Begitu juga tentang sumber air, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mencari sumber air di bawah tanah kerana untuk mendapatkan bekalan air yang bersih, ini memanglah satu perkara yang berat dan memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Cadangan Yang Berhormat supaya membina jalan sebelum FELDA dibangunkan ini adalah dalam perhatian Kerajaan dan juga FELDA dan segala perkara ini akan dapat dijalankan dengan sempurna dan jaya dengan adanya peruntukan yang lebih yang akan kita perolehi daripada Perbendaharaan. Dan segala kemudahan-kemudahan asas bagi luar bandar ini boleh Yang Berhormat selaku Wakil Rakyat boleh memohon kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana pada masa ini tidak lagi segala peruntukan itu khas untuk FELDA dan FELDA telah diletakkan sama sebagaimana kawasan-kawasan lain juga. Di atas segala pandangan dan cadangan-cadangan diucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$18,923,320 untuk Kepala B. 65 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$18,923,320 untuk Maksud B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,980,000 yang disebutkan dalam kepala P. 65 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1981, dan perbelanjaan sebanyak \$1,807,496 yang disebutkan dalam Kepala P. 64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,980,000 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1981, dan wang sebanyak \$1,807,496 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1982.

*Maksud B. 67 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan 67 berjumlah \$2,224,277 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,224,277 untuk Kepala B. 67 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,224,277 untuk Maksud B. 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih dari \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh;

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

Satu jumlah yang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1982

dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

(Tuan (Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Dato Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih dari \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-

maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh;

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

Satu jumlah yang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh

disetujui.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih dari \$1,212,201,716 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) Bagi tahun kewangan 1981—

Untuk menampung sejumlah \$797,880,410 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh;

(2) Bagi tahun kewangan 1982—

Satu jumlah yang tidak melebihi \$414,321,306 bagi membiayai Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1982 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sembilan dan sepuluh.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan (1957) dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 9hb. April, 1981 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1981. Rang Undang-undang itu, antara lain, telah memansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Dengan berkuatkuasanya Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981 itu mulai 15hb. Mei, 1981, maka dari tarikh tersebut tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi telah diletakkan di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Oleh yang demikian, maka tidaklah perlu lagi mengekalkan peruntukan saraan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi di dalam Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

Di samping itu, pindaan kepada Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 juga adalah bertujuan untuk menyatukan Jadual Pertama dan Kedua menjadi satu Jadual sahaja. Bagi melaksanakan hal ini maka pindaan-pindaan perlulah dibuat bagi Seksyen-seksyen 10 dan 13 serta memotong jadual pertama Ordinan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 telah memperuntukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi kemudahan-kemudahan yang tersebut di Jadual Kedua kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan. Oleh itu dengan pindaan-pindaan ini yang menyatakan Jadual-jadual Pertama dan Kedua menjadi satu Jadual sahaja akan dapat mengelakkan pindaan dibuat kepada Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan setiap kali berlakunya perubahan gaji atau elaun tetap bulanan Ahli-ahli Suruhanjaya. Maka dengan adanya pindaan ini perubahan-perubahan gaji itu boleh dilaksanakan melalui peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui kuasa-kuasanya yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13 Ordinan tersebut. Selain dari itu pindaan ini akan membolehkan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan menerima faedah perubahan gaji dengan kadar yang cepat jika sekiranya ada semakan gaji. Patut juga ditegaskan di sini bahawa penyatuan Jadual Pertama dan Kedua menjadi jadual sahaja bukanlah satu perkara yang baru, kerana melalui Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 yang telah berkuatkuasa, juga telah menyatukan Jadual Pertama dan Kedua menjadi satu jadual sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soal dihadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.58 ptg.*

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah bertujuan untuk membolehkan peserta-peserta rancangan tanah kawasan penempatan berkelompok menyerah balik hakmilik mereka kepada pihak berkuasa Negeri. Pihak berkuasa Negeri pula dibolehkan untuk mengisytiharkan mana tanah yang telah dijadikan sebagai kawasan yang ditetapkan (designated area) dan kawasan penempatan berkelompok (group settlement area) sebagai batal.

Dengan yang demikian pihak berkuasa Negeri berkenaan bolehlah mengkaji mana-mana tanah kawasan penempatan berkelompok yang gagal atau kurang maju dan membuat pertimbangan yang sewajarnya bagi membatalkannya supaya penggunaannya dapat diubahsuaikan dengan keperluan semasa yang boleh memberi faedah kepada

peserta-peserta dan juga negara. Pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) yang dicadangkan ini ialah dengan menambahkan dua bahagian lagi kepada Akta tersebut iaitu Bahagian 8 dan Bahagian 9.

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 mengandungi peruntukan-peruntukan yang membolehkan pihak berkuasa Negeri mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah sebagai kawasan yang ditetapkan (*designated area*) dan juga mana-mana tanah Kerajaan sama ada di dalam atau di luar kawasan yang ditetapkan itu sebagai kawasan penempatan berkelompok (*group settlement area*). Dengan pengisytiharan itu maka kawasan penempatan berkelompok dibahagikan kepada kawasan penempatan desa dan kawasan penempatan bandar. Apabila sesuatu kawasan tanah itu disytiharkan sedemikian tanah itu adalah tertakluk kepada beberapa peraturan dan syarat penggunaan yang ketat dan tidak lagi boleh diubahsuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

Tanah pegangan (*holding*) dalam kawasan penempatan desa itu tidak boleh dijual kepada orang lain, tidak boleh dipecah sempadan dan hanya boleh diperturunkan kepada seorang waris sahaja. Tanah pegangan di dalam kawasan penempatan bandar juga tertakluk beberapa peraturan dan syarat-syarat yang tidak boleh dipinda. Perkara yang menjadi masalah ialah Akta ini tidak mengandungi apa-apa peruntukan yang membolehkan pihak berkuasa negeri membatalkan mana-mana pengisytiharan yang telah dibuatnya itu. Dengan demikian tanah itu sentiasa tertakluk kepada syarat-syarat dan akan tinggal dalam keadaan sebagaimana yang ditetapkan. Keadaan begini menimbulkan masalah untuk membangunkan tanah-tanah itu mengikut keperluan semasa bagi faedah peserta rancangan.

Negara kita sedang membangun dengan pesatnya bukan sahaja dalam bidang pertanian tetapi juga dalam bidang perindustrian, perdagangan dan perumahan. Bandar-bandar baru yang sedia ada terus berkembang dan meluas ke kawasan pendalaman. Dengan itu besar kemungkinan

bahawa ada di antara tanah-tanah kawasan penempatan berkelompok yang pada mulanya terletak di luar bandar akan berubah suasana dan menjadi dekat dengan pinggir bandar. Dalam keadaan ini penggunaan tanah itu akan lebih menguntungkan jika dapat diubahsuai dengan keadaan sekelilingnya seperti perindustrian, perdagangan dan perumahan. Ini hanya dapat dilakukan dengan tindakan membatalkan pengisytiharan kawasan penempatan berkelompok bagi tanah-tanah berkenaan. Untuk membolehkan pengisytiharan kawasan itu dibatalkan maka adalah perlu dipinda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sebagaimana yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soal dihadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sekarang ini dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbahasan, saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga**

7.05 *ptg.*

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang bagi meminda Seksyen 101 (5) (b) Kanun Tanah Negara dibacakan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah bertujuan bagi membolehkan tempoh penyemakan semula cukai tanah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 10 tahun. Pindaan ini ialah dengan menggantikan perkataan "fifteen" (15) dengan perkataan "ten" (10).

Kanun Tanah Negara dalam keadaannya sekarang ini menetapkan bahawa cukai tanah hanya boleh disemak semula dalam tempoh 15 tahun sekali. Bagi tanah-tanah yang tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tempoh penyemakan cukainya telah pun dikurangkan daripada 15 tahun kepada 10 tahun sebagaimana yang telah diluluskan oleh Dewan ini dan dijadikan Akta A 521. Sejumlah besar hasil negeri-negeri adalah berpunca dari cukai tanah. Kadar cukai tanah yang wujud sekarang telah dibuat 10 tahun yang lalu dan kurang sesuai lagi dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Adalah diperhatikan harga tanah dipasaran telah melambung naik tetapi kadar cukainya masih kekal ditingkat yang lama juga. Kos perbelanjaan pembinaan infrastruktur seperti jalanraya, parit, taliair dan lain-lain kemudahan yang diadakan supaya tanah dapat digunakan dengan sebaik-baiknya telah melambung naik dan semua ini adalah ditanggung oleh Kerajaan. Kadar-kadar cukai tanah yang ditetapkan dulu jika dibandingkan dengan keadaan inflasi sekarang adalah sangat rendah. Maka tempoh masa 15 tahun itu difikirkan agak lama dan tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang dan hendaklah dikurangkan kepada tempoh masa 10 tahun. Memandangkan perkara-perkara yang saya sebutkan itu, Seksyen 101 (5) (b) Kanun Tanah Negara patutlah dipinda supaya tempoh masa penyemakan dikurangkan kepada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan mesyuarat ini selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 7.08 malam.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.32 malam.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat.*)

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Perbahasan disambung semula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu kita mesyuarat tadi Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara telahpun dicadangkan dan disokong. Dan sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Pantii.

7.33 *mlm.*

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sedikit pandangan terhadap pindaan Undang-undang Kanun Tanah Negara dan oleh kerana keadaan masa telah sampai yang kita terpaksa menyesuaikan dengan keadaan masa yang telah berjalan selama ini maka sudah sewajarnya Kanun Tanah Negara ini diubahsuai atau dibuat pindaan-pindaan yang perlu.

Yang pertama sekali, begini banyak permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon sama ada untuk mendirikan perumahan,

projek-projek perumahan, ladang dan sebagainya, tambahan pula assesment, dengan izin, di setengah-setengah tempat terlalu tinggi sehingga di mana Kerajaan menggalakkan terutama sekali kaum bumiputra supaya menseimbangkan keadaan ataupun gambaran-gambaran yang mana negara kita berpenduduk berbilang kaum dan bangsa. Jadi, untuk menyeimbangkan keadaan ini terutama sekali di bandar-bandar supaya dapat mencerminkan bahawa penduduk di bandar juga adalah merupakan sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, tetapi dengan keadaan yang ada selama ini boleh dikatakan bagi setengah kaum, umpamanya kaum bumiputra tidak ataupun kurang, ataupun tidak berkemampuan untuk mendirikan rumah-rumah di dalam kawasan perbandaran apatah lagi di dalam kawasan bandaraya seperti Kuala Lumpur ini tidak mampu walaupun mereka mempunyai bidang-bidang tanah yang boleh didirikan kilang, yang boleh didirikan bangunan dan sebagainya tetapi dengan sekatan-sekatan yang ada pada Kanun Tanah Negara yang lama boleh dikatakan menghalang tuantuanpunya tanah ini untuk mempelbagaikan tanah itu.

Satu perkara lagi yang saya harap berhubung dengan adanya Rizab Melayu dan apa yang dikatakan Tanah Rizab Melayu (Malay Reservation) yang mana mengikut keadaan yang sudah-sudah bila dikatakan Tanah Rizab Melayu maka dengan sendirinya harga dan value tanah itu dengan sendirinya kurang dan turun dengan alasan bahawa tanah ini hanya akan boleh dibeli oleh orang Melayu juga. Jadi, dengan sebab tanah ini hanya diperuntukkan kepada orang Melayu dan yang hendak membelinya kelak ialah orang Melayu, maka dengan sendirinya harganya turun. Maka dengan adanya pindaan yang seumpama ini, saya berharap pihak Kementerian akan menilai semula terutama tanah-tanah Rizab Melayu ini janganlah sebagaimana masa yang lepas bila sebut Tanah Rizab Melayu pemikiran orang ramai murah harganya. Dengan sebab itu, bagi memberi peluang, kerana kalau di kampung-kampung boleh dikatakan banyakkah tanah-tanah ini masih lagi dipunyai oleh orang-orang Melayu kecuali di

dalam bandar-bandar memang boleh dikatakan kurang sangatlah tanah-tanah dan memang saya percaya di dalam kawasan Perbandaran atau Majlis Perbandaran atau bandaraya khususnya memang tidak ada saya percaya yang dikhaskan ataupun yang dinamakan Rizab Melayu. Yang ada hanya di kampung-kampung. Itupun sebagaimana saya katakan tadi bila sebut Rizab Melayu harganya murah. Jadi, dengan adanya pindaan yang ada dibuat oleh pihak Kementerian menilai semula tanah-tanah Rizab ini sesuai. Kalau boleh jangan dibeza-bezakan di antara value atau harga Tanah Rizab Melayu dengan yang bukan Rizab Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya walaupun selama ini tidak ada apa yang dikatakan tanah Rizab Melayu di dalam bandar-bandar, apa yang saya ingat, maka elok jugalah bagi Kerajaan menjaga mana-mana tanah pocket ataupun tanah-tanah yang masih lagi ada di dalam simpanan Kerajaan yang belum dikurniakan kepada sesiapa, maka saya harap bagi mencerminkan penduduk berbilang kaum di dalam negara kita ini diberi peluang kepada bumiputra untuk memiliki tanah seberapa yang banyak dalam kawasan bandaran ataupun perbandaran dan lebih-lebih lagi di dalam bandaraya seperti Kuala Lumpur ini. Mudah-mudahan dengan peluang yang diberikan itu akan dapatlah dicerminkan bahawa di dalam bandar kita ini adalah kaum bumiputra dapat peluang untuk mendirikan rumah dan sebagainya tidaklah sepertimana keadaan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya harap pihak Kerajaan juga harus daripada sekarang menyedari hakikat bahawa kita selain daripada perairan Malaysia Barat dipisahkan oleh Laut China di sebelah Timur, Selat Melaka di sebelah barat dan Selat Tebrau di sebelah selatan; saya harap Kerajaan juga harus memikirkan dan memerhatikan dengan teliti berhubung dengan sempadan perairan kita di Selat Tebrau oleh kerana terdapatnya di sebelah pihak Selat Tebrau, di sebelah sana atau lebih khusus lagi Kerajaan Singapura, mereka menambak pantai yang bersempadan dengan

Selat Tebrau dengan tidak ada ulasan. Maksud saya tidak ada pengawasan daripada pihak Kerajaan kita. Jadi sekiranya pengawasan ini tidak dibuat, saya bimbang dengan kebenaran-kebenaran yang mana kita mengeksportkan batu quari kita ke sana, maka saya bimbang pada suatu hari kelak apabila Selat Tebrau itu ditambak dan ditambak akhirnya bercantum dengan negara kita. Jadi tidak ada lagi perbatasan atau sempadan. Jadi masa masih belum terlambat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini ialah berkaitan cuma satu perkara yang besar iaitu meminda dengan menggantikan perkataan "fifteen" dalam perenggan B sub-section 5, perkataan "ten" iaitu tentang hal tempoh minimum bagi penyemakan cukai yang dinyatakan. Kalau boleh, Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada perkara itu.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berbalik semula kepada Maksud dan tujuan yang sebenar Rang Undang-undang ini.

Di dalam kawasan pilihanraya sendiri apabila cukai-cukai yang dikenakan sekarang ini terutama dalam kawasan Perbandaran terlalu tinggi dan ada di antara tuannya tanah terpaksa mengeluarkan sampai \$10,000 untuk tuntutan daripada Kerajaan Tempatan supaya mereka membayar cukai. Jadi ini saya rasa akan membebankan sebahagian daripada tuannya tanah terutama sekali dalam bandar dan lebih-lebih lagi kalau tuannya itu kaum bumiputra memang mereka tidak akan mampu untuk membayar dengan sebegitu banyak. Jadi saya harap dapat ditimbangkan semula untuk rayuan mereka. Kalau tidak, saya percaya tanah mereka itu akan terlepas, oleh kerana mereka tidak akan mampu membayar tunggakan demi tunggakan yang dituntut oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan yang tidak ada jalan lain bagi mereka selain daripada menggadaikan tanah itu ataupun di jual kepada kaum-kaum lain. Jadi bagi mengelakkan supaya tanah itu tidak terlepas ke tangan orang lain, sebab nampaknya Kanun Tanah Negara kita tidak melarang orang-orang luar untuk memiliki ataupun mendapat hak memiliki tanah dalam

negara kita ini dari mana juga datangnya boleh membeli tanah dengan sebeb-bebasnya. Jadi kalau begitu tanah yang tadinya begitu tinggi diassesskan akan terlepas juga ke tangan orang lain.

Jadi untuk mengelakkan perkara ini diharap pihak Kerajaan akan benar-benar menimbangkan perkara ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

*7.43 mlm.*

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara bagi menukar Seksyen 101 iaitu daripada 15 kepada 10 tahun. Ini adalah sesuai kerana tempohnya tidaklah begitu lama menunggu sampai 5 tahun daripada apa yang kita cadangkan pada hari ini.

Dalam pada itu saya hendak bercakap sedikit selain daripada saya menyokong rakan saya dari Panti iaitu dengan mengadakan Malay Reserve ditambah lagi tetapi saya membawa cadangan di sini supaya pihak penyelesaian Kanun Tanah Negara ini merezabkan ataupun membuat Tanah Simpanan Kampung. Saya musykil sekali kerana di negeri Perak ada beberapa buah kampung orang Melayu telahpun dilanda oleh kapal korek ataupun lombong kelikir, oleh itu kalau diadakan Rezab Kampung tidaklah begitu hebat sangat bunyinya dipandang oleh orang kerana disebut Reserve Melayu semata-mata Rezab Melayu kerana selain daripada Rezab Melayu ada juga Rezab Orang Asli. Jadi rezab ini adalah menentukan oleh itu kita sebutkan Rezab Kampung supaya kampung jangan dicemar oleh lombong-lombong.

Yang kedua, lombong-lombong itu apabila telah ditinggalkan hendaklah ditentukan ataupun bersatu dengan Pejabat Perlombongan supaya apabila tanah-tanah itu telah terpungkis keluarlah segala pasir-pasir di atas tetapi banyak didapati lombong-lombong yang ditinggalkan kalau kita menaiki kapalterbang, kita nampak macam

seolah-olah lopak sahaja di negeri Perak, Selangor dan negeri-negeri lain. Ini patut ditegaskan lagi supaya syarat-syarat perlombongan itu apabila lombong-lombong itu telah dikorek hendaklah ditutup semula apabila selesai sahaja bijih timah itu diambil.

Yang ketiga, berkenaan dengan kampung-kampung baru, pihak Kerajaan kita telah memberi tanah yang begitu kecil. Kalau dapat pihak Kanun Tanah Negara atau Kementerian yang berkenaan supaya berbincang ataupun menyelaraskan yang mana pada masa ini tanah-tanah itu diberi kecil saiznya tetapi ada pula Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran menentukan bahawa tiap-tiap penduduk di kampung-kampung baru yang begitu kecil saiz tanah itu hendaklah dibelakangkan lagi jauh, saya tak tahu berapa sukatannya, jauh daripada jalanraya maka terdapatlah rumah-rumah mereka yang sangat tidak sesuai iaitu belakang rumah itu menghimpit ke sempadan rumah orang yang di hadapan. Oleh itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kulim Bandar-Bahru.

*7.45 mlm.*

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar-Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara yang sedang dibincangkan.

Rang Undang-undang ini bertujuan, saya rasa adalah untuk membanyakkan hasil Kerajaan dari cukai tanah tetapi sungguhpun Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan yang amat sangat tetapi saya rasa bukan ini sahaja satu cara untuk membanyakkan hasil-hasil cukai dari tanah. Sebenarnya apa juga aturan peraturan yang bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran tanah haruslah dialu-alukan. Misalnya terdapat di mana-mana sahaja masalah utama dalam soal pembangunan adalah masalah tanah, di mana-mana daerah juga kita terdapat apa juga salah satu masalah utama dan yang melambatkan projek pembangunan Kerajaan adalah masalah yang bersabit dengan tanah.

Begitu juga kalau kita lihat di setengah-setengah tempat di mana pentadbiran tanah itu cukup cekap dan licin maka dengan sendirinya juga projek-projek Kerajaan dapat berjalan dengan licin. Jadi sungguhpun saya mengalu-alukan cadangan ini untuk memperkemaskan Kanun Tanah Negara ini tetapi saya rasa Kerajaan harus juga memikirkan tentang soal-soal yang lebih penting lagi supaya hasil negara yang saya rasa beratus juta ringgit kehilangan begitu sahaja tiap-tiap tahun, hasil akibat dari ketidakcekan ataupun tidak licinnya jentera pentadbiran tanah diseluruh negeri itu dapat kita perolehi semula.

Saya mengambil satu contoh di mana-mana sahaja kita terdapat ribuan permohonan tanah yang sudahpun mengambil masa 20 tahun lebih tetapi tidak diambil tindakan oleh Pejabat-pejabat Tanah untuk diselesaikan. Begitu juga saya rasa kadangkala di bidang tanah ini bertindih-tindih permohonannya dalam masa 20-30 tahun yang lalu itu. Hasilnya kalau kita memikirkan sungguhpun tanah-tanah tersebut sudah pun membawa hasil kepada orang yang memugar tanah itu ataupun menggunakan tanah itu selama 20-30 tahun tetapi Kerajaan tidak memperolehi sesuatu pendapatan atasnya, oleh sebab jentera yang memeriksa ataupun untuk menyelesaikan segala permohonan tanah itu lembab dan bukan sahaja itu dari segi hasil-hasil secara langsung (direct benefit), cukai-cukai secara langsung kita telah rugi tetapi juga perolehan-perolehan secara tidak langsung.

Saya ambil contoh, misalnya terdapat sekarang ini beribu-ribu ekar, malah saya rasa berpuluh ribu ekar tanah-tanah getah yang sudah pun memberi hasil, kalau di kampung kata orang itu sudah tiga empat kali pergi ke Mekah, tetapi sekarang ini kalau hendak mendapat bantuan RISDA misalnya tidak boleh, sebab tidak ada hak milik. Dan oleh sebab itu mereka tidaklah boleh menjadikan tanah mereka lebih produktif oleh sebab tidak mendapat sesuatu bantuan yang tertentu. Jadi oleh itu saya rasa Kerajaan haruslah memikirkan dengan seriusnya bagaimana hendak menjadikan jentera pentadbiran tanah itu lebih licin

supaya segala pembangunan dapat berjalan dengan lebih cekap dan lebih licin, dan dalam hubungan ini, saya inginlah menyarankan supaya di peringkat Federal sungguhpun masalah tanah adalah merupakan bidangkuasa Kerajaan Negeri, di peringkat Federal ini diadakan satu badan penyelaras, bukan berbentuk Majlis Tanah Negara yang mana kadangkalanya bersidang juga untuk membincangkan soal-soal besar, soal dasar, soal pokok, tetapi maksud saya ada satu badan penyelaras yang tidak dapat saya nyatakan bentuknya, tetapi saya rasa haruslah ada satu badan penyelaras di mana semua Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri-negeri ataupun Pegawai-pegawai Kanannya dapat berjumpa, sering berjumpa dari semasa ke semasa untuk bertukar-tukar pendapat dan juga untuk bertukar pengalaman bagaimanakah pentadbiran tanah di negeri-negeri ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan licin lagi.

Saya rasa pada masa ini belum lagi ada suatu badan penyelaras seperti itu, kalau ada badan penyelaras ini maka sudah tentulah bukan sahaja Pejabat-pejabat Tanah di sesuatu negeri ini dapat belajar dari pengalaman-pengalaman dari rakan-rakannya di negeri-negeri lain, malah saya rasa bagi negeri-negeri yang maju itu, maka negeri-negeri yang mundur sudah tentu saya rasa akan dapat galakan ataupun contoh, inspirasi dan sebagainya supaya dia dapat balik ke negerinya untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) yang sedang dibincangkan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*7.51 mlm.*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) untuk mengurangkan daripada 15 tahun ke 10

tahun untuk menyemak dalam cukai-cukai tanah yang dikenakan kepada pemilik-pemilik tanah. Saya tidak tahu sama ada pengurangan masa ini untuk menyemak bagi menaikkan cukai tanah atau mengurangkan cukai tanah, kalau sekiranya menaikkan cukai tanah adalah tidak memberi faedah kepada rakyat. Walaupun mendapat hasil tetapi pertambahan hasil tidak begitu banyak, tetapi kalau menyemak untuk mengurangkan cukai tanah adalah lebih berfaedah kepada rakyat miskin yang perlu tidak menambahkan dari segi bayaran, bahkan dapat mengurangkan dan pendapatannya bertambah daripada hasil-hasil yang sedikit itu.

Yang kedua dalam cukai tanah ini juga kita dapati bahawa tanah rakyat yang kecil-kecil kadang-kadang cukainya \$10, \$20 itu sahaja yang diambil tindakan. Tetapi estet-estet besar, tanah-tanah yang besar-besar selalunya lambat diambil tindakan. Ini saya tidak tahu sama ada benda ini sahaja dibuat begitu ataupun susah hendak diambil tindakan, tetapi sepatutnya tanah-tanah yang luas seperti estet itulah tindakan diutamakan, bukan kepada tanah-tanah rakyat yang kecil-kecil. Kebanyakan tanah-tanah di negeri asalnya digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tanah itu kadang-kadang sampai masanya tidak digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, malangnya tanah itu tidak diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri menyebabkan tanah itu tergantung dan tidak dapat dibuat pembangunan yang lain.

Misalnya, banyak tapak-tapak sekolah atau rizab sekolah yang lama-lama seperti yang saya katakan, tetapi hingga bertahun-tahun tanah itu dengan nama rizab sekolah, tanah itu tidak dibuat pembangunan, tinggal begitu sahaja dan apabila diminta serah balik kepada Kerajaan Negeri, jawapannya tidak boleh, dia hendak gunakan. Tetapi tidak tahu apa hendak digunakan dan malangnya untuk pembangunan itu diminta lagi tanah-tanah baru untuk membuat pembangunan di tempat lain. Ini banyak terjadi, tanah-tanah dalam bandar misalnya satu masa kawasan tanah itu kita dirikan sekolah, tetapi malangnya dengan keadaan pembangunan sekarang sekolah itu tidak sesuai lagi di situ

dan kita terpaksa membina sekolah di tempat lain, dan apabila dibina sekolah di tempat lain kita beri kawasan lain, maka kawasan yang lama tidak mahu diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Perkara ini sepatutnya Kementerian yang berkaitan meminda satu undang-undang lain lagi supaya dengan sendirinya tanah yang hendak digunakan oleh Kerajaan Persekutuan itu dengan sendirinya akan kembali kepada Kerajaan Negeri supaya dapat dijadikan pembangunan.

Satu lagi grazing reserve, sekarang ini lembu tidak banyak dan MAJUTERNAK sudah ditutup dan tanah-tanah grazing reserve ini sebenarnya terlampau banyak yang tidak boleh tidak ada rumput yang diberi kuasa kepada Jabatan Haiwan. Sepatutnya tanah-tanah ini apabila rumput tidak ditanam dan apabila rumput tidak ada di situ, lembu tidak mahu makan kerana rumput itu tidak ada. Tanah-tanah seperti ini sesuai untuk tanaman lain dan tanah seperti ini hendaklah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri atau diberi kepada Pejabat Tanah supaya tanah ini dapat digunakan atau diberi kepada rakyat bagi menjalankan usaha ekonomi supaya tanah itu tidak terbiar. Tanah-tanah seperti ini memang banyak yang tidak subur dengan tanaman rumput, tetapi sesuai ditanam tanaman lain ditanah ini jangan terbiar begitu sahaja menjadikan tanah kosong.

Yang akhir sekali ialah di dalam Undang-undang Tanah ini yang peliknya ialah di negeri Kelantan, dia ada satu Undang-undang Penyelesaian Tanah Kelantan Tahun 1955. Ini tidak ada di negeri lain, kecuali di negeri Kelantan. Masalahnya tanah ini kuasa yang diberi terlampau besar menyebabkan siapa yang menduduki di atas tanah itu, maka dia berhak walaupun tanah asalnya nama orang lain, ini juga patut dibuat pindaan oleh Kementerian ini. Dia kata by occupation, maknanya berdasarkan orang yang menduduki tanah itu, kalau sekiranya daripada turun-temurun duduk atau dibenarkan oleh tuannya duduk sementara setelah beberapa tahun, dia membina rumah dan dengan sendirinya tanah itu boleh diisytiharkan kepada pemilik yang menduduki tanah itu. Walaupun tanah itu

dalam gerannya kepunyaan si Ahmad ataupun orang lain, kuasa inilah yang menyebabkan penyelesaian tanah ini akan menjadikan penyelesaian yang tidak akan selesai dan ini banyak berlaku di negeri Kelantan yang sepatutnya perkara ini tidak akan berlaku dan kadang-kadang kalau kita tengok dalam geran asal tanah yang dikeluarkan oleh Survey Department tanah itu cantik, memang diukur dengan betul dan lurus dan luasnya mengikut geran. Tetapi apabila datang sahaja penyelesaian tanah, dia berdasarkan orang yang memiliki itu, kalau asalnya dia memiliki walaupun berlekar-lekar kawasan tanah itu, maka diikuti sebagaimana perintah.

Ini satu undang-undang penyelesaian tanah yang saya rasa tidak ada di negeri lain dan rancangan ini patut dihapuskan dan tidak lagi wujud di negeri Kelantan. Biarlah penyelesaian tanah di negeri Kelantan itu diselesaikan oleh Pejabat Tanah dan bukan diselesaikan satu badan lain yang akan mewujudkan masalah-masalah dan huru-hara kepada pemilik-pemilik tanah itu.

Ini banyak bukan yang menyebabkan setengahnya mengatakan undang-undang ini tidak adil berdasarkan kedudukan tanah, walau orang itu ada geran padahal mengikut Undang-undang Tanah bahawa nama siapa yang tercatat dalam geran maka gerannya itu tiada siapa dapat menafikan itulah hak miliknya. Tetapi apabila ada Undang-undang Tanah yang menyatakan bahawa siapa yang menduduki atas tanah itu maka dia yang punya tanah itu. Benda ini berlaku yang menyebabkan huru-hara, menyebabkan beberapa perkara yang tidak dapat di selesaikan. Oleh itu, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini dan biarlah pindaan ini memberi faedah kepada rakyat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masapun sudah cukup Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi kalau begitu saya akan minta Menteri yang berkenaan menjawab pada esok. Dan dengan itu, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pada hari Jumaat, 19-3-1982 pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.*